

**ESEI-ESEI
BUDAYA
DAN
SEJARAH**

PERAK

ESEI-ESEI BUDAYA DAN SEJARAH

PERAK

Ketua Penyunting
DR. OMAR FAROUK BAJUNID



SIRI MINGGU KESENIAN ASRAMA ZA'BA

Semua pertanyaan mengenai penerbitan buku ini bolehlah
dialamatkan kepada

Asrama Za'ba
Universiti Malaya
Lembah Pantai
59100 Kuala Lumpur
Malaysia

Cetakan Pertama 1989

© Hakcipta Asrama Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi,
isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa cara pun samada
secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman dan lain-lain sebelum mendapat
izin bertulis daripada Pengetua Asrama Za'ba, Universiti Malaya.
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

ISBN 983 - 99631 - 1 - 2

Diaturhuruf oleh: City Reprographic Services

Muka taip teks : IBM Theme

Saiz taip teks : 11 poin

Reka kulit : Pazilah Jusoh

Dicetak oleh

529802

City Reprographic Services
No. 2, Jalan Vivekananda, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur. Tel: 2742276.

957-5118
ESE

957-5114
ESE

17 JUL. 1990

Perpustakaan Negara
Malaysia

PRAKATA

Pada tanggal 7 hingga ke 12 Desember 1987, Asrama Za'ba dengan kerjasama Pusat Kebudayaan Universiti Malaya dan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menganjurkan Projek Minggu Kesenian Perak di kampus Universiti Malaya. Projek ini merupakan projek ketiga di dalam siri projek minggu kesenian yang dikendalikan oleh para penghuni Asrama Za'ba. Projek yang pertama melibatkan negeri Kelantan dan yang kedua, negeri Melaka.

Projek Minggu Kesenian Perak telah dianjurkan dengan hasrat untuk melibatkan pihak universiti agar dapat turut serta memikul tanggungjawab pemeliharaan warisan budaya negara selaras dengan perakuan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1972. Walaupun terdapat berbagai macam jenis hikmah di dalam projek ini sama ada secara terbuka ataupun secara terselindung matlamat utamanya adalah untuk membantu mencetuskan proses nasionalisasi kebudayaan dengan cara mengangkat dan mengetengahkan seluruh warisan negeri Perak ke pentas kebangsaan supaya ianya diketahui dan seterusnya diterima oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai warisan negara bersama. Projek ini juga bertujuan melakukan usaha-usaha pendokumentasian untuk maksud pengkajian lanjut dan pengabdian rekod. *Buku Esei-esei Budaya Dan Sejarah Perak* ini adalah hasil langsung Projek Minggu Kesenian Perak ini. Oleh itu kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan di dalam membantu menjayakan Projek Minggu Kesenian Perak ini.

Kami ingin merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Ghafarullahu-Lahu Shah, Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan dan Canselor, Universiti Malaya, kerana kesudian Baginda menjadi Penaung Projek Minggu Kesenian Perak ini. Kami juga amat berterima kasih kepada ke bawah Duli Yang Teramat Mulia, Raja Dato' Seri Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan, kerana telah sudi merasmikan projek ini.

Kepada Y.A.B. Dato' Seri Haji Ramli Bin Ngah Talib, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, kami ingin menyatakan betapa terharunya kami di atas sokongan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri Perak di dalam menjayakan projek ini. Pegawai Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Perak, Encik Mustafa Kamal b. Tajuddin telah menunjukkan semangat dedikasi yang tinggi di dalam menjalankan tugas-tugasnya membantu kami dan di atas hal ini kami ingin menyatakan perasaan

terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau. Kami juga tidak lupa akan sumbangan semua para artis dari Perak yang sebenarnya merupakan "pelakon utama drama minggu kesenian ini." Di pihak Universiti Malaya, Profesor Diraja Ungku A. Aziz, Naib Canselor pada masa itu dan Profesor Madya Dato' Mohd. Yunus Mohd. Noor, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, telah memberi cukup banyak galakan dan pertolongan. Sumbangan mereka pasti akan menjadi kenangan abadi kami.

Barang sudah tentu Projek Minggu Kesenian Perak ini mempunyai erti yang istimewa kepada golongan pelajar yang telah terlibat secara langsung di dalam pengorganisasiannya. Sekalung bunga sekali lagi diberi kepada Pengarah Projek, Sdr. Tunku Alizan Raja Muhd. Alias dan seluruh anggota teamnya yang telah mengharumkan nama Universiti Malaya dengan mutu pengorganisasian yang tinggi lagi teliti. Syabas.

Khusus untuk buku ini ramai pihak telah memainkan peranan di dalam membantu proses penerbitannya. Kami ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada semua pembentang kertas-kerja sesi bengkel, ceramah dan kuliah awam yang telah diadakan sempena Minggu Kesenian Perak kerana sumbangan mereka pada masa itu dan seterusnya kesudian mereka membenarkan kami menerbitkan bahan-bahan yang telah dibentangkan itu di dalam bentuk buku ini.

Kerja-kerja penyuntingan dan penyemakan deraf-deraf awal makalah-makalah ini telah diselenggarakan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Projek Pendokumentasian Kesenian, di bawah kepimpinan Sdr. Pazilah Jusoh selaku Pengarahnya. Di antara pelajar yang telah terlibat secara langsung di dalam kerja-kerja menaip, penyuntingan dan penyusunan adalah Sdr. Roslan Ali, Sdr. Sharudin Ahmad Nawawi, Sdri, Nik Nor Azlina Nik Abdullah dan Sdri. Noora Mohd Noor. Saudari Kaldip Kaur telah membantu menterjemahkan karya Dr. Albert G. Gomes dan Encik Rabindra J. Daniel yang pada asalnya tertulis dalam bahasa Inggeris.

Projek Pendokumentasian Kesenian ini juga pasti tidak dapat berjalan dengan sempurna tanpa sokongan pihak Universiti Malaya. Oleh itu kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Syed Hussein Al-Attas, Naib Canselor, Universiti Malaya dan Profesor Madya Abdul Rashid Hj. Ahmad, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar. Kami sekali lagi amat terutang budi kepada YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan kerana sokongan beliau menjadi Penaung projek ini dan bantuan kewangan yang telah diberi oleh kementerian beliau.

Harus dijelaskan di sini bahawa pada dasarnya semua makalah yang terkandung di dalam buku ini cuba dibentangkan di dalam bentuk asalnya. Namun demikian, untuk tujuan penyelarasan kami telah melakukan beberapa pengubahsuaian terutamanya dari segi stail dan gaya

bahasa. Kalau sekiranya terdapat sebarang kekurangan di dalam buku ini tanggungjawabnya adalah di atas bahu kami sendiri.

Semoga buku kecil ini dapat serba sedikit mengisi kekurangan bahan bacaan mengenai warisan budaya dan sejarah negara yang amat ketara sekali dan seterusnya mengilhamkan lebih banyak lagi karya-karya yang seumpamanya.

DR. OMAR FAROUK BAJUNID,
Asrama Za'ba,
Universiti Malaya.



PENGENALAN

Tidak seperti Melaka, negeri Perak lazimnya tidak diberi perhatian yang utama sebagai salah satu punca warisan negara yang penting. Hal ini mungkin kerana keyakinan ramai pihak bahawa tidak terpancar unsur ketersendirian atau keagungan Perak sebagai sebuah negeri yang tua di Semenanjung Tanah Melayu. Barangkali juga, oleh kerana Melaka sering dirujuk sebagai tempat di mana segalanya berpunca di Malaysia, kedudukan Perak dengan sendirinya tidak dapat menandinginya. Tambahan pula, Kesultanan Perak itu sendiri dikatakan adalah keturunan langsung daripada Kesultanan Melaka dan merupakan cabangnya yang cukup penting.

Sebenarnya negeri Perak mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam perkembangan sejarah negara dan dalam aspek-aspek tertentu melebihi dan mendahului negeri Melaka. Hal ini mungkin tidak disedari ramai. Misalnya, bukti kewujudan tamadun awal di negara ini telahpun terkesan di negeri Perak daripada Zaman Batu lagi, beribu tahun sebelum kemunculan Kesultanan Melaka. Dalam Zaman Kesultanan Melaka pula, terbentuk perhubungan yang istimewa di antara Perak dengan Melaka sehinggakan Perak dipilih sebagai pewaris tradisi agungnya. Sejarah Perak seterusnya tidak kurang menarik mahupun dalam aspek pergolakan dalamannya atau perhubungan luar dengan kuasa-kuasa besar. Sayugianya diingatkan bahawa pertapakan British secara rasmi di Negeri-negeri Melayu yang telah membuka lembaran baru dalam sejarah moden negara, bermula di Pulau Pangkor, Perak. Dalam Zaman Kolonial pula negeri Perak tergolong sebagai sebuah negeri di Semenanjung yang amat pesat sekali berkembang dari segi ekonomi dengan kesan yang meluas ke atas sejarah sosial dan budaya negeri itu selanjutnya. Selepas kemerdekaan, negeri Perak terus muncul sebagai sebuah negeri yang utama dalam Persekutuan Malaysia dengan keunikannya yang tersendiri dan terpelihara.

Memang hakikat hal tersebut di atas telah cuba diketengahkan di sana-sini di dalam beberapa penulisan mengenai Perak yang telah dihasilkan. Namun demikian, dirasakan bahawa perhatian yang diberi kepada negeri Perak setakat ini masih kurang memuaskan. Justeru itu, buku *Esei-esei Budaya dan Sejarah Perak* ini dihasilkan. Buku ini tidak mempunyai sesuatu tema atau persoalan pokok yang hendak diberi perhatian utama, tetapi hanya bertujuan menonjolkan aspek-aspek yang berbeza di dalam warisan sejarah dan budaya negeri Perak.

Buku Esei-esei Budaya dan Sejarah Perak ini menghidangkan tujuh buah makalah yang ditulis oleh tujuh orang pakar yang telah banyak melakukan penyelidikan mengenai aspek-aspek tertentu sejarah tanah-

air. Makalah-makalah ini, pada asalnya telah dibentangkan di dalam bentuk kertas-kerja dalam suatu siri ceramah yang telah diadakan sempena Projek Minggu Kesenian Perak, anjuran Asrama Za'ba, Universiti Malaya, pada tahun 1987. Kesemua judul asal kertas-kerja berkenaan telah dikekalkan di dalam buku ini kecuali dua buah kertas-kerja yang ditulis di dalam Bahasa Inggeris tetapi telah diterjemahkan untuk tujuan penerbitan buku ini. Setiap makalah yang dimuatkan di dalam buku ini mengandungi satu aspek sejarah atau budaya Perak yang tersendiri.

Makalah pertama yang ditulis oleh Encik Kamarul Baharin bin Buyong telah memperkenalkan kerangka sejarah negeri Perak dengan melukis peta sejarah Perak yang bermula dari Zaman Paleolitik lagi. Encik Kamarul Baharin telah membuat pernyataan-pernyataan yang berjaya menyingkap kembali tahap-tahap terpenting sejarah negeri Perak. Beliau telah mengingatkan kita bahawa walaupun dari suatu segi negeri Perak adalah fenomena baru yang muncul sekitar tahun 1528 Masehi apabila Sultan Muzaffar Shah menjadi Sultan dan meneruskan sejarah kesultanan Melaka, sejarah Perak sebenarnya bermula dari Zaman Paleolitik lagi dan menyeberangi Zaman Mesolitik dan Zaman Neolitik sebelum memasuki ke Zaman Sejarah Moden. Dalam lain perkataan negeri Perak amat kaya dengan peninggalan-peninggalan Zaman Prasejarahnyanya.

Bukti tamadun Zaman Batu Lama telahpun dikesan di Kampung Laut, Kota Tampan, Lenggong. Sementara warisan sejarah Zaman Neolitik terdapat di dalam lukisan-lukisan pra-sejarah di Gua Tambun, berdekatan Ipoh. Lukisan yang menggunakan gambaran binatang atau haiwan menunjukkan bukti perkembangan seni di Tanah Melayu sejak zaman awal lagi. Artifak-artifak sejarah seperti pecahan tembikar serta 'Tulang Mawas' pula menunjukkan kewujudan fasa budaya logam di dalam sejarah Perak. Dalam Zaman Hindu-Buddha pula terdapat tinggalan patung Buddha yang dikenali sebagai Bodhisattva Avalokitesvara yang diperbuat daripada gangsa. Tapak bersejarah Tanjung Rawa dan Kuala Selinsing menjadi bukti bahawa penduduk negeri Perak telahpun menjalankan kegiatan perniagaan di dalam dan di luar negeri.

Perak melalui zaman baru dengan kemunculan Kesultanan Perak dalam tahun 1528 Masehi sebagai pewaris kepada Kesultanan Melaka. Sehingga hari ini terdapat beberapa buah kota dan kubu yang menjadi batu petanda sejarah lampau Perak yang tidak kurang menarik. Kota Belanda di Teluk Gedong, Pulau Pangkor, telah dibina dalam tahun 1670 Masehi. Kota Long Jaafar dan Kota Ngah Ibrahim pula dibina di dalam abad ke-19. Campurtangan British di Negeri-negeri Melayu, seperti yang disebut tadi juga bermula di Perak. Pendeknya perkembangan sejarah dan budaya Perak untuk beribu tahun yang

lampau adalah suatu pengalaman yang penuh bermakna bukan sahaja bagi Perak tetapi juga bagi negara Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Di dalam makalah kedua yang ditulis oleh Encik Mohd. Kassim bin Haji Ali, kita dibawa meninjau sejarah matawang Perak. Walaupun Encik Mohd. Kassim menganggap usaha beliau sebagai suatu penerokan yang memerlukan penelitian lanjut, beliau telah berjaya menarik perhatian kita tentang keistimewaan Perak dari segi sejarah matawangnya. Mungkin juga apa yang tidak kurang munafaat ialah usaha Encik Mohd. Kassim untuk memberi sedikit sebanyak maklumat tentang sejarah matawang secara umumnya. Butir-butir kecil yang diberi oleh Encik Mohd. Kassim selanjutnya, khususnya mengenai duit negeri Perak yang terdapat di dalam berbagai bentuk pada tahap-tahap yang tertentu menarik sekali. Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa sejarah matawang adalah juga suatu bentuk sejarah ekonomi awal. Duit-duit Perak telah dipergunakan di Perak sehingga akhir kurun ke-19 dan awal abad ke-20 apabila ianya digantikan dengan duit-duit syiling keluaran Negeri-negeri Selat di bawah jajahan British yang sudah tentu dengan sekaligus menunjukkan dominasi ekonomi Kerajaan Kolonial ke atas negeri Perak.

Karya Profesor Khoo Kay Kim berjudul "Teluk Intan/Teluk Anson Dari Segi Sejarah" amat bermunafaat sekali. Kita telah bukan sahaja didedahkan kepada berbagai butir kecil mengenai bandar Perak yang bersejarah itu dengan amat menarik tetapi juga telah diyakinkan bahawa penulis menguasai fakta-fakta berhubung dengan bandar itu sepenuhnya dan telah dapat membentangkannya dengan cara yang 'hidup'. Pada suatu masa dahulu Teluk Intan/Teluk Anson pernah menjadi pusat ekonomi yang penting di Perak dan sejarah Teluk Intan/Teluk Anson sebenarnya juga menceritakan tentang sejarah Perak di ambang peralihan dan perubahan dalam zaman moden. Teluk Intan/Teluk Anson mewarisi suatu senarai panjang beberapa macam pencapaiannya. Teluk Intan/Teluk Anson menjadi penting kerana ianya terdiri di suatu kawasan pertanian yang luas, yang merangkumi bukan sahaja kawasan Perak tetapi juga Selangor. Semasa jalan sungai menunjangi rangkaian perhubungan di Perak, Teluk Intan/Teluk Anson berperanan besar dan mempunyai sistem pengangkutan air yang cukup efisien. Di samping itu, Teluk Intan/Teluk Anson juga pernah merupakan saluran eksport yang utama bagi seluruh kawasan persekitarannya dan mempunyai hubungan perdagangan yang langsung dengan Singapura. Kehadiran golongan Chettiar di Teluk Intan/Teluk Anson juga menjadi petunjuk penting akan kemajuan yang telah dicapai oleh bandar itu dalam sejarah silamnya. Sejarah Teluk Intan/Teluk Anson harus diketahui oleh setiap orang yang ingin mengetahui sejarah moden negeri Perak secara keseluruhannya.

Dr. Abdullah Zakaria, di dalam makalah yang berikutnya telah melakukan tinjauan mengenai penglibatan beberapa orang tokoh Perak di dalam perjuangan kemerdekaan. Karya ini bermula dengan suatu tinjauan ringkas tentang sejarah penentangan orang-orang Melayu terhadap kuasa asing yang cuba menembusi alam budaya dan politik mereka di masa silam. Pada zaman moden, ekoran dari pengalaman penjajahan, penubuhan Persatuan Melayu Perak dalam tahun 1937 telah mencetuskan kesedaran baru di kalangan rakyat. Institusi-institusi pendidikan tempatan seperti Maahad Ihya Assharif telah memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat kebangsaan orang-orang Melayu. Semasa Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pelajar-pelajar Ihya telah turut terlibat. Perak telah menampilkan beberapa orang tokoh radikal dan sederhana di dalam pertubuhan-pertubuhan seperti KMM, PKMM, API, AWAS, KRIS, KITA, UMNO, MATA, PAS, IMP, Parti Rakyat dan PKM.

P.K.M.M. sendiri telah diasaskan di Ipoh, Perak. A.W.A.S. (Angkatan Wanita Sedar) juga ditubuhkan di Perak. Semasa penubuhan U.M.N.O. beberapa orang tokoh Perak telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi. Pendeknya, penglibatan tokoh-tokoh Perak dalam perjuangan kemerdekaan negara adalah menarik sekali, bukan sahaja kerana kepimpinan yang telah mereka berikan kepada gerakan-gerakan tertentu tetapi adalah juga kerana mereka telah menganuti berbagai jenis fahaman dan corak perjuangan yang berbeza-beza.

Encik Nuwairi Haji Khaza'ai di dalam karyanya berjudul "Beberapa Ciri Khusus Dialek Perak" telah menekankan kekayaan Perak dari segi warisan sejarah dan budayanya. Khususnya dari segi bahasa dan dialek, Perak boleh dikatakan sebagai mini-Nusantara di mana terdapat begitu banyak sekali loghat-loghat dan dialek-dialek di Nusantara seperti Boyan, Bugis, Kerinci, Rawa, Minangkabau, Jawa, Banjar, Pattani dan dialek Kampar yang digunakan di kawasan-kawasan tertentu di Perak. Dialek Perak sendiri terbahagi kepada beberapa jenis yang mempunyai unsur-unsur kelainan yang tertentu. Kini dialek Perak menghadapi persaingan dari banyak penjurua dan sudah ramai pula di kalangan generasi muda Perak yang tidak berkeupayaan untuk menguasainya. Dialek Perak ketara sekali diancam bahaya kepupusan.

Karya Encik J. Rabindra Daniel berjudul "Masyarakat India di Perak" diterjemahkan dari kertas-kerjanya yang mempunyai judul Inggeris *Indians in Perak*. Encik Daniel telah cuba menunjukkan bahawa pertalian sejarah di antara orang India dengan masyarakat tempatan di Semenanjung Tanah Melayu telah berakar umbi melalui pengalaman sejarah yang lama. Orang-orang India telah lama berdagang di Semenanjung Tanah Melayu dan melalui perhubungan perdagangan ini kebudayaan India telah juga turut tersebar. Tetapi pada tahap ini jumlah

orang-orang India di Tanah Melayu kecil sekali. Keadaan berubah apabila berlaku penghijrahan beramai-ramai buruh dari India ke Tanah Melayu yang didorongi oleh kepentingan ekonomi penjajah British. Khususnya dengan pembukaan ladang-ladang getah yang besar, tenaga pekerja yang ramai telah diperlukan.

Majoriti dari pendatang India ke Tanah Melayu dan khususnya ke Perak adalah dari Selatan India. Rata-rata mereka berketurunan Tamil. Penghijrahan ke Tanah Melayu hanya ditamatkan pada tahun 1953. Namun demikian bentuk penghijrahan India ke Tanah Melayu sepanjang masa yang berlaku adalah sementara. Kini, Perak mengandungi jumlah orang India yang besar jumlahnya, hampir 255,595 orang menurut banci tahun 1980. Mereka berada di dalam berbagai profesyen tetapi jumlah yang paling besar terlibat dalam sektor perladangan sebagai buruh. Rata-rata golongan India di sektor ini miskin dengan kadar keciciran di sekolah yang tinggi dan pencapaian pelajaran yang rendah. Pesta-pesta Hindu disambut meriah oleh orang-orang India yang beragama Hindu. Malah setiap estet mempunyai pestanya tersendiri. Masyarakat India sudah merupakan suatu unsur yang tetap di dalam *landscape* etnik di Perak dan semakin terdedah kepada tanggungjawab mereka sebagai orang Malaysia, dan dengan itu telah cuba memainkan peranan kewarganegaraan yang wajar.

Makalah terakhir sumbangan Dr. Albert G. Gomes diberi judul "Ekonomi Masyarakat Semai" dan merupakan terjemahan daripada karya asalnya dalam Bahasa Inggeris yang berjudul *Things are not what they seem: Semai Economy in the 1980s*. Karya ini amat bernilai kerana Dr. Gomes telah mencabar beberapa pendapat mengenai masyarakat Semai yang dianggap tidak tepat oleh beliau dan menyeleweng khususnya berkenaan dengan ekonomi mereka. Penulisan yang sedia ada mengenai ekonomi masyarakat Semai lazimnya mengandaikan keadaan sosial mereka telah tidak berubah langsung sejak dahulu. Mereka sering digambarkan sebagai suatu masyarakat yang terbencong daripada pengaruh kapitalisme dan modenisasi yang menjalar ke masyarakat lain. Dr. Gomes menunjukkan di dalam karyanya bahawa orang Semai juga kini sedang mengalami perubahan yang menarik dan sudahpun mengambil bahagian secara aktif dalam pengeluaran komoditi sederhana. Nilai-nilai mereka sudah mulai berubah dan perlakuan mereka semakin berbeza daripada perlakuan mereka dalam tahun-tahun sebelumnya, semasa mereka masih terbelenggu dengan amalan-amalan kuno. Dr. Gomes merumuskan bahawa dasar kerajaan yang terus mengangap orang Semai sebagai golongan yang ketinggalan serta tidak akur kepada sistem pasaran, oleh itu memerlukan langkah-langkah "pemodenan" sudah lapok dan harus difikirkan semula.

Adalah jelas bahawa keistimewaan buku ini adalah ia mengemukakan pelbagai ragam persoalan yang tidak mempunyai fokus yang padu. Apa yang mengikat ketujuh-tujuh makalah yang dibentangkan ialah setiap satunya membicarakan suatu aspek sejarah yang tertentu atau budaya bagi Perak. Sekiranya kita yakin bahawa Perak benar-benar kaya dengan warisan sejarah dan budayanya kita harus meneruskan usaha sebegini untuk menonjolkan perbincangan mengenai pelbagai aspek sejarah dan warisan budaya Perak yang selama ini terpendam atau tidak diketahui ramai. Semoga buku kecil ini akan dapat mengilhamkan banyak lagi usaha-usaha yang lebih besar.

DR. OMAR FAROUK BAJUNID,
Ketua Editor.

KANDUNGAN

Prakata	v – vii
Pengenalan	ix – xiii
1 Warisan Sejarah dan Budaya Negeri Perak – Kamarul Baharin bin Buyong	1 – 7
2 Matawang Perak Dari Perspektif Sejarah – Mohd. Kassim bin Haji Ali	9 – 17
3 Teluk Intan/Teluk Anson dari segi Sejarah – Dato' Khoo Kay Kim	19 – 36
4 Dari Tentangan ke Perjuangan Kemerdekaan: Satu Tinjauan Mengenai Penglibatan Beberapa Orang Tokoh Perak – Abdullah Zakaria bin Ghazali	37 – 58
5 Beberapa Ciri Khusus Dialek Perak – Nuwairi Hj. Khaza'ai	59 – 68
6 Masyarakat India di Perak – J. Rabindra Daniel	69 – 74
7 Ekonomi Masyarakat Semai – Albert G. Gomes	75 – 84
Latarbelakang Penulis	85 – 86





WARISAN SEJARAH DAN BUDAYA NEGERI PERAK

KAMARUL BAHARIN BIN BUYONG

Negeri Perak dengan identiti politiknya sekarang adalah merupakan satu fenomena yang baru. Ini adalah kerana nama negeri "Perak" telah hanya wujud dengan pemerintahan beraja dengan perlantikan Sultan Muzaffar Shah, secara rasminya sebagai Sultan Perak yang pertama pada tahun 1528 Masehi. Ada pandangan yang mengatakan bahawa asal usul nama negeri Perak berkait dengan nama Bendahara Tun Perak iaitu Bendahara Melaka yang terkenal. Walau bagaimanapun sebelum ini memang sudah terdapat beberapa buah kerajaan di kawasan yang dikenali dengan nama negeri Perak ini di antaranya ialah Kerajaan Bruas, Manjong dan Temong yang dipimpin oleh seorang perempuan bernama Tok Temong sementara di kawasan Hulu Perak pula seorang yang bernama Tun Saban pernah memerintah. Oleh itu di dalam memperkatakan tentang warisan sejarah dan budaya Perak seluruh warisan sejarah dan budaya yang telah wujud di negeri tersebut bermula dari zaman pra-sejarah hinggalah terbentuknya identiti negeri Perak dengan jelas harus diambil kira.

Warisan sejarah dan budaya adalah satu bidang yang sangat luas. Mengikut takrif Antropologi, bidang ini merangkumi segala aktiviti yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat itu. Untuk tujuan makalah ini warisan sejarah dan budaya adalah ditakrifkan sebagai semua hasil kebudayaan sama ada yang berbentuk kebendaan atau bukan kebendaan yang telah dicipta dan digunakan oleh sesuatu masyarakat di dalam perkembangan sejarahnya. Jadi, untuk meneliti perkembangan sejarah dan budaya, bahan ataupun artifak yang ditinggalkan oleh sesuatu masyarakat tertentu adalah merupakan bukti yang jitu dan manifestasi perkembangan sejarah dan budaya tersebut.

Dalam memperkatakan warisan sejarah dan budaya Perak, kita terpaksa bermula dari zaman pra-sejarahnya. Sebagaimana di tempat-tempat lain, negeri Perak juga melalui tiga bahagian Zaman Batu iaitu Zaman Batu Lama (Paleolitik), Zaman Batu Pertengahan (Mesolitik)

dan Zaman Batu Baru (Neolitik). Negeri Perak kaya dengan peninggalan zaman pra-sejarah. Salah satu tapak Zaman Batu Lama yang terpenting bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Asia Tenggara adalah di Kampung Laut, Kota Tampan, Lenggong. Hasil daripada beberapa usaha ekskavasi, artifak-artifak Zaman Paleolitik seperti alat-alat batu yang digunakan sebagai alat pemecah batu, kapak, pisau-pisau dan juga bahan-bahan lain yang berkaitan telah ditemui. Di dalam kerja ekskavasi yang baru dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Muzium Negara telah ditemui satu tapak yang mengikut pengalisan Dr. Zurina, seorang pakar arkeologi tempatan, adalah merupakan bengkel-bengkel pembuatan alat-alat daripada batu di zaman ini. Selain daripada bahan-bahan batu, bahan-bahan yang telah dijumpai dari zaman ini adalah fosil seperti tulang-tulang binatang dan longgokan siput yang telah dijumpai di timur Ipoh.

Manakala di Zaman Neolitik pula di antara warisan sejarah yang terdapat di negeri Perak ini adalah lukisan-lukisan pra-sejarah yang telah didapati di Gua Tambun, berdekatan dengan bandar Ipoh. Lukisan-lukisan yang terdapat di sini menggunakan gambaran binatang-binatang ataupun haiwan-haiwan yang terdapat bukan sahaja di darat tetapi juga di dalam air pada masa tersebut. Lukisan di Gua Tambun ini adalah lukisan-lukisan pra-sejarah yang sangat penting bukan sahaja bagi bidang Arkeologi di Malaysia tetapi seluruh Asia Tenggara juga. Dengan adanya bukti dari lukisan di Gua Tambun ini maka kita dapat mengetahui bahawa penghuni gua tersebut telahpun mempunyai sesuatu kefahaman tentang alam persekitaran mereka dan lukisan-lukisan tersebut mempunyai erti yang paling penting di dalam alam budaya mereka. Lukisan tersebut juga menunjukkan mereka masuk ke satu tahap lagi di dalam perkembangan kebudayaan mereka di mana unsur-unsur seni telah mula menyerap ke alam budaya masyarakat di zaman pra-sejarah ini.

Dalam sejarah Zaman Neolitik terdapat juga apa yang disebut sebagai Zaman Logam. Di antara logam yang digunakan ialah besi. Manifestasi dari budaya ini di negeri Perak, terbukti daripada artifak-artifak seperti pecahan-pecahan tembikar serta "Tulang Mawas" yang telah dijumpai di dalam kubur batu kepingan. Kubur batu kepingan ini ditemui di Sungai Keruit, Sungkai, Changkat Menteri, Tanjung Malim, Sungai Kelah dan Slim River. Adalah dipercayai artifak-artifak ini digunakan untuk melombong, membuat perahu, memotong padi ataupun sebagai senjata.

Selepas zaman pra-sejarah negeri Perak memasuki ke zaman baru iaitu Zaman Pengaruh Hindu-Buddha. Kesan daripada zaman ini diwakili oleh artifak-artifak yang dijumpai di negeri Perak, di antaranya ialah patung Buddha yang dikenali sebagai Bodhisattva Avalokitesvara

yang diperbuat daripada gangsa. Tingginya 93.5 cm dan patung ini dijumpai di kawasan Anglo Oriental Mining Company, Bidor, Perak. Sebuah lagi patung Buddha berdiri yang dijumpai di Jalong, Sungai Siput pada tahun 1936 juga diperbuat daripada gangsa. Patung yang akhir sekali dijumpai adalah sebuah patung Buddha yang juga diperbuat daripada gangsa. Patung ini dijumpai di Pengkalan Pegoh, Ipoh dalam tahun 1931.

Bukti-bukti lain dari Zaman Hindu-Buddha ini, adalah penemuan beberapa buah serpihan tembikar, manik-manik dari akek dan batu permata dari tapak bersejarah di Tanjung Rawa dan Kuala Selinsing. Artifak-artifak ini telah menunjukkan bahawa dalam Zaman Hindu Buddha lagi penduduk negeri Perak telahpun menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu malahan juga dengan negara-negara yang luar dari kawasan alam Melayu.

Seterusnya dalam meneliti perkembangan warisan sejarah dan budaya Perak ini, kita tumpukan pula kepada Kerajaan Melayu Bruas dan Manjong. Wujudnya Kerajaan Bruas ini memang tidak boleh dinafikan oleh kerana terdapatnya banyak peninggalan sejarah yang dijumpai seperti jongkong timah yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha Melayu dan perusahaan labu. Penemuan makam-makam Raja Bruas yang mengandungi ayat Quran membuktikan bahawa terdapat Rajaraja Bruas yang beragama Islam. Kerajaan Manjong walaupun juga wujud, tetapi sehingga kini tidak banyak bukti yang dijumpai terutama yang berbentuk artifak.

Bermula dari tahun 1528 M. pula, seperti yang dinyatakan tadi negeri Perak sudahpun mempunyai Sultan yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah (Marhum Tanah Abang). Dengan ini juga bermulalah sistem pemerintahan beraja di negeri Perak yang wujud sehinggalah sekarang ini. Warisan sejarah dan budaya Perak yang terkumpul mulai dari zaman kesultanan ini adalah banyak. Bukti yang pertama adalah makam diraja dan orang-orang besar yang didapati di seluruh negeri Perak bermula dengan Makam Sultan Muzaffar Shah (Marhum Tanah Abang) hinggalah ke Makam Sultan Idris Shah iaitu Sultan Perak yang ke-33. Makam Sultan dan orang-orang besar ini didapati di sepanjang tebing Sungai Perak bermula dari Kampung Kota Lama Kanan menyusur ke hilir Sungai Perak hinggalah ke Kampung Terengganu di Teluk Intan. Makam-makam Sultan Perak adalah terletak di sebelah kanan tebing Sungai Perak. Kebanyakan makam-makam ini mempunyai batu nisan-batu nisan yang bertulis ataupun berukir dengan huruf Jawi dan setengah-setengahnya mengandungi petikan-petikan ayat Quran.

Selain dari makam, bahan-bahan peninggalan sejarah yang lain dimanifestasikan dengan istana-istana yang telah dibina oleh Sultan-sultan yang memerintah negeri Perak. Bermula dari Sultan Perak yang pertama hinggalah ke hujung kurun yang lepas, Sultan Perak bersemayam di tempat yang berubah-ubah, oleh itu istana-istana yang dibina sehingga di awal kurun ini semuanya sudah tidak kelihatan lagi. Ini mungkin juga disebabkan oleh hakikat bahawa kebanyakan istana pada masa itu diperbuat daripada kayu dan juga oleh kerana sering berlakunya peperangan. Walau bagaimanapun menurut catatan sejarah terdapat juga istana-istana yang dibina dengan begitu indah dan cantik umpamanya Istana Sultan Iskandar Zulkarnain iaitu di Pulau Indera Sakti seperti yang digambarkan di dalam Misa Melayu. Pada hari ini, contoh istana tradisional yang dapat dilihat ialah Istana Kenangan yang telah didirikan pada tahun 1928 di Bukit Chandan. Istana ini telah diubahsuai untuk dijadikan sebagai Muzium Diraja. Istana Iskandariah telah dibina di antara tahun 1930—1933 bagi menggantikan istana yang lama yang disebut sebagai Istana Negara.

Warisan sejarah dan budaya Perak dibidang ketenteraan, dapat dilihat dari tinggalan kota dan juga kubu. Di antaranya ialah Kubu Tanah Abang di Bota dan Kubu Dato' Maharajalela di Pasir Salak. Kota Ngah Ibrahim telah dibina dalam tahun 1858 oleh Ngah Ibrahim di Matang. Kota ini digunakan sebagai tempat kediaman Ngah Ibrahim dan juga sebagai gedung bijih timah. Satu lagi kota iaitu Kota Long Jaafar telah dibina pada tahun 1820. Kota ini digunakan sebagai tempat menyimpan bijih timah dan terdapat makam beliau di sana.

Pengaruh Barat di Perak bermula pada kurun ke-17. Melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 pihak Inggeris telah mula bertapak di Perak. Sebenarnya sebelum Inggeris, pihak Belanda telah memainkan peranan penting di negeri Perak dengan menguasai perdagangan bijih timah. Kesan dari campurtangan Belanda ini terbukti sehingga sekarang ini dengan terdapatnya runtuhan Kota Belanda yang terletak di Telok Gedong, Pulau Pangkor yang telah dibina dalam tahun 1670 Masehi. Di samping itu juga terdapat satu Batu Bersurat yang telah didirikan oleh pihak Belanda pada tahun 1743 Masehi.

Kedatangan Inggeris dan pergolakan politik Perak seterusnya telah meninggalkan warisan sejarah baru seperti tugu-tugu; di antaranya ialah Tugu J.W.W. Birch di Pasir Salak, Perak Tengah. Tugu ini sebenarnya telah didirikan oleh pihak Inggeris sebagai memperingati pembunuhan J.W.W. Birch di tangan Dato' Maharajalela di dalam pergolakan penentangan orang-orang besar Perak terhadap campurtangan Inggeris di negeri Perak.

Dari segi seni bina di samping istana-istana raja dan kediaman orang-orang besar negeri Perak, rumah-rumah tradisional juga memantapkan warisan yang istimewa ini. Ada berbagai-bagai contoh rumah tradisional di negeri Perak di antaranya ialah tiang bulat hinggalah kepada rumah yang disebut sebagai "rumah kutai." Contoh rumah ini masih lagi terdapat di beberapa buah kampung di daerah Kuala Kangsar dan di Perak Tengah. Istilah "kutai" bererti lama. Secara amnya "rumah kutai" ini adalah rumah lama yang mempunyai ciri-ciri tertentu terutamanya dari segi bumbung, dinding dan juga kedudukan dapur, ibu rumah dan tangga.

Kedatangan pihak Inggeris juga membawa masuk unsur-unsur seni bina dari negara-negara Barat di samping unsur-unsur seni bina dari kawasan lain seperti dari Timur Tengah dan India. Hasil daripada manifestasi ini dapat kita lihat bangunan-bangunan yang terdapat di seluruh negeri Perak yang mempunyai ciri-ciri negara asing seperti di bangunan-bangunan kerajaan, masjid-masjid dan tempat ibadat yang lain di samping rumah-rumah perseorangan.


Sebagai kesimpulannya, perkembangan sejarah dan budaya Perak terutamanya yang berbentuk kebudayaan kebendaan seperti yang ditekan di dalam makalah ini adalah satu pengalaman yang penuh bermakna bukan sahaja bagi negeri Perak Darul Ridzuan tetapi juga bagi negara Malaysia dan juga kawasan Asia Tenggara. Negeri Perak Darul Ridzuan sememangnya telah membantu mengabadikan beberapa aspek penting warisan kesenian negara.

Rujukan

1. Abdul Halim Nasir
 - *Sejarah Perak*, Siri Pertama Jabatan Muzium Kuala Lumpur, 1977.
 - *Tempat-tempat Bersejarah di Perak*, 1981.
2. Abdullah H.M. Lubir
 - *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Qalam Press, Singapore 14, 1958.
3. Adi Haji Taha
 - "Recent Archaeological Discoveries in Peninsular Malaysia." *JMBRAS* Vol. LVI, Part I, 1983.

4. Birch E.W. — "The Taking Over from Siam of Part of Perak of Reman or Rahman, Perak," *JMBRAS* No. 54, 1910, SB. 54: 147-155 Ja 1910.
5. Buyong Adil — *Sejarah Perak*, DBP, Kuala Lumpur 1972.
6. Count Eigel Knuth — "The Oracle at Tambun Malay and Cave Thai Painting Compared," *Malaysia in History*, Vol. VIII No. 1 1962.
7. Duckworth, W.L.H. — *The Stone Age in Perak*, MB 16hb. Disember 1885.
8. Evans, I.H.N. — "Buddhist Bronze from Kinta Perak," *JPMS Museum*, Vol. XV 1932.
 — "Negrito Cave Drawing at Lengong, Upper Perak," *JFMS, Muzeum* Vol. XXI, 1972.
 — "On Slab Built Graves in Perak," *JFMS Museum* Vol. XI, 1927.
 — "A Further Slab — Built Grave at Sungkai Perak," *JFMS Museum* Vol. XV, 1931.
 — "Excavation at Tanjong Rawa, Kuala Selinsing, Perak," *JFMS Museum* Vol. 15. 1932.
 — "An Ancient Remains from Kuala Selinsing, Perak," *JFMS Museum* XII, Part 5, June 1928.
9. Gibson Hill, C.A. — "This Affair At Bruas 1837" *JMBRAS* 24(3), 1954.
10. Griswold Dr. A.B. — *Patong Jalong Abad Sebelas Tanah Melayu dari Segi Sejarah* No. 3, Ogos 1964, DBP, Kuala Lumpur.
11. Husain Mahmud — *The Ancient Kingdom of Bruas Malaysia In History*, Vol. XII No. 1, 1970.

12. Linehan, W.C. — "Traces of Bronze Age Culturer," **JMBRAS**, XXVI Part 3, 1936.
13. Loewenstein, J. — Tulang Mawas "re examined," **JMBRAS** XXVI Part 1, July 1953.
14. Matthew, J.M.C.C. — "Rock Painting Near Ipoh," **JFMS**, Museum Vol. XVI, 1927.
15. Maxwell, W.E. — "The Dutch in Perak," **JFBRAS** No. 10, 1882.
16. Merewether, E.M. — "Outline of the History of the Dindings from the 17th century to the present time." **Bibliografi SB** 23: 35—47 Je 1891.
17. R. Braddell — The Perak "Pallava Seal" **MB** (12)2 173—174, Ag 1934.
18. Raja Chulan Abd. Hamid — *Misa Melayu*, September 1966, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
19. Winstedt, R.O. — "History of Perak," **JMBRAS** Vol. XII, Part I, Je 1934.



MATAWANG PERAK DARI PERSPEKTIF SEJARAH

MOHD. KASSIM BIN HAJI ALI

Pendahuluan

Makalah ini bertujuan untuk melihat dan mengenali matawang yang digunakan di negeri Perak secara menyeluruh yang ditinjau dari beberapa perspektif sejarah dan dari bahan-bahan yang pernah ditemui dan terbukti sah.

Sebenarnya dari bukti yang telah disingkap melalui beberapa sumber dan punca ternyata masih terdapat banyak lagi tanda tanya yang harus dijawab mengenai hal ini. Oleh itu makalah ini haruslah dianggap sebagai suatu penerokaan awal yang masih memerlukan penelitian yang lebih kemas lagi.

Sejarah Ringkas Logam Timah

Timah merupakan sumber penting dalam ekonomi Malaysia ber-kurun-kurun lamanya. Sungguhpun pendapatan eksport dari timah kini telah merosot sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun industri ini masih tetap lagi menjadi sumber pendapatan yang keempat terbesar dari segi pertukaran wang asing negara kita. Timah merupakan mineral yang terpenting dilombong di Semenanjung Malaysia dan ia wujud kebanyakannya sebagai mendapan aluvium di kaki-kaki bukit di sebelah barat Banjaran Besar. Kawasan yang amat penting ialah Lembah Kinta di negeri Perak yang meliputi pekan-pekan Ipoh, Gopeng, Kampar dan Batu Gajah. Malahan, timah aluvium dilombong di satu jajaran negeri-negeri bermula dari Kedah hingga ke Lembah Kinta dan di kaki-kaki bukit di Perak, Selangor dan Johor. Kawasan ini menjadi sebahagian dari jajaran timah termasuk ibu negeri Malaysia, iaitu Kuala Lumpur yang merupakan pusat kepada satu lagi kawasan yang kaya dengan logam timah. Manakala di tanah rendah pula di kawasan sebelah timur

Semenanjung, bijih timah yang beraluvium didapati di Lembah Kelantan dan kawasan berhampiran dengan Mersing.

Permintaan industri yang kian bertambah ke atas timah, ditambah pula dengan penemuan mendapan-mendapan timah yang luas dan banyak di Larut dan Kinta dalam negeri Perak telah mencetuskan perbalahan di kalangan raja-raja Melayu, penghijrahan secara besar-besaran buruh Cina, campurtangan politik pihak Inggeris dan kemasukan modal serta teknologi asing terutamanya Inggeris ke Semenanjung.

Apabila Inggeris buat pertama kalinya terlibat dalam pentadbiran di Perak, Sir Andrew Clarke telah diarahkan untuk memajukan perhubungan. Jalan-jalan raya negeri telah dibina di antara pekan-pekan perlombongan besar. Langkah utama ke atas sistem perhubungan yang moden telah dilaksanakan dalam tahun 1885. Semenjak dari detik inilah maka negara kita telah menjadi pengeluar timah yang terbesar di dunia, satu kedudukan yang telah dikekalkan sehingga sekarang.

Permulaan Matawang

Pada awal peradaban manusia, tidak ada siapapun yang menggunakan atau memerlukan wang untuk mendapatkan keperluan diri dan keluarganya. Mereka bercucuk tanam sendiri, memburu untuk mendapatkan daging dan membina tempat kediaman sendiri dengan menggunakan bahan-bahan yang terdapat di sekeliling mereka. Dengan peredaran masa kehendak manusia bertambah. Ada orang yang mendapati bahawa mereka boleh berusaha dengan lebih gigih dari jiran-jiran mereka. Hasilnya mereka dapat bertukar-tukar barang keluaran dengan barang-barang keperluan lain yang diinginkan tetapi tidak ada dalam milik mereka. Seorang pemburu yang berpengalaman akan menjual daging-daging yang berlebihan untuk mendapatkan barang-barang lain seperti bijirin atau pakaian. Bentuk perdagangan atau pertukaran barang-barang ini dipanggil *barter*. Pada masa lampau, apa sahaja yang dikeluarkan biasanya barang-barang itu amat diperlukan dan *barter* paling sesuai digunakan dalam urusan itu. Bagaimanapun, masa beredar, cara hidup juga turut berubah dan sistem *barter* tidak berfungsi lagi. Seorang mungkin memerlukan secekap sayur-sayuran sahaja tetapi dia terpaksa menukarkan dengan seekor kerbau yang sukar baginya untuk mendapatkan pasaran yang seimbang.

Untuk mengatasi masalah-masalah seumpama ini, manusia mulai menerima sejenis bahan berguna sebagai tukaran. Mereka bersetuju dengan jenis bahan yang boleh diterima umum dan akhirnya menjadi kenyataan bahawa satu bentuk perantaraan pertukaran akan menyelesaikan masalah mereka. Setiap unit diukur berdasarkan kepada sesuatu

yang mempunyai nilai, tahan lama, mudah disimpan, *homogeneous* dan mudah dibawa ke mana-mana. Logam merupakan bahan yang dipilih untuk tujuan ini. Oleh yang demikian penggunaan matawang awal dalam bentuk kepingan logam atau duit telah digunakan. Penggunaan matawang telah berkembang di sepanjang zaman sehingga zaman moden apabila matawang kertas atau not kertas dikeluarkan seiring dengannya oleh pihak yang memerintah.

Bentuk Matawang yang Terawal

Dalam pertengahan kurun ke-15, pelabuhan Melaka telah terkenal sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan dengan ini matawang asing yang dibentuk menggunakan emas dan perak dari Utara dan Barat India, Mesir dan juga dari Venice telah digunakan. Sungguhpun kebanyakan perdagangan pada masa itu telah dibuat dengan cara pertukaran atau menggunakan serbuk atau habuk emas dan juga jongkong-jongkong perak, tetapi ia tetap dinilai mengikut beratnya. Dari sinilah mulanya matawang-matawang tempatan dibentuk dan dipengaruhi dari matawang-matawang yang diimpot terutamanya dari Sumatera. Dikatakan bahawa agama Islam telahpun wujud di Melaka semenjak kurun ke-15 yang juga telah dikaitkan dengan perkahwinan Sultan Melaka dengan seorang puteri Raja Pasai yang beragama Islam di Sumatera Utara. Apabila saudagar-saudagar dari negeri itu berhijrah menyeberangi Selat Melaka, mereka membawa bersama duit syiling yang merupakan emas, perak dan timah, yang sudahpun sedia berkembang daripada matawang perdagangan Mesir dan Gujerat di Barat Laut India.

Matawang tempatan yang sebenarnya diketahui digunakan dan diperbuat di Melaka adalah berbentuk konikal berbagai saiz dan jongkong kecil mengikut ukuran beratnya yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Ia digunakan dalam beberapa zaman, sehinggalah pada pemerintahan Sultan Muzafar Shah (1445–1459) Melaka, di mana duitnya dibentuk leper dan bulat dan mula diedarkan dalam tahun 1450. Ia telah dibentuk menggunakan logam timah dan diberi jenis nilai peringkat *cash* dan yang juga disamakan dengan peringkat nilai satu ketul timah yang beratnya satu kati lapan tahlil. Walaupun jumlah berat duit timah yang baru itu kurang dari berat ketul-ketul timah yang asalnya — ia tetap diturap berperingkat nilai yang sama. Syiling-syiling tersebut merupakan duit pasar yang digunakan. Di hadapannya ditulis nama "Muzafar Syah Al Sultan" manakala di belakangnya pula dengan ayat berbunyi "Nasir Al Dunia Wa'l Din" dalam tulisan Jawi/Arab.

Seterusnya duit-duit yang serupa dikiwang semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah dan Sultan Ahmad, kecuali pula duit terakhir ini diubahsuai pada bentuk tulisannya dengan menggunakan nama Sultan yang memerintah dan gelaran "Kepujian" seperti Sultan al Adil ataupun al Adil sahaja.

Oleh kerana duit-duit dari Melaka ini terkenal sebagai wang perniagaan, maka ia telah diiktiraf kegunaannya di sepanjang Selat Melaka. Disebabkan timah sebagai logam penting di negara ini, dengan itu tentu sekali kebanyakan duit awalnya seperti yang diterangkan adalah dari logam timah.

Duit Negeri Perak

Sebaik sahaja kejatuhan Melaka ke tangan Portugis di awal kurun ke-16 (1511 M) negeri Perak telah mengeluarkan duit-duit dagangan sendiri menggunakan jongkong dan bungkah timah yang ditetapkan beratnya. Timah-timah cair telah dituangkan ke dalam acuan yang dibentuk dengan tanah liat, dan apabila ia sebatu maka acuan itu dipecahkan dan timah beku inilah yang digunakan sebagai matawang bagi semua urusan yang sah dan ditauliahkan oleh ketua dan pembesar daerah. Urusniaga secara besar-besaran di pengkalan dan di pasar telah diteliti supaya bungkah itu bergantung pada beratnya. Dengan demikian bentuk dan saiznya tidaklah diambil kira. Kebanyakan bungkah-bungkah itu dikiwang di negeri Perak seperti di Bruas, Bidor, Kinta dan juga di Ipoh, tetapi ada juga sedikit yang dikiwang dan dibawa masuk dari negeri jiran iaitu Selangor.

Apabila perkara seperti ini berlaku, ia diuji dengan dikapak di atasnya untuk memastikan ia dibentuk menggunakan timah tulin dan bukannya timah yang mengandungi bahan campuran di dalamnya seperti batu atau logam lain demi untuk mendapatkan keuntungan yang banyak.

Bungkah-bungkah ini tersebar luas di seluruh negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dalam jangka masa yang agak lama dan juga telah diterima di negeri-negeri Melayu yang berjiran termasuk Sumatera.

Dari bukti-bukti yang sedia ada, bungkah-bungkah terawal telah dituangkan dalam acuan yang mudah dan diperbuat daripada pasir yang bercampur tanah liat dalam berbagai bentuk kerucut. Kemudian timbul pula bentuk-bentuk seperti bukit bergelar Candi. Lama-kelamaan bungkah ini menjadi bentuk limas atau piramid bersegi empat dengan puncaknya leper dan seolah-olah dikerat lintang. Jenis ini dikenali sebagai bungkah roti-manis (*sugar-loaf*). Kemudian bungkah berbentuk

piramid atau pagoda dituang dengan menjadikan ia bertepi yang agak tebal serta rata di bahagian puncaknya. Bahagian atas bungkah pagoda ini ada juga dihias dengan berbagai jenis tanda dan yang lazimnya ialah "tampuk manggis" yang mungkin bermakna atau menunjukkan tanda kiwang atau tempat ia diperbuat.

Peringkat nilai bungkah-bungkah timah ini diasaskan pada jumlah yang dapat ditukarkan bagi satu dolar duit perak Sepanyol — jenis lapan Real. Keadaan demikian berubah-ubah menurut masa dan tempat. Berat purata dan kadar pertukaran adalah 10 kati bagi satu dolar perak Sepanyol di dalam negeri Perak. Duit dolar perak Sepanyol pada masa itu adalah menyerupai sebagai duit dagangan asing yang paling mudah sekali dan laku serta sah digunakan di seluruh alam Melayu dan juga di negeri-negeri jiran yang berhampiran. Sebagai satu contoh kasar — di zaman itu seekor kambing yang sederhana besarnya boleh dibeli dengan 10 kati timah ataupun dengan satu dolar perak Sepanyol.

Di negeri Perak, pihak Belanda telah menyenaraikan semua barang keperluan dan untuk dagangan yang hendak dijual menggunakan bidor timah dan bahan dengan duit sendiri atau duit dagangan asing. Oleh yang demikian bungkah timah bidor yang sebenarnya $2\frac{1}{2}$ kati menjadi matawang timah yang paling popular digunakan sebagai alat pertukaran. Bungkah-bungkah timah ini terus-menerus tersebar sehingga pertengahan tahun-tahun 1850-an apabila ia diganti lama kelamaan dengan duit-duit kecil Belanda dan duit-duit Syarikat Hindia Timur British.

Pertukaran Timah dengan Duit Sepanyol

$\frac{1}{2}$ kati bungkah timah	= 5 sen
$2\frac{1}{2}$ kati bungkah timah (bidor)	= 25 sen atau $\frac{1}{4}$ dolar
10 kati bungkah	= 1 dolar perak Sepanyol
300 kati	= 1 Bahar atau 30 dolar perak Sepanyol

Sehingga hari ini nampaknya negeri Perak tidak mempunyai duit emas atau perak dan duit tembaga tempatan. Cuma terdapat sebagai bukti — sekeping pitis timah yang diketahui telah diperbuat di Perak dalam tahun 1760 M. Pitis ini berbentuk leper bulat dan tertera padanya dalam tulisan jawi "ini tempat Pulau Indra Sakti" — Indra Sakti ialah sebuah pulau kecil di Sungai Perak di mana istana Sultan Iskandar Zulkarnain yang bernama "Merchu Alam" itu telah dibina.

Walaupun demikian beberapa duit timah yang beraneka ragam telah ditemui dalam tahun 1960-an semasa pengendalian lombong bijih

timah di Perak tanpa sebarang tulisan. Kebanyakan daripadanya mempunyai corak bunga atau binatang — hampir sama dengan duit-duit awalan di Timur Tengah. Walaupun tempat sebenar masih tidak dapat dipastikan, besar kemungkinan duit-duit timah ini telah tersebar di negeri Perak.

Duit-duit Bentuk Binatang

Pada kurun ke-18 dan awal ke-19 di negeri Perak dan Selangor, satu amalan yang biasa dilakukan ialah menyembah binatang untuk mententeramkan gangguan hantu dan syaitan serta untuk memastikan tuah kepada pelombong bijih timah yang baru dibuka. Upacara seperti ini dilaksanakan oleh ahli-ahli sihir atau bomoh serta pawang yang handal dan diupah oleh pelombong-pelombong terutama sekali untuk menyelia meleburkan bijih timah.

Berdasarkan kepada kepercayaan yang telah berakar umbi ini, yang kononnya bijih timah dikeluarkan oleh seorang jin yang boleh dikawal dengan jampi dan serapah serta upacara sihir, maka bijih timah yang mula-mula digali dari lombong yang baru itu dibentuk sepasang tampang berbentuk menyerupai labi-labi atau kura-kura. Bentuk seperti ini telahpun dijumpai di Bruas baru-baru ini dan juga jenis yang sama tetapi kecil telah dijumpai di dalam tahun 1950-an dipercayai di sekitar Bruas. Ada rekod yang mencatatkan bahawa di waktu penemuan bentuk-bentuk ini, kelihatan menyerupai belakang kulit labi-labi yang kononnya mempunyai kuasa ghaib.

Dengan peredaran masa, bentuk tampang tersebut telah memiliki empat kepala dan empat kaki yang kelihatan seperti seekor kura-kura. Tanda-tanda yang terdapat pada kulitnya dipercayai merupakan bentuk tulisan pesanan dari dunia ghaib. Akhirnya, bentuk binatang-binatang dan serangga lain seperti gajah, buaya, ayam sabung dan belalang telah ditambah yang dianggap sebagai ganti binatang-binatang hidup untuk upacara persembahanan dan seterusnya timah bentuk-bentuk tampang ini dijadikan sebagai sebahagian daripada hadiah kepada pembesar-pembesar daerah, raja dan sultan yang memerintah. Kegiatan terhadap bahan ini telah menjadikan ia diterima umum sebagai matawang dalam kedua-dua negeri Perak dan Selangor sebagai edaran yang terhad.

Duit Keluaran Saudagar Inggeris

Selepas tahun 1832, sejenis duit ayam yang berbentuk leper bulat yang dikiwang menggunakan logam tembaga jenis peringkat nilai satu

keping telah diedarkan di negeri Perak oleh pedagang-pedagang Inggeris. Ia dibentuk dengan tertera perkataan dalam tulisan jawi "Negeri Perak" dan diedarkan dalam tahun 1835/36. Duit ayam jenis ini masih digunakan pada tahun 1875 dengan pertukaran seperti berikut:

Telok Anson	1000 keping =	1 dolar Sepanyol
Perak Selatan	1600 keping =	1 dolar Sepanyol
Lembah Kinta	800 keping =	1 dolar Sepanyol

Oleh kerana kuasa British telah mula dirasai dalam tahun 1874, maka duit keluaran Negeri-negeri Selat telah mula menggantikan semua duit yang digunakan terdahulu darinya.

Wang Kertas Terhad

Wang kertas terhad telah diedarkan oleh Kapitan Cina terakhir iaitu Chung Thye Phin, beliau telah mengeluarkan matawang persendirian dengan peringkat nilai 10 sen pada 11 Februari 1916. Matawang ini digunakan hanya dalam lingkungan perusahaan perlombongan dan gedung perdagangan bersama Phin Kee Chan di Ipoh. Wang ini digunakan oleh sebilangan besar buruh-buruh lombong bijih timah untuk membeli barang-barang keperluan mereka. Tidak ada kadar peringkat nilai yang ditemui setakat ini yang dikeluarkan seiring dengan peringkat nilai ini.

Dua jenis wang kertas lain yang digunakan di negeri Perak ialah yang diedarkan oleh Dewan Perniagaan Cina Perak dan Kongsi Kwong Loy, Gopeng. Kerajaan Negeri Perak telah memberikan kuasa kepada beberapa syarikat besar untuk mengeluarkan wang kertas persendirian di penghujung Perang Dunia Pertama (1914—1918) untuk menampung kekurangan wang kecil yang beredar pada masa itu.

Duit Dagangan Asing yang Sah Digunakan Di Perak

Demikianlah sejarah matawang tempatan yang telah dapat dikesan di negeri Perak. Di mana negeri ini seterusnya telah dapat dimonopoli oleh Belanda dalam segala hal ehwal dagangan sehingga telah menjadi satu dasar dalam penggunaan matawang yang dikeluarkan oleh Belanda. Duit Perak dolar Sepanyol telah juga dipergunakan dengan meluasnya di seluruh alam Melayu bagi menggantikan penggunaan duit-duit tempatan. Kita sedia maklum bahawa orang-orang Belanda telah terdahulu menjajah Tanah Melayu sebelum British tiba di Pulau Pinang dalam

tahun 1786. Tetapi kedua-dua kuasa penjajah ini tidak membawa wang yang cukup yang pernah digunakan di negeri mereka untuk perdagangan sebab dolar Sepanyol yang kukuh dan unggul itu telah sedia digunakan oleh penduduk-penduduk tempatan di seluruh kepulauan alam Melayu. Dolar Sepanyol ini berasal daripada Spanish Amerika yang ditempa dan dikiwang di Mexico kemudiannya menjadi sebuah negara pengeluar perak yang terkaya di dunia. Pada awal abad ke-16, pedagang-pedagang Sepanyol, telah membawa bersama-sama mereka wang perak dari Amerika ke Filipina untuk membeli barang-barang keperluan mereka. Secara tidak langsung wang ini telah digunakan di merata tempat di negara-negara Timur termasuk negeri-negeri Melayu dan Borneo. Kedudukan matawang ini akhirnya menjadi bertambah kukuh penggunaannya di negara-negara Timur, dan lebih-lebih lagi di negara-negara Barat.

Sementara itu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu, matawang ini diakui sebagai suatu mercu sistem perdagangan untuk menentukan nilai barang dagangan setelah dipertimbangkan dengan saksama dari segi penggunaannya dengan wang-wang lain. Ia kemudiannya diterima untuk menjadi dasar kepada segala urusan perdagangan di luar kawasan pengaruh Belanda dan digunakan sebagai matawang untuk perdagangan entrepot di alam Melayu.

Terdapat pula bukti yang menunjukkan bahawa kita telah menerima penggunaan dolar Sepanyol iaitu Pasal 1, sebagaimana yang termaktub di dalam Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan bertarikh 1 Mei 1791 yang ditandatangani oleh DYMM Sultan Kedah dan Gabenor Pulau Pinang (Kapten Francis Light) yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris di Fort Cornwallis, Pulau Pinang. Perjanjian tersebut berbunyi "Syarikat Hindia Timur Inggeris akan memberikan DYMM Sultan Kedah, enam ribu dolar Sepanyol tiap-tiap tahun selagi pihak Inggeris meneruskan penempatan di Pulau Pinang."

Jenis dolar Sepanyol yang digunakan di Negeri-negeri Selat adalah wang perak Sepanyol Mexico yang dikenali sebagai dolar Carolus dan Ringgit Tongkat (Pillar Dollar). Nama dolar Carolus ini digunakan kerana duit syiling ini menggambarkan pemerintah-pemerintah Sepanyol iaitu Raja Charles III, Charles IV dan Ferdinand VII. Pada dolar Pillar pula, tertera gambar Pillar of Hercules dengan dua buah Globe yang bertindih dan terletak mahkota di atasnya. Duit-duit syiling ini dikeluarkan semenjak zaman pemerintahan Charles III (1772 hingga 1788 M) mengandungi 902.7 millsimal perak murni (*fineness*).

Pedagang-pedagang yang terdiri dari orang-orang Sepanyol juga bertindak sebagai penyebar duit-duit perak yang dibuat di Chile, Bolivia dan Peru. Melalui saluran ini ia memasuki ke gugusan pulau-pulau Timur bersama-sama dengan duit-duit Carolus dan Pillar. Semasa


kedudukan duit Carolus dan Pillar ini berada di dalam keadaan yang kukuh dengan kelebihan berat serta kandungan peraknya yang halus, duit-duit dari Amerika Selatan yang sengaja dibuat daripada campuran logam yang bermutu rendah telah dikeluarkan dengan banyaknya untuk digunakan seiring dengan duit Sepanyol yang halus mutu itu. Walau bagaimanapun, matawang perak Amerika Selatan ini telah berjaya bertapak dengan meluas dan digunakan di dalam perdagangan di dunia sebelah sini sebagai media perhubungan.

Untuk menilai penggunaan wang dagangan di dalam ertikata yang sebenarnya, dolar Sepanyol adalah lebih tetap nilainya yang sama dengan nilai jongkong perak yang terdapat di negeri Perak. Begitu juga mutunya tetap terpelihara.

Duit-duit Perak seperti yang dinyatakan tadi terus dipergunakan di negeri Perak sehingga akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 dan ia kemudiannya telah digantikan dengan duit-duit syiling keluaran Negeri-negeri Selat di bawah jajahan British.

Rujukan

1. Greoneveldt, W.P. 1876 – *Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese Sources Batavia* (privately printed).
2. Hamilton, Capt. A. 1727 – *A News Account of the East Indies*, Volume 2. John Mosman, Edinburgh.
3. Newbold T.J. 1839 – *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 2, John Murray, London.



3

TELUK INTAN/TELUK ANSON DARI SEGI SEJARAH

DATO' KHOO KAY KIM

Pada tahun 1982, nama Teluk Anson telah diubah menjadi Teluk Intan. Sebenarnya pada masa itu bandar Teluk Anson telah genap 100 tahun. Kawasan di mana letaknya balai polis lama, bahagian selatan Jalan Selat, dahulunya dikenali sebagai Teluk Mak Intan. Bila keputusan diambil untuk mengubah nama Teluk Anson maka "Teluk Mak Intan" disyorkan. Kemudian nama itu diterima tetapi tanpa perkataan "mak."

Lebih kurang tiga suku abad kebelakangan ini Teluk Anson ini bukan terkenal sangat kerana bandar itu terletak lebih kurang 25 batu dari lebuh raya selatan utara. Jaraknya tidak begitu jauh dari Ipoh iaitu lebih kurang 56 batu. Setelah kereta motor diperkenalkan, memang mudah untuk orang berulang-alik di antara Teluk Intan dengan Ipoh. Orang Ipoh yang mempunyai urusan di Teluk Intan tidak perlu bermalam di situ.

Oleh sebab itu Teluk Intan tidak pernah mempunyai hotel yang besar. Pada zaman dahulu, pegawai-pegawai British lebih biasa menggunakan rumah rehat dan sehingga sekarang masih ada rumah rehat di Teluk Intan. Hotel-hotel kecil kepunyaan orang Cina, pada suatu ketika lebih banyak digunakan oleh penduduk-penduduk kampung yang berhampiran dengan Teluk Intan terutamanya beberapa batu ke ulu dari Teluk Intan. Sehingga tahun 1960 an masih terdapat perkhidmatan kapal di antara kampung-kampung itu (misalnya Kampung Gajah) dengan Teluk Intan.

Bagi orang di luar Teluk Intan, bandar itu agak terkenal kerana dari masa ke semasa, sejak waktu sebelum Perang Dunia Kedua lagi, terdapat laporan dalam akhbar bahawa bandar itu sedang tenggelam kerana hakisan sungai. Teluk Intan juga terkenal kerana di bandar itu terdapat menara jam yang istimewa. Menara itu yang bertingkat-tingkat dan lebih tinggi daripada menara jam yang lain di negara ini, condong ke barat dan mengingatkan orang tentang menara Pisa.

Sebenarnya Teluk Intan bukan tenggelam ke dalam Sungai Perak tetapi di dalam arus sejarah, sebagaimana banyak bandar yang termasyhur pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah ditelan sejarah, misalnya Lukut, Port Weld, Linggi, Kuala Selangor, Jelebu dan sebagainya. Sejarah Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya bahagian barat, pada awal abad ke-20, merupakan sejarah perpindahan pusat ekonomi dari pantai ke kawasan pedalaman.

Kerajaan-kerajaan Melayu yang termasyhur dahulu seperti Kedah, Melaka, Johor Lama dan Terengganu — adalah kerajaan maritime. Maksudnya, ekonomi masing-masing bergantung kepada perdagangan laut. Tetapi Perak bukan kerajaan maritime yang ideal. Walaupun seperti kerajaan-kerajaan lain di Semenanjung, Perak juga bergantung kepada perdagangan, tetapi pusat kerajaan Perak bukan terletak di muara sungai berhampiran dengan laut.


Kawasan induk kerajaan Perak sejak awal-awal lagi (sultan pertama mula memerintah pada tahun 1528) terletak di kawasan dari 40 hingga 50 batu dari Selat Melaka. Pelabuhan terpenting pada zaman dahulu ialah Kuala Bidor (di bahagian utara bandar Teluk Intan sekarang) yang hampir bertindih dengan Durian Sebatang. Kawasan itu dahulu menjadi pegangan Orang Kaya-kaya Laksamana.

Perak terkenal bukan sebagai *entrepot* tetapi sebagai negeri yang banyak mengeluarkan bijih timah dan tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan sejarah Perak berkisar di sekitar bijih timah yang ingin direbut, terutamanya oleh orang Belanda di Melaka sejak 1641. Kerana bijih timah, pihak Belanda membina loji di Tanjung Putus (berhampiran dengan Estet Nova Scotia sekarang) dan Pulau Pangkor. Kerana bijih timah juga, orang Bugis pernah campurtangan di Perak dari abad ke-18 hingga awal ke-19.¹

Sehingga abad ke-20, Hilir Perak adalah pintu keluar masuk negeri Perak. Oleh sebab itu setelah Perjanjian Pangkor ditandatangani pada Januari 1874 dan selanjutnya, J.W.W. Birch dilantik sebagai Residen British pertama pada tahun 1875, tempat yang dipilih sebagai pusat pentadbiran Perak ialah Bandar Baru, tidak begitu jauh ke utara Bidor, di tebing kanan (menghulu) Sungai Perak.

Peristiwa pembunuhan Birch sudah diketahui ramai,² tidak perlu diulangi di sini. Kejadian ini dan perkembangan perlombongan bijih timah di kawasan Larut kemudian mengakibatkan perpindahan pusat pentadbiran Perak dari Hilir Perak ke Larut. Pada tahun 1876, bandar Taiping wujud secara rasmi. Ia sebenarnya merupakan satu percantuman beberapa kampung seperti Kelian Pauh, Kota dan Assam Kumbang. Taiping menjadi ibunegeri sehingga masa Perang Dunia II.³

Di samping itu, Kuala Kangsar pula ditetapkan sebagai kediaman diraja. Dalam sejarah Perak, kediaman diraja dan justeru itu ibu negeri



Tapak di mana Bandar Teluk Anson diletakkan.

berpindah-pindah kerana di mana sultan bersemayam di sanalah pusat pentadbiran kerajaan. Tetapi hampir semua sultan sehingga awal 1870-an membuat kediamannya di Hilir Perak. Walaupun perpindahan ibunegeri ke utara pada awalnya, tidak mendatangkan kesan yang penting kerana kedudukan Kuala Bidor atau Durian Sebatang sebagai pelabuhan tidak berubah, perkembangan selanjutnya menaikkan lagi status Taiping.

Pada tahun 1880 Sir Frederick Weld menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat. Beliau berjaya memujuk Pejabat Kolonial di London supaya mewujudkan suatu dasar yang lebih tetap bagi negeri-negeri

Melayu. Justeru itu, keadaan ekonomi bertambah baik kerana terdapat kegiatan-kegiatan yang lebih membina.

Di Perak, kawasan Larut-Matang serta Krian mulai mendahului kawasan Hilir Perak bukan hanya kerana pusat pentadbiran telah dipindah ke utara tetapi kerana, selain daripada perlombongan bijih timah di Larut, pertanian niaga juga mula diusahakan di Krian dan Matang. Hilir Perak masih penting dari segi perdagangan tetapi pelabuhan di Hilir Perak tidak memberi perkhidmatan kepada kawasan Larut-Matang dan Krian; kedua-dua kawasan ini mempunyai hubungan secara langsung dengan Pulau Pinang. Juga setelah ketibaan Sir Frederick Weld, pelabuhan mula dibina di Teluk Kertang. Pelabuhan itu yang siap pada awal 1880-an dinamakan Port Weld kerana Sir Frederick Weld sendiri memberi perhatian berat kepadanya.

Dengan secara tidak rasmi, Perak pada waktu itu, dibahagi dua: utara yang akan diservis oleh Port Weld dan Hilir Perak di mana, lebih awal lagi telah mula diasaskan sebuah bandar baru. Hugh Low, sewaktu mula-mula menjadi Residen Perak (pada tahun 1877) telah menulis tentang Durian Sebatang (Kuala Bidor):

"The town is so confined a space that some of the streets are only 12 feet wide so that contagious disease or fire must run freely through the place and the present Residency (kediaman Penolong Presiden, Kapt. Speedy) is intended to be at Teluk Malunting (Teluk Mak Intan). Why was the two also not ordered to be built there and the greater part of 7000 dollars saved? I will send Villipilar there and make him make a plan of such a town as might be built in Teluk Malunting. I would then propose that all the Chinese who have built on the point at Durian Sebatang should be bound to remove to the more favourable place I would insist on this. The Customs house, the court house, landing jetty and chief police station should be put there at once. I will send the plan and write on the subject to Singapore as soon as I can . . ."¹⁴

Sebagaimana disebutkan oleh Hugh Low, pembinaan bandar baru memerlukan kebenaran Gabenor Negeri-negeri Selat yang tinggal di Singapura. Pada masa yang sama diwujudkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kebetulannya pada waktu Hugh Low menghubungi Singapura mengenai bandar baru yang dirancangan itu, Lt. Kol. Archibald Anson sedang memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat (1879-1880). Anson bukan hanya mengambil berat tentang rancangan Low itu tetapi telah melukis plan yang pertama bagi mengasaskan bandar baru itu.

Walaupun bandar yang dicadangkan itu akan menjadi pusat pentadbiran bagi Hilir Perak, Durian Sebatang tetap dianggap pelabuhan utama bagi Hilir Perak. Oleh yang demikian dirancang juga supaya sebatang terusan digali bagi menghubungkan bandar baru di Teluk Mak Intan dengan Durian Sebatang. Sir Frederik Weld yang mula berkhidmat pada bulan Mei 1880, telah melawat Durian sebatang pada September 1881 dan melaporkan bahawa:

"At Durian Sebatang the seat of the Superintendency of Lower Perak, the new canal approved of by me on my first visit is fast approaching completion and promises to be not a most useful work."¹⁵

Sementara itu bandar baru di Teluk Mak Intan telah pun hampir sedia. Dalam mesyuarat Majlis Negeri yang berlangsung pada 15 Mac 1882, Hugh Low telah mencadangkan supaya:

". . . the new settlement at Telok Ma' Hitam (Intan) be known as 'Teluk Anson', in compliment to General Anson, who drew the first plan of the town and took great interest in its removal from Durian Sebatang. The name Teluk Ma' Hitam has also been inconveniently long."¹⁶

Cadangan itu diterima oleh Majlis Negeri maka lahirlah Teluk Anson secara rasmi.

Pada ketika itu terusan yang sedang dibina belum siap lagi. Pada bulan Mei 1883, Gabenor Weld melawat Teluk Anson dan melaporkan bahawa:

"On my return (from Penang) after a break-down caused either by the machinery or by the neglect of the Eurasian Engineer of this small boat (Pilot Fish). I at length reached Teluk Anson, the head-quarters of Lower Perak about 26 miles (closer to 40 miles) from the mouth of the river. As I have not visited it for sometime, I was received with great demonstrations of joy by Malays, Indians and Chinese. The change of the town site from Durian Sebatang has been quite successful. Many good buildings have been erected and streets well laid out. The canal, which saves eight miles of river navigation is likely to be a success and is nearly finished. The hospital is commodious and in good order, and everything reflects much credit on Mr. Denison, the Superintendent of Lower Perak."¹⁷

Di antara bangunan-bangunan yang terawal dibina termasuk rumah *Collector and Magistrate*, bangunan mahkamah dan pejabat kerajaan yang terkenal sebagai "rumah tiang seribu" (dijilat api pada zaman Jepun). Satu keistimewaan bangunan itu ialah tiada paku dipakai; segala-galanya dipasak atau dipahat sahaja. Bangunan itu berdiri lebih kurang di kawasan Majlis Bandarai sekarang. Di samping itu, terdapat juga rumah dobi kerajaan, bangunan hospital, rumah kastam dan tempat kediaman buruh (di kawasan Jalan Mahkota sekarang).

Untuk membina terusan, pihak pentadbiran British telah meminta jasa baik penghulu tempatan menghantar anak buah mereka. Pekerja-pekerja dibayar 20 sen sehari. Kerja membina terusan juga bangunan kerajaan serta jalanraya sentiasa tergendala kerana peruntukan tidak mencukupi. Menjelang 1884 barulah siap terusan ini yang banyak memberi faedah kepada penduduk tempatan. Mereka tidak perlu menjinjing atau menjunjung barang-barang yang akan dipasarkan. Terusan ini memang sentiasa sibuk dengan sampan dan perahu, lading atau sekuci yang celus-celas.⁸

Tetapi tidak lama selepas terusan itu dibuka kekurangannya dilaporkan oleh F.A. Swettenham (Residen):


"... it has proved to failure . . . The state engineer informs me that the canal works were not carried out in accordance with his instructions and that the defects are due to this cause . . ."⁹

Secara umum, terusan itu dianggap merbahaya. Walau bagaimanapun kerja menimbus semula terusan telah dilakukan dalam tempoh yang agak lama. Pada tahun 1896, dilaporkan bahawa "a considerable portion of the canal have been filled up . . ."¹⁰

Pada peringkat itu memang ada sebab lain mengapa terusan perlu ditutup. Jalan keretapi telah dibina menghubungkan Kinta dengan Teluk Anson. Di perhentian keretapi yang terletak di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi), bangsal sedang dibina oleh kerajaan. E.W. Birch (Residen) menerangkan pada tahun 1895:


"... government sheds will enable the railway to compete on better terms with the boats which now take delivery of charge for Kinta at ships' sides and proceed straight up river, in many cases returning laden with tin . . ."¹¹

Harus dijelaskan di sini bahawa sebelum kawasan Kinta dihubungkan dengan Hilir Perak melalui keretapi, sistem pengangkutan yang paling efisien ialah sungai sebagaimana yang diterangkan di bawah:



- 1 Perhentian keretapi dan dermaga pelabuhan di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi).
- 2 Perhentian keretapi baru setelah landasan keretapi dipindah ke pelabuhan baru.
- 3 Pelabuhan baru.

Sebelum memulakan perjalanan biasanya pedagang-pedagang itu (orang Melayu) memuatkan barang-barang keperluan penting bagi kegunaan pelombong-pelombong di daerah Kinta, juga untuk orang-orang kampung di pesisir Sungai Perak yang akan mereka tempuhi nanti, ke dalam sampan atau perahu mereka di pelabuhan Teluk Anson. Setelah selesai semuanya mereka pun memudik dengan menggunakan penggalah yang panjang untuk memajukan perahu mereka yang sarat dengan barang-barang itu. Untuk meningkatkan masa perjalanan, terusan itulah menjadi jalan utama dari pelabuhan Teluk



Kawasan dermaga, pelabuhan Teluk Anson dan perhentian keretapi di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi) sebelum 1909 (Pelan 69-4-9, R.T.S. 12/1906, Pejabat Ukur Perak).

Anson ke Durian Sebatang dan terus ke kawasan pedalaman termasuk Kinta.

Apabila tiba di sesebuah kampung 'gong' pun dibunyikan untuk menarik perhatian pelanggan-pelanggan di tebing Sungai Perak itu. Demikianlah yang dilakukan oleh pedagang-pedagang itu hingga mereka sampai ke daerah Kinta di mana mereka memunggah segala alatan dan makanan bagi pelombong-pelombong di situ serta mengangkut naik pula bijih timah yang sedia menanti masa dibawa balik ke pelabuhan Teluk Anson untuk diekspot dengan kapal-kapal Straits Steamship Co. yang menjalankan perkhidmatan susur antara Pulau Pinang dan Teluk Anson.¹²

Perkembangan daerah Kinta sebagai kawasan perlombongan bijih timah yang mengatasi daerah Larut, pada tahun 1880-an, melahirkan keinginan untuk memesatkan lagi sistem perhubungan di antara Kinta dengan pelabuhan yang terdekat iaitu Teluk Anson. Mula-mula Noel Denison, *Superintendent* Hilir Perak memperakukan supaya jalan *trem* dibina untuk menghubungkan Teluk Anson dengan Tapah yang sememangnya akan dihubungkan dengan Ipoh melalui keretapi sebagai rancangan yang lebih besar, iaitu pada tahun 1889 Frank Swettenham dilantik menjadi Residen Perak. Swettenham dan Spence Moss (jurutera penasihat kepada Jabatan Keretapi) memperakukan kepada Gabenor Sir Cecil Clementi supaya keretapi dan bukan *trem* diadakan untuk menghubungkan Teluk Anson dengan Tapah. Sir Cecil Clementi setuju. Walau bagaimanapun kerana timbul berbagai masalah, jalan keretapi itu (Teluk Anson-Tapah) hanya siap dibina dan perkhidmatan dimulakan pada tahun 1893 dan Ipoh dihubungkan dengan Teluk Anson dua tahun kemudian.

Keretapi dengan beransur-ansur menamatkan perkhidmatan sampan dan perahu di antara Kinta dengan Teluk Anson. Tetapi pelabuhan Teluk Anson tetap berkembang. Banyak kapal singgah di sana dan menurut akhbar *The Straits Times* (19 Julai 1895):

"The trade between Teluk Anson and Singapore is increasing gradually and promises soon to exceed that carried on between Penang and Perak."

Sebuah akhbar lain *The Straits Maritime Journal* (Pulau Pinang) juga memberi perhatian kepada pelabuhan di Teluk Anson dan berasaskan ulasannya kesibukan pelabuhan itu agak jelas. *The Straits Times* (19 Julai 1895) akhbar Pulau Pinang itu:

"... urges improvements in lighting the approaches to Teluk Anson, and points out that a light is wanted at Tanjung Hantu, an especially dangerous spot. That journal also dwells upon the need for additional wharf accomodation at Teluk Anson where at present, steamers are in consequence, often kept lying out in the stream for many hours before they can come alongside the wharves to discharge to take in cargo."

Perkhidmatan menjadi semakin kerap; contohnya dilaporkan pada penghujung 1899 bahawa:

"The steam launch *Ban Ho Bee* which runs between Pangkor and Teluk Anson three times a week is a source of much convenience to the Teluk Anson folks besides supplying them fish."¹³

Apabila Teluk Anson bertambah maju, pelabuhannya telah dimodenkan lagi dengan pembinaan dermaga dan jeti guna memudahkan kerja mengangkut dan memunggah bijih timah. Gudang-gudang untuk memunggah bijih timah juga didirikan. Menurut Residen British dalam laporan tahunannya untuk 1903:

"... six hundred and forty steamers entered the port of Teluk Anson as against 514 in 1902 while the tonnage increased from 130 213 1902 to 158 845 in 1903..."¹⁴

Tetapi keretapi yang memesatkan kemajuan Teluk Anson kemudian hampir memusnahkannya. Pada tahun 1909, jalan keretapi utara-selatan (Seberang Prai — Johor Bahru) siap dibina. Kegunaan pelabuhan Teluk Anson sebagai pintu gerbang kawasan Kinta tidak wujud lagi. Tetapi Teluk Anson tidak merosot kerana sementara itu kawasan di sekeliling bandar itu mula dibuka untuk pertanian. Pada tahun 1901, misalnya setelah melawat Bagah Datoh Estate, *District Magistrate* (sama seperti D.O. sekarang), melaporkan bahawa:

"This estate . . . which was but a primitive forest a year and a half ago, has grown up into one of the most promising plantations on the Perak river."¹⁵

Tiga ratus ekar ditanam dengan kelapa dan getah dan 700 ekar lagi akan ditebang. Estet itu adalah kepunyaan Straits Plantation Co. Ltd. beribu pejabat di London dan wakilnya di Tanah Melayu ialah *Messrs. Aylesbury & Garland*. Di samping itu terdapat laporan Residen pula

bahawa Straits Sugar Company, pada tahun 1900, telah membuka 1000 ekar dan memproses tenaga buruh seramai 1200 orang.¹⁶

Selanjutnya getah yang diusahakan di Hilir Perak begitu maju sehingga Residen British, pada tahun 1908, berkata bahawa, "In lower Perak the rubber estates have altered of the district"¹⁷. Beribu-ribu ekar tanah telah dimajukan. Di antara ladang-ladang getah yang dibuka termasuk Cicely Estate (hanya beberapa kilometer dari Teluk Anson mengikut Jalan Changkat Jong), Somerset Estate (berhampiran dengan Cicely Estate) dan Batak Rabbit Estate (lebih kurang 4½ kilometer dari bandar). Keseluruhannya, pada tahun 1908 terdapat tidak kurang daripada 23 estet di hilir Perak, hampir kesemuanya ditanam dengan getah.

Tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa di Tanah Melayu pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20, suatu indeks kemajuan satu-satu bandar itu ialah hadirnya golongan Chettiar (pemberi pinjaman wang). Di Teluk Anson, sebagaimana juga di bandar-bandar lain, golongan Chettiar membiayai pembinaan kuil-kuil secara besar-besaran. Kuil ini telah siap dibina pada lewat tahun 1899. Menurut akhbar, *The Perak Pioneer* (16 September 1899):

"The Hindus in Lower Perak have reasons to congratulate themselves. A year or two ago they were without a place of worship. Now they have a temple of their own which is said to have cost more than \$5000 chiefly raised by the chettiar community through the efforts of S.T. Somasundram Chettiar and M.N. Muthukaruppan Chettiar, local money lenders."

Kuil itu masih ada sekarang. Setiap tahun perayaan besar-besaran — *Citraparuvum* — diadakan di sana yang walaupun tidak sehebat *Thaipusam* menarik beribu-ribu orang Hindu ke Teluk Anson/Intan.

Walau bagaimanapun kuil Subramaniam itu bukanlah kuil yang tertua di Teluk Anson; yang lebih tua ialah kuil Cina di Jalan Berhala. Bahagian belakang bangunan ini ialah Persatuan Hokkien (orang Cina yang awal-awal datang ke bandar itu). Kuil itu sama tua dengan bandar Teluk Anson.¹⁸

Pentingnya Teluk Anson juga terbukti kerana sejak tahun 1886 telah ada rumah Freemason — Napier Lodge. Bangunan ini masih ada dan terletak di Jalan Batak Rabbit. Tetapi Lodge itu telah dipindah ke Ipoh pada penghujung abad ke-19 menunjukkan bahawa Ipoh telah mengungguli Teluk Anson pada ketika itu.¹⁹

Petempatan-petempatan di Hilir Perak seperti Kota Setia, Sungai Baru, Batak Rabbit dan Kuala Bidor adalah di antara yang tertua di Perak. Orang Cina yang awal-awal menetap di Hilir Perak (pada awal

abad ke-19) membuat kediaman di bandar di tebing kiri (menghulu) Sungai Perak, tidak begitu jauh dari Pasir Salak, Selanjutnya ada yang menetap di Durian Sebatang dan lebih ramai lagi tiba bila Teluk Anson dibuka. Orang India telah hadir dengan jumlah yang besar bila jalan keretapi dibina dan terutamanya pada masa ladang dibuka.

Sesungguhnya, pada masa Mubaligh Methodist mengambil keputusan untuk membuka sebuah sekolah di Teluk Intan pada tahun 1898, nama yang mula-mula ingin diberikan kepada sekolah itu ialah Anglo-Tamil School (sebagaimana juga berlaku di Kuala Lumpur). Tetapi oleh sebab orang Cina banyak menderma kepada pembangunan sekolah itu namanya telah diubah menjadi Anglo-Chinese School dan nama itu kemudian (pada tahun 1962) diubah sekali lagi kepada Horley Methodist School.²⁰

Sepanjang sejarah Teluk Anson, pola penempatan di dalam bandar tidak banyak berubah. Orang Cina tinggal di tengah bandar dan juga di kawasan Pasir Berdamar dan Durian Sebatang. Di kedua-dua kawasan itu terdapat penduduk Melayu juga dan di kawasan-kawasan rumah kerajaan iaitu di antara Jalan Syed Abu Bakar dan Jalan Speedy. Kebanyakan penduduk Melayu tertumpu kepada kawasan di pinggir bandar. Penduduk India di Teluk Anson terdiri daripada pegawai rendah kerajaan, buruh (J.K.R dan Lembaga Kesihatan) serta peniaga (termasuk Chettiar dan dobi).

Perkembangan-perkembangan yang lebih nyata, pada umumnya berlaku di antara masa bandar itu diasaskan dengan waktu menjelang Perang Dunia I. Seperti telah disebutkan, pembinaan landasan keretapi Seberang Prai-Johor Bahru membatalkan pentingnya Teluk Anson sebagai Pintu gerbang kawasan Kinta, Lebuhraya Utara-Selatan yang terletak lebih kurang 25 batu dari Teluk Anson menjadikan bandar ini agak terpencil.

Tetapi masalah Teluk Anson yang biasa dianggap paling serius ialah hakisan sungai. Peristiwa yang berlaku pada 22 Januari 1901 memeranjatkan semua pihak di Perak. Sebahagian daripada tebing sungai di mana terletaknya gudang keretapi tenggelam di dalam sungai. Menurut seorang pemerhati:

"The end of the sheds where the tin ore was weighted and stored has completely sunk to the depth of several feet. The roofing has had to be twice cut to disconnect it from the remainder, to prevent the whole being carried away and the work of unroofing is being quickly carried on. The crane where the railway engines etc. used to be landed has utterly collapsed, also the cemented platform on brick pillars on which it was placed. The end gangway is split midway and

has fallen into the water and two more gangways leading to the floating jetty are rapidly giving way and breaking up. It is a sad sight of desolation and the place looks as if an earthquake had visited it. Now that the work of destruction has commenced the river will soon complete the rest, for each rise and fall of the tide shows fresh havoc."²¹

Hakisan sungai tetap merupakan masalah bagi pihak keretapi yang mempunyai gudang di tepi sungai itu. Pada tahun 1903 terdapat satu laporan yang lebih serius iaitu ada kemungkinan bandar Teluk Anson sendiri akan menghadapi bahaya daripada hakisan sungai. Oleh sebab itu pihak pentadbiran telah mengundang seorang pakar (J.E. Spring) untuk memberikan cadangannya. Beliau memberi dua pilihan pada pihak pentadbiran:

- 1) Dengan binaan-binaan yang tertentu, ditaksirkan memakan belanja \$500 000, hakisan dapat dikawal dan pelabuhan boleh dikekalkan di tempat yang sama.
- 2) Memindahkan dermaga ke suatu tempat yang lebih sesuai dan selamat.

Setelah mengkaji dua cadangan, pihak pentadbiran memilih yang kedua.

Dengan itu bermulalah kerja memindahkan pelabuhan Teluk Anson ke suatu kawasan baru. Tempat yang dipilih terletak lebih kurang dua kilometer dari bandar. Kerja perpindahan itu diselenggarakan oleh Keretapi Tanah Melayu kerana landasan keretapi juga perlu dipindah. Pelabuhan dan perhentian baru itu telah dibuka pada 24 Mac 1909. Pelabuhan baru itu didapati lebih baik kerana perairannya lebih dalam. Ia mempunyai kemudahan untuk kapal-kapal yang besar untuk bergerak dan berpusing. Oleh sebab itu kapal-kapal yang lebih besar boleh berlabuh berhampiran dengan jeti.²²

Hakisan sungai telah mengakibatkan kerugian yang besar. Terdapat tiga kawasan di Teluk Anson yang mengalami hakisan yang serius. Pertama, kawasan tebing sungai di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi). Ini adalah di antara jalan terawal di bandar yang paling sibuk. Kedua, kawasan di belakang hospital lama. Ketiga, kawasan Jalan Batak Rabit (sekarang Jalan Maharaja Lela) tidak begitu jauh dari dermaga yang asal. Sebahagian Jalan Batak Rabit yang lama ditutup pada 1970-an.

Pelabuhan baru berkembang sehingga lebih kurang waktu menjelang Perang Dunia II tetapi harapan bahawa dengan wujudnya pela-

bahan baru, kawasan di sekitarnya akan berkembang menjadi bandar baru tidak terjadi. Sehingga masa sekarang hanya terdapat bangunan-bangunan kedai yang dikenali sebagai "rumah pintu 10." Peniaga-peniaga tidak sanggup berpindah dari bandar asal.²³

Pada tahun 1931, ada ura-ura lagi untuk memindahkan bandar ke suatu kawasan yang lebih selamat. Satu pelan telah disediakan untuk membangunkan bandar baru di kawasan di hadapan stesen keretapi. Pelan itu telah dibincangkan oleh Lembaga Kesihatan Hilir Perak pada 16 Jun 1931. Menurut pelan itu sebuah jambatan baru dan beberapa jalan baru harus dibina. Perbelanjaannya memang tinggi pada hal di bandar asal terdapat banyak lagi lot kosong untuk rumah kedai. Juru-tera Eksekutif menjelaskan:

"There are now 451 shop lots in use; there are 76 lots vacant and there is suitable land now used as cooly lines etc. which could be used to provide 243 shop lots The temporary Government offices and barracks (police) could be moved to provide another 200 shop lots."²⁴

Lembaga itu merasa yakin bahawa hakisan sungai tidak akan mengancam bandar selama sekurang-kurangnya 50 tahun. Beberapa orang ahli lembaga itu berpendapat bahawa kawasan yang dicadangkan sebagai tapak bandar baru lebih sesuai sebagai kawasan kediaman. Lembaga juga diberitahu bahawa peniaga-peniaga Cina tidak sanggup berpindah ke kawasan yang terletak jauh dari sungai kerana perniagaan mereka bergantung kepada lalu lintas di sungai.

Maka bandar asal itu kekal sehingga sekarang walaupun selepas Perang Dunia II, peniagaan di Teluk Anson tidak lagi bergantung kepada sungai. Pembinaan jalanraya dan perkembangan lalu lintas motor menjadikan jalan sungai tidak popular kerana tidak begitu cepat.

Tetapi perubahan itu tidak memberi kesan yang buruk kepada bandar Teluk Anson/Intan kerana bandar itu memang terletak di tengah-tengah kawasan pertanian yang sangat luas. Selain daripada estet-estet getah yang telah dibuka di sekitar bandar itu sebelum Perang Dunia I, disepanjang jalan ke Bagan Datoh, mula dari Hutan Melintang, terdapat banyak kebun kecil yang ditanam kelapa.

Teluk Anson bukan hanya memberi perkhidmatan kepada kawasan Perak di tebing utara Kuala Sabak Bernam tetapi juga kawasan Selangor di tebing selatan Kuala/Sabak Bernam, termasuk Sungai Besar dan sedikit sebanyak Tanjung Karang kerana Sungai Bernam hanya lebih kurang 10 batu dari Teluk Anson.

Di sebelah utara Teluk Anson pula terdapat kampung-kampung Melayu seperti Kampung Gajah, yang juga bergantung kepada per-

tanian (getah). Di Teluk Anson, mereka menjual keping getah dan membeli barang-barang keperluan. Di Teluk Anson juga terdapat hospital yang besar untuk satu kawasan yang luas itu.

Di Bagan Datoh, Sabak Bernam dan Sungai Besar, bukan pertanian sahaja yang penting kerana tempat itu juga merupakan kampung nelayan yang pada zaman dahulu bergantung kepada Teluk Anson untuk mengeksport ikan, udang dan ketam ke bandar-bandar lain di negara ini. Kini dengan kemajuan sistem perhubungan dan pengangkutan tempat-tempat itu dapat mewujudkan hubungan secara langsung dengan pasaran di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1929—1930 berlaku kemelesetan ekonomi dunia yang memberi kesan buruk juga kepada Tanah Melayu. Akibatnya kerajaan telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Padi untuk mengkaji dan membuat cadangan bagi mewujudkan rancangan guna menambahkan lagi pengeluaran padi di negara ini. Akibatnya ditubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air dan beberapa kawasan di negara dipilih ialah Sungai Manik yang terletak hanya lebih kurang satu batu dari Teluk Anson.

Sawah padi seluas lebih kurang 1000 ekar telah pun dibuka di Sungai Manik sebelum Jawatankuasa Padi ditubuhkan. Didapati tanah di sana memang sesuai untuk tanaman padi tetapi hasilnya tidak baik kerana kekurangan dari segi perairan. Untuk mengatasi masalah itu, diputuskan bahawa air daripada Batang Padang (sungai yang paling dekat) akan digunakan. Kawasan yang diukur pada peringkat awal itu seluas 10,000. Tetapi selepas kajian oleh Jawatankuasa Padi, keputusan diambil untuk membuka hanya 5,000 ekar.

Pada tahun 1934 terdapat laporan dalam *Times of Malaya* tentang rancangan itu. Kata penulisnya:

"Thousands of acres of jungle through which the famous Chikkus hard of elephants has roamed for many years will, in the course of another decade, be converted into a vast area of padi land as the result of the Sungai Manik Irrigation Scheme which is now in the initial stages of its development.

Nowhere in Perak is there more virgin land eminently suitable for the growing of Malay's staple food supply than in Lower Perak, where all is flat land and well served by numerous rivers and streams.

Owing, however, to the land being very flat, it is constantly subject to flooding and many portions are virtually swamps. To remedy this state of affairs, the aid of the engineer was called in and when the scheme prepared by the Irrigation and Drainage Department is completed a huge area of approximately 35 000 acres will be fertile land under padi cultivation."²⁵

Rancangan ini kemudian tergendala kerana perang meletus dan pembangunan perlu dijalankan semula selepas perang. Kerana rancangan itu kerajaan telah juga membina kilang padi di Teluk Anson pada lewat 1930-an.

Tetapi selepas Perang Dunia II, tidak terdapat perubahan atau perkembangan yang radikal di Teluk Anson/Intan. Bandar ini tetap bergantung kepada kawasan pertanian di sekitarnya. Pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Bernam, tidak jauh daripada Estet Jenderata (antara yang paling besar di Malaysia), beberapa tahun kebelakangan ini, memudahkan lagi perhubungan di antara Teluk Anson dengan kawasan Selangor dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam.

Selepas merdeka, sememangnya ada ura-ura lagi bagi memindahkan pusat bandar ke suatu kawasan yang lebih jauh dari sungai, iaitu Changkat Jong. Tetapi sebagaimana keadaan pada tahun 1931, penduduk-penduduk di pusat bandar tidak sanggup meninggalkan kawasan lama itu dan sebenarnya hakisan sungai tidak mungkin memusnahkan bandar Teluk Intan dalam tempoh yang singkat. Baru-baru ini ada rancangan untuk mengubah haluan sungai bagi menyekat hakisan.

Sementara itu Teluk Intan tetap dianggap bandar yang mundur, tiada peluang untuk generasi muda mendapat kerja. Ramai berhijrah ke Kuala Lumpur. Tetapi bandar yang tidak banyak berubah juga merupakan bandar yang dapat mengekalkan sejarah. Banyak yang dapat dipelajari oleh mereka yang berminat dalam sejarah Malaysia amnya dan sejarah Perak khususnya.

Dan sebagaimana telah disebutkan lebih awal lagi, Teluk Intan memang penting kerana ia berdiri di tengah-tengah suatu kawasan pertanian yang sangat luas termasuk daerah Sabak Bernam di Selangor. Buat masa sekarang, selain daripada kelapa, getah dan padi, terdapat juga tanaman lain seperti koko dan kelapa sawit. Di kawasan Chui Chak (berhampiran dengan Langkap, lebih kurang 16 batu dari Teluk Intan) tembakau juga diusahakan. Terdapat tidak kurang daripada enam bank di Teluk Intan, bandar yang dianggap mundur itu. Ternyata kekurangan Teluk Intan sebenarnya ialah keadaan terencilnya dan hakikat bahawa ia bukan pusat pentadbiran negeri Perak sejak tahun 1876.

Rujukan

1. Untuk satu kajian yang terperinci, lihat Barbara Leonard Andaya, *Perak: The Abode of Grace*, Kuala Lumpur, 1979.
2. Dibincangkan dengan panjang lebar oleh C. Northcote Parkison dalam bukunya, *British Intervention in Malaya*, Kuala Lumpur, 1964.

3. Lihat Khoo Kay Kim, *Taiping Ibukota Perak*, Kuala Lumpur, 1981.
4. Emily Sadka (ed.), "The Journal of Sir Hugh Low, Perak, 1877" dalam *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch*, Vol. 27 Pt. 4 1955, hlm. 83.
5. Colonial Office Records 273/109, Sir F. Weld kepada Lord Kimberely, 21 Sept. 1881.
6. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur 1971, hlm. 245.
7. Colonial Office Records 273/120, Sir F. Weld kepada Lord Derby, 3 May, 1883.
8. Lihat Ahmad Mustafa bin Ismail, "Bandar Teluk Anson: satu kajian mengenai sejarah Pembangunan dan perkembangannya dari sebuah Pusat Traditional Melayu, 1882-1914", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976/77, hlm. 49.
9. *Ibid.*, hlm. 52.
10. *Ibid.*, hlm. 54.
11. *Ibid.*, hlm. 55.
12. *Ibid.*, hlm. 56-57.
13. *The Perak Pioneer*, 23 September 1899.
14. Ahmad Mustafa, *op. cit.*, hlm. 78. Sebenarnya hakisan sungai telah memberi kesan yang buruk kepada dermaga di Teluk Intan. Namun demikian, perniagaan di pelabuhan tetap berkembang. Peristiwa tenggelamnya dermaga pada tahun 1901 akan dibincangkan kemudian.
15. *The Perak Pioneer*, 20 March 1901.
16. *Ibid.*, 6 July 1901.
17. Pada tahun 1905 dilaporkan bahawa: The cultivation of rubber and coconuts in the lower reaches of the Perak river and towards the Bernam is progressing space . . .
18. Lihat Khoo Kay Kim, *Teluk Anson (Teluk Intan) 100 tahun*, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 18-19.
19. *Ibid.*, hlm. 19-20.

20. Lihat E.C. Hicks, *History of English Schools in Perak*, Ipoh 1958, hlm. 16–17.
21. *The Perak Pioneer*, 29 Januari 1901.
22. Khoo Kay Kim, *Teluk Anson (Teluk Intan) 100 tahun*, hlm. 15.
23. *Ibid.*, hlm. 16.
24. *The Times of Malaya*, 30 June 1931.
25. *The Malay Mail*, 13 October 1934, menyiarkan semula laporan dalam *Times of Malaya*.

4

DARI TENTANGAN KE PERJUANGAN KEMERDEKAAN: SATU TINJAUAN MENGENAI PENGLIBATAN BEBERAPA ORANG TOKOH PERAK

ABDULLAH ZAKARIA BIN GHAZALI

Sepintas Lalu Tentang dan Perjuangan Kemerdekaan

Kehadiran kuasa Barat ke Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ke-16 yang dimulakan oleh Portugis dan diikuti oleh Belanda serta British telah mencetuskan beberapa siri tentangan daripada orang Melayu. Walaupun gerakan tentangan ini lebih bercorak setempat dan jauh dari teratur, namun bibit kesedaran terhadap maruah bangsa sudah tersemai dalam sanubari setiap yang terlibat.

Kedatangan Portugis yang berikutnya membawa kepada penaklukan ke atas Melaka pada 1511, telah memaksa Sultan Mahmud mengundur diri, dan akhirnya bersemayam di Kampar. Semasa hayat Baginda, Sultan Mahmud melancarkan beberapa siri serangan untuk mengembalikan maruah bangsa tetapi mengalami kekalahan sehinggalah Baginda mangkat di Kampar pada 1528¹. Pengganti Baginda, Raja Ali yang memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah II telah mengasaskan kerajaan Johor; di samping itu seringkali juga melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka. Sementara itu putera Baginda yang lain, dengan isteri puteri diraja Kelantan, Orang Kening, Raja Muzafar, mengasaskan kerajaan Melaka di Perak pada tahun 1528.

Pada awal kurun ke-17 Belanda telah tiba di perairan Semenanjung Tanah Melayu, dengan cita-cita menyingkirkan Portugis dari Melaka. Dengan menjalankan dasar berbaik-baik dengan kerajaan Melaka, akhirnya dengan bantuan Johor, Belanda berjaya mengalahkan Portugis di Melaka pada 1641. Seperti mana Portugis, Belanda juga mendapat tentangan daripada anak negeri. Naning, sebuah negeri kecil, pedalaman di antara Rembau dengan Melaka, naungan Johor telah melancarkan beberapa kali serangan ke atas Belanda di Melaka pada tahun 1640-an. Begitu juga Selangor terlibat dalam gerakan serangan membantu Raja

Haji, Yam Tuan Muda Johor menyerang Belanda di Melaka. Sementara itu pihak Belanda juga menghadapi serangan dan pembunuhan oleh orang-orang Melayu ketika mengendalikan pengurusan perdagangan bijih timah di Perak.

Keadaan yang sama juga dialami oleh British apabila mereka bertapak di Pulau Pinang dan Melaka. Keengganan Syarikat Hindia Timur menerima tuntutan Sultan Abdullah, Kedah tentang bayaran sugu hati tahunan dan membantu Kedah sekiranya diserang oleh Siam telah meruncingkan lagi perhubungan dua hala. Tindakan Francis Light menduduki Pulau Pinang tanpa mengendahkan bantahan Sultan Abdullah menyebabkan Kedah, di bawah beberapa orang pembesar telah membuat persiapan untuk melancarkan serangan ke atas Syarikat Hindia Timur di Pulau Pinang tetapi terlebih dahulu dipatahkan oleh British. Kekalahan ini menyebabkan Kedah terpaksa menandatangani perjanjian pada 1792 mengakui kedudukan British di Pulau Pinang dan menerima bayaran tahunan \$6,000.00 setahun. Bertolak dari sini, British menduduki Singapura (1819), Melaka (1824) dan seterusnya campurtangan di Perak (1874) serta diikuti dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan akhirnya Terengganu pada 1919.

Campurtangan British ini, (kecuali di Johor dan di Perlis) telah mencetuskan konflik di antara rakyat dan juga para pembesar tempatan dengan pihak British. Konflik ini seperti di Nanning dan Serkam (sekarang Melaka), Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Terengganu telah mencetuskan gerakan secara terbuka. Siri gerakan tentangan ini, walaupun lebih berbentuk setempat dan lemah organisasinya, dan diakhiri dengan kekalahan; tetapi ia mencerminkan ketidakselesaan masyarakat tempatan terhadap kehadiran British yang cuba mengukuhkan kedudukan mereka melalui pengenalan peraturan baru yang dibawa ke dalam masyarakat. Di sini nanti, dalam kes di Terengganu agama digunakan sebagai asas penyatuan dan menolak segala peraturan baru yang diisytiharkan sebagai kafir, kerana ia diperkenalkan oleh British.

Walaupun tentangan awal mengalami kekalahan, tetapi ia tidak menamatkan semangat perjuangan masyarakat Melayu. Namun begitu ia mengambil masa yang agak panjang. Pada 1930-an barulah muncul pertubuhan yang berbau politik memperjuangkan bangsa dan tanah air. Kelewatan ini amat berkait dengan dasar pemerintahan British yang mengubah secara besar-besaran sistem pentadbiran tradisional, dan penghadang dalam perkembangan sistem pendidikan. Orang-orang Melayu digalakkan menuntut pelajaran hanya untuk menjadi seorang petani dan nelayan yang lebih daripada bapa mereka.

Pada awal kurun ke-20 keadaan masyarakat mula berubah, wujudnya konteks dengan orang-orang Islam dari Timur Tengah dan India; dan ramai pula anak tempatan menuntut pelajaran di Timur Tengah.

Selain daripada itu inspirasi kebangkitan Jepun, sebuah kuasa Asia juga turut merangsangkan kesedaran masyarakat Melayu. Keadaan ini memberi kesan dalam perkembangan masyarakat berikutnya. Walaupun peringkat awal ini ia tertumpu kepada masalah sosial dan ekonomi, tetapi suara-suara mulai lantang mempersoalkan perkara ini.

Pada 1900 sebuah akhbar Melayu diterbitkan di Singapura bernama *Al-Imam* oleh segolongan keturunan Arab yang dipengaruhi oleh gerakan Islam semasa di Timur Tengah. Tujuan penerbitan akhbar ialah untuk "mengingatkan mana yang lalai dan menjaga mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan²." Akhbar ini menyeru orang-orang Islam kembali kepada ajaran Quran dan Hadis; serta menerima pengetahuan Barat. Mereka yang menyebarkan ajaran ini, kemudiannya digelar Kaum Muda. Kaum Muda telah mengecam pimpinan agama dan para pembesar Melayu; dan juga mengkritik adat serta kehidupan orang Melayu³. Walaupun dalam Kaum Muda ini terdapat tokoh-tokoh seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Muhammad Yunus bin Abdul Hamid (sebelum ini terlibat dalam politik di Sumatera) tetapi pertubuhan ini bukan pertubuhan politik. *Al-Imam* menyeru raja dan orang-orang besar menubuhkan persatuan yang meninggikan pelajaran, ekonomi dan kesedaran orang Melayu. *Al-Imam* juga menggalakkan anak-anak orang Melayu melanjutkan pelajaran keluar negeri⁴. Di antara tokoh-tokoh yang cergas terlibat dalam penerbitan *Al-Imam* ialah Syed Sheikh Al-Hadi, Haji Abas bin Muhammad Taha, Sheikh Mohd. Salim Al-Kalili dan Mohd Tahir bin Jalaluddin⁵. Selain daripada *Al-Imam* terdapat beberapa akhbar lain yang juga turut menjadi santapan golongan terpelajar di Semenanjung Tanah Melayu. Akhbar tersebut diterbitkan di Singapura iaitu *Neraca* (1911–1915), *Utusan Melayu* (1907–1922) dan *Lembaga Melayu* (1914–1931). *Neraca* di bawah pimpinan bekas pengarah *Al-Imam*, Haji Abas bin Mohd. Taha. Beritanya lebih tertumpu kepada Timur Tengah dan memaparkan semangat keislaman⁶. *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu* menunjukkan sikap berpihak kepada kerajaan, tetapi secara lembut ada juga menyuarakan teguran kepada pemerintah. Apabila *Utusan Melayu* diberhentikan pengeluarannya, *Lembaga Melayu* meneruskan penerbitannya hingga 1931⁷. Pada Jun 1920, Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar, Johor menerbitkan akhbar dua minggu sekali, *Lidah Teruna*, menekankan perpaduan di kalangan bangsa Melayu⁸. Pada 1924, *Majallah Guru* diterbitkan bersama oleh Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Majalah ini agak radikal, menyentuh politik, tetapi masih menyuarakan perpaduan bangsa Melayu untuk mendapat matlamat ekonomi dan sosial⁹. Pada 1925, Maharani Company menerbitkan akhbar dua minggu sekali, *Perjumpaan Melayu*; kemudiannya menukar-

kannya kepada nama *Panji-panji Melayu*. Di Pulau Pinang, pada 1925, akhbar *Idaran Zaman* diterbitkan di bawah pimpinan Mohd. Yunus bin Abdul Hamid. Akhbar ini menekankan perpaduan agama¹⁰. Pada 1926 sebuah majalah bulanan *Al-Ikhwān* diterbitkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Majalah ini masih berkisar dalam masalah sosial dan agama. Pada 1928 akhbar harian *Saudara* diterbitkan dengan Mohammad Yunus bin Abdul Hamid sebagai pengarang pertamanya¹¹. Pada 1930-an akhbar Melayu banyak diedarkan dalam pasaran, di antaranya *Warta Malaya* (1930–1941), *Majlis* (1931–1941), *Lembaga Malaya* (1939–1941). *Warta Malaya* dan *Lembaga Malaya* pernah dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar, penekanannya tidak jauh berbeza, menuntut pengambilan orang Melayu dalam jawatan pentadbiran penting kerajaan. Namun begitu tidak menyuarakan tuntutan menghalau British dari Tanah Melayu¹². Akhbar *Majlis* pada mulanya di bawah pimpinan Kajai, kemudian berselisih faham dengan tuan punya syarikat lalu meletakkan jawatan dan berkhidmat pula dengan *Warta Malaya* dan kemudiannya dengan *Utusan Melayu*. Tempatnya diambil oleh Othman Kalam; dan berikutnya oleh Ibrahim bin Haji Yaacob (1939–1941) dan dibantu oleh Ahmad Boestaman¹³. Melalui akhbar suara-suara kritikan dikemukakan mengenai sosial, agama, ekonomi dan politik.

Perkembangan di Turki telah berjaya mempengaruhi perjuangan orang-orang Islam di India, kini semangat anti British yang ditanam telah merebak ke Tanah Melayu. Walaupun kebangkitan yang dirancang oleh askar India muslim tidak meletus di Taiping, tetapi pada awal 1915 askar India muslim melancarkan serangan ke atas tentera British di Singapura.

Tahun-tahun 1920-an memperlihatkan satu perkembangan baru dalam politik di Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1920-an juga Kaum Muda mulai jelas terlibat dalam politik. Penglibatan ini melalui pelajar Malaya di Timur Tengah. Mereka yang menuntut di Universiti al-Azhar, dengan kerjasama pelajar-pelajar Indonesia telah menubuhkan persatuan yang bernama *Al-Jam'iyah-al-Khairiyah*, berikutnya dengan sokongan Osman bin Abdullah, pelajar Malaya, pada bulan Oktober 1925 majalah bulanan *Al-Azhar* diterbitkan dengan matlamat "memberi cahaya dan sinar kepada tanah airnya." Pada 1927 sebuah lagi majalah bulanan *Pilihan Timur* diterbitkan. Kedua-dua majalah ini juga berkisar di sekitar agama; dapat bertahan sehingga 1928¹⁴.

Pada 1926, Kesatuan Melayu Singapura ditubuhkan di bawah pimpinan Mohamed Eunus Abdullah. Persatuan ini menyuarakan kemajuan bangsa Melayu dan penglibatan dalam kerajaan. Berikutnya pada 1927, cawangan persatuan ini ditubuhkan di Melaka dan Pulau Pinang¹⁵. Sekolah Melayu telah berkembang, pada 1920 terdapat kira-kira 757 buah sekolah dan 40,000 orang murid di Tanah Melayu¹⁶, dan diikuti

oleh penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 1922. Berikutnya lahir satu kumpulan, mereka datang dari kelas bawah menjadi pemimpin mengambil alih peranan yang sebelum ini di tangan golongan bangsawan. Kini orang-orang Melayu yang mendapat didikan sekolah Melayu sudah ramai boleh membaca dan menikmati segala resah gelisah yang disuarakan melalui akhbar. Kini muncul golongan baru yang boleh digolongkan sebagai inteligensia, terdiri dari lepasan sekolah Melayu, Arab dan juga Inggeris. Golongan ini lebih ramai muncul di kawasan bandar, di mana terdapat banyak sekolah didirikan. Di Kelantan, misalnya muncul Abdul Kadir Adabi, yang berikutnya muncul pertubuhan seperti Kelab Putera dan Setiawan Belia.

Keadaan meleset dunia yang turut sama dialami oleh Tanah Melayu, wujudnya pengangguran; tuntutan orang Cina supaya setaraf dengan orang Melayu dan dasar pemencaran kuasa oleh Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi pada 1930 telah menyumbangkan ke arah bersemaraknya benih-benih perjuangan kebangsaan. Berikutnya muncul pula akhbar-akhbar seperti *Saudara* dua kali seminggu di Pulau Pinang menyuarakan penyatuan orang Melayu. Langkah British untuk menyemak pemencaran kuasa dan memulangkan kepada sultan menimbulkan bangkangan kaum Cina. Pada 7 April 1934 lahir *Sahabat Pena* yang menanamkan lagi semangat kesatuan di kalangan orang Melayu. *Sahabat Pena* telah berjaya mengaturkan satu pertemuan di peringkat kebangsaan di Taiping, Perak. Menjelang 1935, *Sahabat Pena* membentuk Persaudaraan Sahabat Pena, dan jumlah ahlinya 1,000 orang; dan pernah meningkat ke angka 12,000 orang. Ahli-ahlinya berpencar di Tanah Melayu. Walaupun cita-cita politik sudah nampak terbayang, tetapi perjuangannya masih berkisar di sekitar bahasa dan kesusasteraan¹⁷. Pada September 1937 Persatuan Melayu Perak ditubuhkan. Kemudiannya diikuti oleh Persatuan Melayu Pahang, pada Mac 1938; Persatuan Melayu Selangor, Julai 1938 dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan, 9 September 1938¹⁸.

Pada 1938 Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob dan sokongan Onan Haji Siraj, Abdul Samad Ahmad, Mustapha Hussein dan Ramli Haji Tahir. Perjuangan mereka berteraskan kerjasama Malaya-Indonesia bagi mewujudkan Melayu Raya. Pada 5-6 Ogos 1939 Kongres Se Malaya diadakan dan dianjurkan di Kuala Lumpur di atas usaha Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor. Matlamat perhimpunan ini ialah untuk mengeratkan lagi hubungan dan mengukuhkan usaha-usaha bangsa dan pertubuhan Melayu. Berikutnya pada 21 Ogos 1939 Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan. Pada 25-26 Disember 1940, Kongres Kedua diadakan di Singapura¹⁹.

Pada 1940 kira-kira 150 orang pemimpin kesatuan Melayu Muda ditahan oleh British kerana disyaki menjalankan kegiatan subversif²⁰. Di antara mereka yang ditahan ialah Ibrahim bin Haji Yaacob, Ishak bin Haji Muhammad dan Ahmad Boestaman. Terdapat beberapa orang ahli Kesatuan Melayu Muda melolos diri ke Thailand²¹. Di satu pihak yang lain, ahli Kesatuan Muda mengekalkan hubungannya secara rahsia dengan Tentera Rakyat Anti-Jepun Melaya (MPAJA) dan Parti Komunis Melaya (PKM), di pihak yang lain Kesatuan Melayu Muda menguasai Pembela Tanah Air (PETA) dan bekerjasama dengan Jepun menentang British²².

Ketika pendudukan Jepun, pemimpin Kesatuan Melayu dibebaskan, dan mereka dibenarkan bergiat dalam politik. Ibrahim Yaacob, pemimpin Kesatuan Melayu Muda, dengan restu Jepun telah menubuh pertubuhan politik baru, Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS). Apabila menyedari bahawa kedudukan Jepun mulai lemah, Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung menemui Sukarno dan Hatta di lapangan terbang Taiping, ketika mereka dalam perjalanan pulang dari persidangan dengan pemimpin atasan Jepun di Saigon, untuk mengisytiharkan kemerdekaan bersama Malaya dan Indonesia²³. Namun begitu, sebelum sempat kemerdekaan diisytiharkan Jepun telah menyerah kalah, dan hanya Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan sendiri²⁴. Pendudukan Jepun pada 1942 berakhir pada 1945, telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada orang Melayu, yang mana telah menyemarakkan lagi perjuangan kemerdekaan.

Setelah Jepun mengaku kalah, Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) mengambil kesempatan memerintah Tanah Melayu selama dua minggu. Kemudiannya British berkuasa semula, di bawah Pentadbiran Tentera British (BMA). Di antara Jepun menyerah kalah dengan Pentadbiran Tentera British, Ahmad Boestaman dan rakannya menerbitkan akhbar *Suara Rakyat*; dan berikutnya menubuhkan KITA (Kiri Tanah Air). Dalam pada itu tokoh-tokoh politik Indonesia berhijrah ke Tanah Melayu, di antara mereka ialah Mokhtaruddin Lasso; yang kemudiannya terlibat dalam politik tempatan. Kemudian Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 oleh mereka yang bergiat sebelum perang dalam Kesatuan Melayu Muda²⁵, Mokhtaruddin Lasso sebagai pemangku pengerusi; Dahari Ali sebagai pemangku setiausaha. Parti ini mengadakan Kongres pertama di Ipoh pada akhir November 1945²⁶. Tanah Melayu terus mengalami perkembangan politik, bilamana kerajaan British mengesyorkan gagasan Malayan Union. Rancangan ini dikaji oleh kerajaan British sejak 1943, di bawah *Malayan Planning Unit* dan hanya pada 1946 dibentangkan di Parlimen. Kerajaan British mengambil keputusan untuk memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. Pengenalan ini telah melahirkan

tentangan daripada masyarakat Melayu²⁷. Tentangan ini meletus disebabkan oleh masalah kerakyatan dan kedudukan raja-raja Melayu²⁸. Akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Malay Mail* turut memainkan peranan menentang Malayan Union. Dalam pada itu, sebelum mengubah haluan, Parti Kebangsaan Melayu Malaya menyokong gagasan Malayan Union, tetapi setelah menyedari kesilapannya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya menyokong perjuangan menentang Malayan Union²⁹. Kemudiannya muncul tokoh-tokoh seperti Dato' Onn, Dato' Haji Wahab bin Toh Muda (Dato' Panglima Bukit Gantang) dan Dr. Hamzah Abdullah menjalankan kegiatan menentang Malayan Union dan mencadangkan satu perjumpaan orang Melayu bagi seluruh Tanah Melayu diadakan di Melaka. Walaupun cadangan ini dipersetujui, tetapi tempatnya ditukarkan ke Kuala Lumpur.³⁰ Pada 24 Januari 1946, melalui akhbar *Majlis*, Dato' Onn Jaafar menggesa orang-orang Melayu mengadakan satu kongres seTanah Melayu. Berikutnya pada 1 April 1946, Kongres Ketiga diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, dan lima orang telah dipilih untuk mengubal perlembagaan bagi *United Malays National Organisation* (atau UMNO). Dalam pertemuan di Johor Bahru, 11–12 Mei 1946, dengan rasminya UMNO lahir sebagai sebuah pertubuhan politik dan Dato' Onn Jaafar menjadi presiden yang pertama. Hasil dari tentangan yang berterusan menyebabkan sultan-sultan memulaukan Malayan Union dan British pula menyedari bahawa rancangan mereka gagal, lalu mengambil sikap berunding dengan orang-orang Melayu untuk merangka perlembagaan baru untuk Tanah Melayu. Rundingan ini memakan banyak masa kerana rancangannya mendapat tentangan dari *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) di bawah pimpinan Melayu Malaya. Pada 1 Februari 1948 Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan.

Pada 1948 Sistem Ahli telah dibentuk, tetapi pengisytiharan pertama hanya dibuat pada Mac 1950; dan pada April 1951 perlantikan dibuat di mana Dato' Onn bin Jaafar sebagai ketua Jabatan Dalam Negeri; E.E.C. Thuraisingham, Jabatan Pelajaran; Dr. Lee Tiang Keng, Jabatan Kesihatan; Tunku Yaacob bin Sultan Abdul Hamid, Jabatan Pertanian dan Perhutanan dan Dato' Mahmud bin Mat, Jabatan Tanah, Galian dan Perhubungan. Ahli-ahli ini bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya British. Pada 1951 Dato' Onn bin Jaafar keluar dari UMNO dan membentuk Independence of Malaya Parti (IMP) kerana timbul ketidak-cucukan tentang perkauman dalam parti. Pada 1951 pilihanraya bandaran pertama diadakan. Dalam pilihanraya Majlis Bandaran George Town pada 1 Disember 1951 Parti Radikal telah memenangi enam dari sembilan kerusi yang dipertandingkan, mengalahkan Parti Buruh dan UMNO. Manakala dalam pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang diadakan dalam bulan Februari 1952 Parti perikatan

(UMNO—MCA (Malayan Chinese Association)) telah memenangi sembilan dari dua belas kerusi yang dipertandingkan, mengalahkan Dato' Onn dan rakan-rakannya dalam Parti Kemerdekaan Malaya³¹. Pada September 1953 Pesuruhjaya Tinggi menarik diri dari Presiden Majlis Persekutuan dan tempatnya diganti oleh speaker. Penarikan diri ini kerana tugas ahli meliputi dasar dan pelaksanaan kerajaan dan tidak lagi sesuai dengan peranan Pesuruhjaya Tinggi.

Pada 1953 UMNO—MCA konvesyen diadakan membuat persediaan pilihanraya yang berikutnya; dan sekali lagi konvesyen ini diadakan pada Februari 1954. Selain daripada tuntutan pilihanraya diadakan selewat-lewatnya pada 1954, mereka juga menuntut supaya diberi hak mengundi umum; dua pertiga daripada ahli Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan hendaklah dipilih dari Majlis Perundangan; dan sekurang-kurangnya tiga perlima dari ahli Majlis Perundangan hendaklah dipilih³². Tuntutan ini tidak mendapat perhatian daripada Pejabat Tanah Jajahan di London. Dengan wakil dihantar terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein dan T.H. Tan. Rundingan diadakan dan mendapat penyelesaian. Pada awal 1955 Malayan Indian Congress (MIC) bergabung dengan Parti Perikatan; dan seterusnya dalam Pilihanraya Umum pada 27 Julai 1955 Parti Perikatan memenangi 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan. Hanya satu kerusi, kawasan Krian dimenangi oleh Parti Islam Se Malaya (PAS)³³.

Parti Perikatan telah membentuk kerajaan dan susunan kabinet menteri adalah seperti berikut³⁴ :

- Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj — Perdana Menteri
- Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein — Menteri Pelajaran
- Dato' Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman — Menteri Kerajaan
Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar
- Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman — Menteri Tanah dan
Galian
- Kolonel H.S. Lee — Menteri Pengangkutan
- Encik Sardon bin Haji Jubir — Menteri Kerja Raya
- Encik V.T. Sambathan — Menteri Buruh
- Encik Leong Yew Koh — Menteri Kesihatan
- Encik Ong Yoke Lin — Menteri Pos dan Talikom
- Encik Abdul Aziz bin Ishak — Menteri Pertanian

Rundingan kemerdekaan diteruskan, dan akhirnya Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Peranan Beberapa Tokoh Perak Dalam Gerakan Tentangan dan Perjuangan Kemerdekaan

Perkembangan perjuangan bangsa Melayu Semenanjung sejak kedatangan kuasa Barat memperlihatkan satu proses yang agak panjang, bermula dari gerakan tentangan, membawa kepada gerakan sosial dan kemudian lahir perjuangan kemerdekaan. Dalam proses ini tokoh-tokoh Perak turut terlibat sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan. Sejarah perjuangan orang-orang Perak menentang kuasa Barat dapat dikesani sejak Belanda bertapak menguruskan perniagaan bijih timah di Perak. Pada 1651 loji Belanda di Kuala Perak telah diserang, dan orang-orang Belanda yang ada di situ semuanya dibunuh. Pada 1676 dan 1677 kapal-kapal dagang Belanda yang belayar berhampiran dengan pantai Perak telah diserang oleh orang-orang Perak. Oleh kerana serangan ini pihak Belanda menguatkan kubu mereka di Pulau Pangkor. Namun begitu pada 1690, Panglima Kulup Ali dan pengikutnya telah menyerang kubu ini, dan memusnahkannya. Ramai orang-orang Belanda terbunuh, menyebabkan mereka meninggalkan kubu tersebut. Semangat perjuangan ini berterusan dihayati oleh orang-orang Perak pada masa campurtangan British. British campurtangan secara rasmi di Perak dengan berkuatkuasa Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, yang ditandatangani oleh Gabenor Sir Andrew Clarke dan Raja Muda Abdullah, Bendahara, Menteri, Temenggung, Laksamana dan Dato' Sagor. Fasal pertama Perjanjian ini mengakui Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak, fasal kedua menurunkan Sultan Ismail daripada takhta kerajaan dan diberi pencen serta gelaran Sultan Muda. Fasal keenam pula, seorang Residen British akan dilantik di Perak dan "... hendaklah dituntut apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajarannya pada membuat apa-apa dalam segala perkara, yang lain daripada perkara yang berkenaan dengan agama dan adat-adat Melayu." Fasal ketujuh seorang Penolong Residen akan membantu Menteri di Larut. Fasal kesepuluh menyebut bahawa "... memungut hasil dan kuasa pemerintah memungutnya serta segala jenis perintah bagi negeri itu, semuanya hendaklah diaturkan dengan mengikut kehendak Residen-residen yang tersebut itu"³⁵. Lebih kurang sembilan bulan kemudian, pada 4 November 1874 J.W.W. Birch dihantar ke Perak menjawat jawatan Residen British. Pada 5 November 1874 pula Sultan Abdullah menghantar surat kepada Sultan Ismail bertujuan menjemput Baginda menemuinya untuk membincangkan mengenai kedudukan negeri Perak³⁶. Padahal hubungan Sultan Abdullah dengan Sultan Ismail tidak begitu baik sebelum ini.

Dengan restu Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke dan kemudiannya Sir William Jervois, J.W.W. Birch telah membawa berbagai

pembaharuan dalam pentadbiran Perak. Penyelarasan dalam pentadbiran, termasuk pungutan cukai, kehakiman, perlantikan penghulu dan Dato', pembukaan kawasan baru dan perlombongan telah mencetuskan rasa tidak puashati para pembesar Perak, kerana ini bertentangan dengan 'adat' dan amalan yang dilakukan sebelum ini. J.W.W. Birch juga telah melanggar ketetapan dalam Perjanjian Pangkor, tidak boleh terlibat dalam masalah adat-istiadat tempatan; dengan melindungi hamba berhutang, kebanyakannya perempuan di kediamannya di Bandar Baru. Perlindungan terhadap hamba-hamba perempuan ini bukan sahaja dianggap sebagai merampas harta mereka tetapi juga timbul keraguan terhadap sikap J.W.W. Birch itu sendiri³⁷.

Dalam usaha mendapatkan persetujuan tandatangan Sultan Abdullah terhadap setiap peraturan baru yang hendak diperkenalkan dan dikuatkuasakan, J.W.W. Birch menggunakan paksaan. Beliau pernah memberi amaran akan melucutkan takhta kerajaan dan diganti dengan Raja Yusof sekiranya Sultan Abdullah tidak mahu menurunkan tandatangan ke atas surat pengisytiharan memberi kebenaran kepada pegawai British sebagai hakim dan boleh menjatuhkan hukuman ke atas kes jenayah; melantik Dato'-Dato' dan Penghulu mentadbir dalam negeri; dan pengadil-pengadil mahkamah serta pegawai-pegawai British akan mewakili Sultan memungut cukai dalam negeri³⁸. Oleh kerana tekanan ini Sultan Abdullah menurunkan tandatangan pada 2 Oktober 1875.

Keruncingan hubungan para pembesar Melayu dengan J.W.W. Birch tidak dapat dibendung lagi. Pada 15 Oktober 1875 Sir William Jervis pula menambahkan lagi keruncingan tersebut dengan mengisytiharkan bahawa Perak akan diletakkan di bawah pentadbiran Pesuruhan-jaya dan seorang Pembantu³⁹. Sebagai tindak balas dari pengumuman ini, Sultan Abdullah mengadakan lagi mesyuarat di Durian Sebatang pada 28 Oktober 1875, menguatkan lagi keputusan yang pernah dicapai dalam mesyuarat 21 Julai 1875 dahulu akan membunuh J.W.W. Birch; dan dalam mesyuarat ini memutuskan bahawa pembunuhan itu akan dilangsungkan apabila beliau tiba di Pasir Salak⁴⁰.

Adalah tidak keterlaluan kalau dinyatakan bahawa dalam pakatan menentang British di Perak, rencananya agak teliti. Mesyuarat demi mesyuarat diadakan sebelum bertindak. Begitu juga hubungan sentiasa dibuat di antara Sultan Abdullah dengan Sultan Ismail. Walaupun mereka pernah bersengkata kerana takhta kerajaan, tetapi demi kepentingan negeri Perak kedua-dua Sultan ini bekerjasama dengan satu matlamat iaitu menentang British. Pada Mac 1875, satu mesyuarat diadakan di rumah cukai, Kuala Kinta dari jam 11:00 pagi hingga 4:00 petang. Di antara mereka yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Sultan Abdullah, Menteri, Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Mat Arshad. Mesyuarat ini mengambil keputusan tidak bersetuju menyerah-

kan kutipan cukai di Kuala Kinta, Bidor dan Batang Padang kepada pegawai British. Berikutnya segala urusan dalam negeri, Sultan Abdullah serahkan kepada Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Orang Kaya Mat Arshad. Keputusan memberi kuasa kepada para pembesar ini dilaporkan oleh Sultan Abdullah kepada J.W.W. Birch pada 27 Mac 1875⁴¹.

Pada 21 Julai 1875 dan 28 Oktober 1875 mesyuarat diadakan dan kedua-duanya mengambil keputusan membunuh J.W.W. Birch. Perencanaan ini menunjukkan betapa berhati-hati mereka sebelum bertindak. Dalam mesyuarat 21 Julai 1875 di Durian Sebatang, di antara yang hadir ialah Sultan Abdullah, Raja Idris, Kundah Muhammad (wakil Bendahara dan Seri Maharaja Lela), Wan Husin (wakil Temenggung), Penghulu Mat Ali (wakil Menteri Ngah Ibrahim), Laksamana, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad, Raja Ahmad, Raja Musa, Mat Ros, Haji Idris, Tuk Muda Rapa, Haji Mat Yasin, Haji Daud, Pak Taib dan Raja Mahkota. Mereka yang hadir berjabat salam dan bersumpah tidak akan mengingkari keputusan mesyuarat⁴². Dalam mesyuarat ini Raja Yusof, yang mendapat gelaran Raja Muda daripada Sultan Abdullah tidak hadir⁴³. Mesyuarat ini mengambil keputusan membunuh J.W.W. Birch melalui tiga cara, pertama, racun; sekiranya gagal, bermain hantu dan jika gagal lagi bunuh⁴⁴. Di sini memperlihatkan tentang bagaimana rancangan itu di buat dengan teliti. Percubaan racun gagal, dan upacara bermain hantu dilangsungkan di Batak Rabbit pada 20 Ogos 1875 khusus untuk membunuh J.W.W. Birch⁴⁵, juga gagal menamatkan riwayat J.W.W. Birch di Perak.

Pakatan dan rancangan diteruskan. Pada akhir Ogos 1875, mesyuarat diadakan bagi membunuh J.W.W. Birch. Dalam mesyuarat ini, oleh kerana Laksamana tidak sanggup membunuh J.W.W. Birch, maka tugas ini diambil oleh Dato' Sagor. Raja Idris yang hadir dalam mesyuarat ini menyatakan kesediaannya membantu Dato' Sagor⁴⁶. Pada 5 September 1875 mesyuarat berlangsung di rumah Dato' Sagor; kali ini Dato' Sagor, Sultan Abdullah dan Maharaja Lela minum air keris bersumpah merahsiakan pakatan membunuh J.W.W. Birch⁴⁷. Sementara itu mesyuarat juga diadakan di Belanja di bawah pimpinan Sultan Ismail. Dalam mesyuarat yang berlangsung pada Ogos dan September 1875, Dato' Sagor dan Maharaja Lela juga turut hadir. Dalam mesyuarat September 1875, Dato' Sagor menarik perhatian mesyuarat supaya jangan mungkir janji.⁴⁸

Perencanaan sebelum bertindak terus diamalkan sehingga saat terakhir tindakan dilaksanakan. Perencanaan dapat diperhatikan di mana tiga hari sebelum J.W.W. Birch dibunuh, mesyuarat diadakan di rumah Dato' Maharaja Lela. Di antara mereka yang hadir dalam me-

syuarat ini ialah Se Njan, Se Gondek, Se Milan, Tuk Bodoh, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali (Kulup Ali), Odah Makan dan Che Labab⁴⁹. Dalam mesyuarat ini Maharaja Lela melantik Pandak Induk sebagai wakilnya dalam rancangan membunuh J.W.W. Birch. Pandak Induk telah dianugerahkan dengan baju, tengkolok dan sebilah pedang⁵⁰.

Pada 1 November 1875, jam 5:00 petang J.W.W. Birch dan rombongan bertolak ke Pasir Salak dari kediamannya di Bandar Baru, dan tiba pada jam 11:00 malam. Keesokan harinya 2 November 1875, sebagaimana yang telah dirancang Pandak Induk dan pengikut-pengikutnya menyerang J.W.W. Birch yang sedang mandi di rumah mandi. Serangan melalui rejaman lembing telah menyebabkan J.W.W. Birch jatuh ke dalam sungai, sebaik sahaja timbul, beliau telah ditikam dengan lembing oleh Se Tuah dan ditetak dua kali oleh Seputum. J.W.W. Birch tenggelam dan dijumpai di kawasan lebih kurang 183 meter dari tempat kejadian⁵¹.

Kematian J.W.W. Birch menandakan kejayaan pakatan membunuhnya yang dirancang sejak pertengahan tahun 1875. Namun begitu pasukan British telah bertindak balas, menyebabkan para pejuang Perak gagal mempertahankan kedudukan mereka. Pada 5 November 1875, 50 orang sepoi di bawah Leftenan Abbot, 60 orang tentera Regimen 10 di bawah Kolonel A.E.H. Anson dan sepasukan polis di bawah Kapten Innes tiba di Pasir Salak. Pertempuran berlaku, pasukan orang-orang Perak ditewaskan. Bandar Tua dan rumah Maharaja Lela telah dibakar. Pada 9 November 1875 tiba lagi 150 orang ke Pasir Salak di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Pasir Salak telah ditawan pada 15 November 1875. Kemudiannya pasukan bantuan dari Hong Kong dan India tiba. Pasukan ini mara ke Sungai Larut dan Kuala Kangsar dan berjaya menawan Kota Lama. Dalam gerakan menangkap pemimpin terlibat, tawaran hadiah sebanyak \$6,000.00 diisytiharkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dato' Maharaja Lela dan \$3,000.00 untuk Dato' Sagor dan Pandak Induk⁵².

Kemudiannya, Sultan Ismail menyerah diri bersama-sama alat-alat kebesaran kepada Kolonel A.E.H. Anson di Pulau Pinang pada 20 Mac 1876. Seputum telah ditangkap, dan dibicarakan pada Mac 1876; didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Hukuman ini dijalankan di Bandar Baru pada 20 Mac 1876. Kemudiannya Dato' Sagor telah ditangkap pada Jun 1876 dan diikuti pula oleh penyerahan diri Dato' Maharaja Lela, Pandak Induk dan Ngah Jabor pada Julai 1876⁵³. Panjang Bor, Kulup Ali dan Se Tuah juga ditahan. Mereka dibicarakan di Matang, dihadapan Hakim Raja Muda Yusuf dan Raja Alang Husin. Mereka didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati⁵⁴. Namun begitu melalui J.G. Davidson (Residen

British Perak), Sir William Jervois mengarahkan supaya memujuk Raja Muda Yusuf membatalkan hukuman gantung sampai mati kepada penjara seumur hidup ke atas Kulup Ali, Se Tuah, Panjang Bur dan Ngah Jabor. Cadangan ini diterima⁵⁵, dan dengan itu hanya Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Induk sahaja yang digantung sampai mati. Pada 20 Januari 1877 ketiga-tiga tokoh yang mempertahankan maruah bangsa, khususnya di Perak telah mengakhiri hidup mereka di tali gantung, yang berlangsung di kawasan berhampiran rumah kerajaan di Larut⁵⁶. Penyiasatan juga dilakukan ke atas Sultan Abdullah, Menteri, Laksamana dan Syahbandar. Mereka juga didapati bersalah dan dihukum buang negeri ke Pulau Seychelles. Sultan Ismail, Dato' Wan dan Panglima Perang dibuang ke Johor. Pada 1887, Raja Muda Yusuf ditabalkan menjadi Sultan Perak⁵⁷. Setelah sekian lama berada dalam buangan, Sultan Abdullah dibenarkan pulang pada 1884; tetapi hanya dibenarkan tinggal di Singapura dan kemudian di Pulau Pinang. Hanya pada 1922, Sultan Abdullah dibenarkan pulang ke Perak.

Gerakan tentangan yang direncanakan sejak pertengahan tahun 1875 berjaya membunuh J.W.W. Birch pada 2 November 1875; tidak berupaya mengatasi pasukan dan kelengkapan bersenjata British; akhirnya dalam bulan November dan Disember 1875 mereka terpaksa menyerah kalah. Penangkapan dan penyerahan para pemimpin serta hukuman yang dikenakan menamatkan gerakan penentangan di Perak, dan bermakna kedudukan British bertambah teguh. Walaupun begitu tentangan demi tentangan, sebagaimana berlaku di Perak, meletus di Negeri Sembilan di bawah Tengku Antah, Pahang di bawah Bahaman, Mat Kilau dan Tuk Gajah; Kelantan di bawah Tuk Janggut atau Haji Mat Hassan dan Terengganu di bawah pimpinan Haji Abdul Rahman Limbong atau Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid. Bentuk penentangan adalah bercorak setempat dan dihadapi oleh British ketika mereka cuba menguatkan kedudukan di dalam negeri-negeri tersebut.

Sejak tamatnya gerakan tentangan yang dipelopori oleh Sultan Ismail, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Syahbandar, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor pada 1875, tidak meletus lagi gerakan tentangan selepas ini. Hanya bermula dari 1920-an muncul semula beberapa orang tokoh Perak menghayati kembali perjuangan yang sebelum ini pernah dirintis oleh para pejuang negerinya. Melalui Majlis Persekutuan (Federal Council), beliau menganggotainya, Raja Chulan bin Sultan Abdullah seringkali menyuarakan kepentingan orang-orang Melayu. Beliau pernah menyarankan supaya orang-orang Melayu diberi peluang berkerja dengan kerajaan.⁵⁸ Kemudiannya Maahad II Ihya Assyariff didirikan di Gunung Semanggul, Perak oleh Ustaz Abu Bakar pada 15 April 1934.⁵⁹ Ihya Assyariff menyumbangkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam kesedaran sosial, ekonomi dan

politik Tanah Melayu, sehingga mencapai kemerdekaan. Sebelum perang dunia kedua, Ihya Assyariff dipengaruhi oleh fahaman Kaum Muda.⁶⁰ Pada 1936, bangunan baru siap dibina untuk menampung pelajar puteri.⁶¹ Langkah ini nampaknya selaras dengan fahaman Kaum Muda, tidak mengabaikan pendidikan kepada kaum perempuan.

Apabila Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada Mei 1937, dan didaftarkan pada Ogos 1938⁶², di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob dan Setiausahanya Mustapha Haji Hussein; pelajar Ihya Assyariff turut terlibat, dan cawangannya ditubuhkan di Ihya Assyariff⁶³. Pada 1938, Perikatan Melayu Perak ditubuhkan. Di antara tokoh-tokoh penting ialah Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda, Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin Abbas (kemudiannya Dato' dan Tan Sri), Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid, Megat Yunus bin Megat Abdullah dan Raja Kamaruzzaman⁶⁴.

Suatu perkara yang menarik dalam perjuangan kemerdekaan ini, Perak telah menampilkan beberapa tokoh dalam berbagai pertubuhan; radikal dan sederhana. Tokoh-tokoh ini terlibat dalam KMM, PKMM, API, AWAS, KRIS, KITA, UMNO, Majlis Tertinggi Agama (MATA), Parti Islam Se Malaya (PAS), Parti Kemerdekaan Malaya (IMP - Independence Malaya Party), Parti Rakyat dan Parti Komunis Malaya (PKM). Dalam pertubuhan ini muncul tokoh-tokoh seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ustaz Abu Bakar al-Bakir, Ahmad Boestaman (Abdullah Thani bin Raja Kechil), Dato' Abdul Wahab bin Toh Abdul Aziz, Zainal Abidin bin Abbas, Puteh Mariah, Megat Yunus, Raja Kamaruzzaman, Dahari Ali, Abdul Majid bin Abdul Hamid, Salleh Daud, Ibrahim bin Karim, Muhammad Yusuf Lubis, Abdullah Ayub, Khadijah Ali, Sawiyah Ali, Mat Judin, Sakinah Junid, Harun Yahya, Zulkifli Muhammad dan Abdul Rashid Maidin.

Ketika KMM memainkan peranan, beberapa orang tokoh Perak terlibat, di antaranya Ahmad Boestaman (menjadi Setiausaha Agung pada 1941), Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ibrahim Karim. Menjelang serangan Jepun ke atas Tanah Melayu ramai di antara pemimpin KMM ditangkap oleh British, di antara mereka termasuklah Ahmad Boestaman dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Pemimpin KMM telah dibebaskan oleh Jepun, apabila mereka menduduki Tanah Melayu. Walaupun pada awal pendudukannya, KMM masih dapat meneruskan perjuangannya, tetapi apabila disedari bahawa KMM meneruskan gerakannya secara rahsia. Pada 1942, Jepun merestui penubuhan KRIS, di mana Ibrahim Haji Yaacob menjadi pemimpinnya. Apabila Ibrahim Haji Yaacob melarikan diri pada 1945, jawatannya dipegang oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy⁶⁶. Walaupun Ahmad Boestaman tidak terlibat dalam PETA tetapi beliau adalah salah seorang pengasas Gerakan Kiri Tanah Air (KIRI), ketika Jepun menduduki Tanah Melayu.

Kalau pada 1935, Sahabat Pena berjaya menganjurkan satu pertemuan Kebangsaan di Taiping, Perak; pada 17 Oktober 1945 berlaku lagi peristiwa penting, di mana PKMM diasaskan di Ipoh Perak, di ruang Jabatan Pengarang dan Pentadbiran akhbar *Suara Rakyat*⁶⁷. Dalam pertemuan ini, Dahari Ali telah dilantik sebagai Setiausaha Agung PKMM yang pertama; Ahmad Boestaman mengetuai Jawatankuasa Pemuda PKMM dan Jawatan Naib Yang Dipertua Agung diluluskan kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy (walaupun beliau tidak hadir)⁶⁸. Markas besar PKMM kemudiannya berpindah dari Ipoh ke Kuala Lumpur pada Februari 1946. Segala urusan ini dipertanggungjawabkan kepada Ibrahim Karim (berasal dari Batu Gajah, Perak). Oleh kerana perpindahan pusat PKMM, ketua Jabatan Wanitanya, Khadijah Ali (berasal dari Kati, Kuala Kangsar) tidak dapat ikut serta. Dengan itu jawatan ini disandang oleh Aishah Ghani dan kemudiannya oleh Shamsiah Fakeh (berasal dari Negeri Sembilan)⁶⁹. Memandangkan kedudukan *Suara Rakyat* jauh dari markas besar PKMM, adalah sukar untuk menyuarakan perjuangan PKMM, akhirnya persetujuan dibuat menerbitkan akhbar harian *Pelita Malaya*. Ishak Haji Muhammad telahpun memberi kesanggupan untuk bertugas sebagai ketua pengarang. Muhammad Yusuf Lubis sebagai ketua pengatur huruf; dan Salleh Daud, Dahari Ali serta Ahmad Boestaman turut membantu akhbar ini. Kemudiannya akhbar minggu pula diterbitkan dengan nama *Suluh Malaya*. *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* menjadi lidah PKMM⁷⁰.

Ketiadaan Mokhtaruddin Lasso, jawatan Yang Dipertua Agung PKMM disandang oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy pada 1946⁷¹. Beliau telah mengetuai rombongan PKMM dalam Kongres Pertubuhan Melayu Malaya yang berlangsung pada 1 Mac 1946 dan keputusan dicapai di mana gerakan ini hendaklah diberi nama UMNO. Dalam kongres ini, dua pertubuhan dari Perak ikut serta; Perikatan Melayu Perak dan Persekitaan Muslim Teluk Intan⁷². Sementara itu dalam PKMM lahir Angkatan Pemuda Insaf (API) pada 1946, dan menjadi bebas dari PKMM pada akhir 1946. API diketuai oleh Ahmad Boestaman, perjuangannya "MERDEKA DENGAN DARAH" dan lagunya pula "WAHAI API PERWIRA". Di Sitiawan, Perak, Abdullah Ayub, ketika itu menjadi penuntut menjadi ahli API dan dilantik sebagai ketua latihan berbaris di Sitiawan (beliau kemudiannya tidak aktif dalam politik setelah memasuki Universiti Malaya, Singapura)⁷³. Ranting API pertama di Perak ditubuhkan di Tanjung Malim, di bawah pimpinan Harun Yahya⁷⁴.

Pada masa Shamsiah Fakeh memegang jawatan di Jabatan Wanita PKMM, lahir Angkatan Wanita Sedar (AWAS). AWAS ditubuhkan di Perak di bawah pimpinan isteri Sabron bin Said, ketua API Perak. Di antara tokoh AWAS Perak ialah Sawiyah binti Ali (salah seorang peng-

asas PKMM Perak) dan Sakinah Junid (isteri Dato' Asri bin Haji Muda), iaitu tokoh AWAS Padang Rengas, Perak⁷⁵.

Perak sekali lagi menjadi tempat penting dalam perjuangan kemerdekaan, pada 29–30 Jun 1946, UMNO mengadakan persidangan pertama di Dewan Bandaran Ipoh. Dalam persidangan ini PKMM telah menarik diri dari UMNO dengan alasan mereka gagal dalam usul bendera UMNO⁷⁶. Kemudiannya beberapa orang tokoh Perak dilantik menjadi ahli jawatankuasa tertinggi UMNO, di antaranya, Dato' Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz sebagai Setiausaha Agung UMNO (1946–1947) dan merangkap Setiausaha Hal-ehwal Undang-undang UMNO (1946–1947); kemudiannya jawatan Setiausaha Agung UMNO diganti pula oleh Zainal Abidin bin Haji Abbas (1946) dan Puteh Mariah menjadi Presiden Kaum Ibu UMNO (1947). Mereka ini adalah orang penting Perikatan Melayu Perak⁷⁷. Seorang lagi tokoh Perak yang menjadi ketua Jabatan Ekonomi UMNO ialah Abdul Rashid Abdul Hamid (1946–1950)⁷⁸.

Dalam Kongres Kedua PKMM yang berlangsung di Melaka, Dr. Burhanuddin al-Helmy telah memberi ucapan, dan ungkapan yang terkenal ialah⁷⁹:

Di atas robohan Kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka
Bersatu padukan segenap baka
Membela hak keadilan pusaka

Kemudiannya pada 22 Mac 1947 berlangsung Persidangan Agung Ekonomi-Agama Se Malaya di Ihya Assyariff, Gunung Semanggol. Tokoh-tokoh agama dari seluruh Tanah Melayu telah hadir. Turut hadir dalam persidangan ini ialah Mat Judin, tokoh PKMM⁸⁰. Dalam persidangan ini lahir Pusat Perekonomi Melayu Se Malaya (PERMAS) dan Majlis Agama Tertinggi Se Malaya (MATA). Kedua-dua pertubuhan ini diketuai oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir. MATA pada mulanya diketuai oleh Al-Sheikh Hussein Bakar al-Rafie', tetapi kerana beliau ke Mekah, jawatan tersebut disandang oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir⁸³.

Kemudiannya muncul pula Hizbul Muslimin di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Bakir pada 1948 berpusat di Gunung Semanggol⁸². Pembentukannya adalah dari semangat yang telah ada di dalam PERNAS dan MATA⁸³. Dalam peringkat perkembangan berlaku darurat, pergerakan Hizbul Muslimin tergendala. Sentiasa diawasi oleh kerajaan, tambahan ada yang menuduh ia dipengaruhi oleh PKM⁸⁴.

Dalam kongres PKMM ketiga di istana Kampung Gelam, Singapura, Dr. Burhanuddin dilantik sebagai Penasihat Agung PKMM; dan jawatan Yang Dipertua Agung disandang oleh Ishak bin Haji Muhammad⁸⁵. Kemudiannya PKMM dicurigai oleh British, API telah diharam-

kan; dan PETA (Ikatan Pembela Tanah Air) ditubuhkan di bawah pimpinan tokoh API Selangor, Wahi Anuar⁸⁶. Walaupun demikian Ahmad Boestaman dan Ibrahim Karim, selaku Setiausaha Agung API meneruskan perjuangan secara rahsia dan tidak memasuki PETA⁸⁷.

Dato' Haji Abdul Wahab, Puteh Mariah, Zainal Abidin bin Abbas pada 1950-an mengambil keputusan keluar dari UMNO. Dato' Haji Abdul Wahab, pernah menjadi pengerusi UMNO Perak keluar dari UMNO pada 1953 dan mengasaskan National Association of Perak (NAP). Beliau juga telah mengasaskan Persidangan Kebangsaan Malaya (Malayan National Conference – MNC) untuk meneruskan perjuangan IMP⁸⁸. Begitu juga dengan Mariah Puteh, keluar dari UMNO memasuki IMP. Zainal Abidin bin Haji Abbas juga mengambil sikap yang sama keluar dari UMNO pada 1951 dan memasuki IMP. Sebagaimana IMP, MNC juga tidak begitu berjaya, akhirnya membawa kepada pembentukan Parti Negara. Terdapat beberapa orang tokoh daripada parti ini seperti Zainal Abidin bin Haji Abbas yang bergiat cergas dalam Parti Negara. Namun demikian Dahari Ali, pernah menjadi Setiausaha Agung PKMM yang pertama telah memasuki UMNO, dan beliau menjadi ahli parlimen untuk Parti Perikatan pada 1959–1964⁸⁹.

Dr Burhanuddin al-Helmy telah ditangkap pada 1955. Kemudian pada 1955, menjadi pengasas dan Presiden PAS. Beliau meneruskan kerjaya politiknya hingga Malaya mencapai kemerdekaan dalam PAS. Manakala Zulkifli Muhammad, walaupun pada peringkat awal agak condong kepada UMNO tetapi apabila Perikatan dibentuk beliau mengundurkan diri dan terlibat secara langsung dalam PAS. Beliau meneruskan kerjaya politiknya hingga ke akhir hayatnya dengan PAS⁹⁰. Ahmad Boestaman mengasaskan Parti Rakyat pada 1955. Seorang tokoh lain yang berjuang melalui PKM, kini masih meneruskan lagi perjuangannya ialah Abdul Rashid Maidin.

Dari tentangan ke perjuangan kemerdekaan, khususnya penglibatan tokoh-tokoh Perak memperlihatkan suatu perkembangan yang sangat menarik. Dalam gerakan tentangan, ada di antara mereka yang terlibat dihukum gantung sampai mati dan dibuang negeri. Manakala dalam perjuangan ke arah kemerdekaan, ia bukan sahaja memperlihatkan berbagai fahaman dan perjuangan tetapi ramai di antaranya mengakhiri perjuangan mereka sebelum merdeka dengan tidak memihak kepada UMNO.

Rujukan

1. Mengenai pengunduran, serangan dan kemangkatan Sultan Mahmud sila lihat A. Samud Ahmad, (Penyelenggara), *Sulalatus Salatin* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1979), hlm. 252–272.

2. M.R. Roff, *Nasionalisma Melayu* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya: 1975), hlm. 71.
3. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perubahan* (Kuala Lumpur, Fajar Bakti: 1981), hlm. 55.
4. N.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 73.
5. *Ibid.*, hlm. 75.
6. *Ibid.*, hlm. 200–201.
7. *Ibid.*, hlm. 204–205.
8. *Ibid.*, hlm. 207.
9. *Ibid.*, hlm. 209.
10. *Ibid.*, hlm. 210.
11. *Ibid.*, hlm. 105.
12. *Ibid.*, hlm. 214; 215.
13. *Ibid.*, hlm. 219; 220.
14. *Ibid.*, hlm. 110–111.
15. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, hlm. 50.
16. W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 102.
17. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perumahan*, hlm. 57.
18. *Ibid.*, hlm. 55.
19. *Ibid.*, hlm. 59–60.
20. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng*, hlm. 8.
21. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942–1948* (Kuala Lumpur, The Malaysian Branch Royal of the Royal Asiatic Society: 1979), hlm. 2.
22. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, hlm. 01. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942–1948*, hlm. 12.

23. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, hlm. 01. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 12.
24. Lenore Handerson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, hlm. 63.
25. Khong Kim Hoong, *Merdekal British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957* (Petaling Jaya, Institute for Social Analysis (INSAN), 1984), hlm. 87. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1982), hlm. 3.
26. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Policies During the Malayan Experiment 1942-1948*, hlm. 46.
27. Khong Kim Hoong, *Merdekal British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 79-89.
28. Keterangan lanjut mengenai perkara ini sila lihat, Ramlah Adam, *UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik* (Kota Bharu, Kelantan, Mohd. Nabi Book Store: 1978), hlm. 3-4.
29. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng*, hlm. 19.
30. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 5.
31. Mengenai pemilihan ini sila lihat: Gordon P. Neans, *Malayan Politics* (London, Hodder and Stoughton: 1976), hlm. 122-137.
32. *Ibid.*, hlm. 144-145.
33. *Ibid.*, hlm. 166.
34. *Kenegaraan 25 Tahun Satu Perspektif Sejarah*, (Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia: 1982), hlm. 22.
35. Untuk keterangan lanjut mengenai Perjanjian Pangkor sila lihat, Mohd. Fadzil bin Othman (Pengenalan dan Anotasi), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1980), hlm. 139-144.
36. M.A. Nallal, 'J.W.W. Birch: Causes of his Assassination'. M.A. Theses, University of Malaya, Singapore, 1950, "Appendix", Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 5 November 1874, hlm. 224-25.
37. Khoo Kay Kim, "J.W.W. Birch: A Victorian Moraliser in Perak's Augen Stale?", *JMSUM*, V. 1965/66, hlm. 37.

38. M.A. Nallal, hlm. 108. E. Sadka. *The Protected Malay States 1874–1895* (Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1970), hlm. 84.
39. M.A. Nallal, hlm. 21–22.
40. C.O. 273/86, Robert Neade kepada Herbera, 23 Januari 1876.
41. *Enquiry as to Complicity of Chief in the Peak Outrages* (Singapore, Government Printing Office, 1870), hlm. 8–9; 25 (seterusnya ditingkaskan sebagai ECCPO).
42. C.O. 273/80. William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir "Enquiry as to complicity of chief in the Perak Outrages, Abridgment of Evidence, Arranged various heads, government printing press, Singapore, 1876", kenyataan Mat Ros. (Seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/86, "ECPUAEAH").
43. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.
44. C.O. 273/86, "ECPOAEAH", kenyataan Haji Husin.
45. ECOPO, hlm. 32.
46. ECCPO, hlm. 33.
47. *Ibid.*, hlm. 36–37.
48. *Ibid.*, hlm. 58b.
49. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874–1875", *Malaysian Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981, hlm. 113.
50. C.O. 273/90, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Pejabat Tanah Jajahan, 11 Januari 1877, terlampir Enclosure 2, "Trial of Maharajah Lela, and others for murder of Mr. Birch". (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/90, "THHB"), kenyataan Raja Deih Maruah [Raja Daeng Marewah], 16 Disember 1876.
51. C.O. 273/90, "TMMB", Kenyataan Raja Deih Maruah, 10 Disember 1870; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876.
52. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874–1875", hlm. 114.
53. Marvyn Liewelyn Mynne, *Triad and Tabut* (Singapore, Government Printing Press: 1941), hlm. 329.

54. C.O. 273/90, "TMMB", keputusan mahkamah, 22 Disember 1870.
55. C.O. 273/90, "TMMB", William Jerveis kepada Carnavon, 1 Februari 1877.
56. C.O. 273/90, "TMMB", J.G. Davidson kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, 20 Januari 1877.
57. *Malayan Police Magazine*, Vol. VIII, No. 5, May 1935, hlm. 155.
58. W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 256–257.
59. Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggul 1934–1959* (Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan: 1976, hlm. 37).
60. Mengenai perkara ini sila lihat, Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff*, hlm. 67–69.
61. *Ibid.*, hlm. 73.
62. Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics*, hlm. 64.
63. Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff*, hlm. 76–77.
64. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 8.
65. Abu Hasan bin Jantan, 'Ahmad Boestaman: Biografi Penglibatan Politiknya Di dalam KMM, meyutai, BPM, KITA, PKMM dan API', Esei Panjang, Jabatan Sejarah, 1986/87, hlm. 40.
66. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942–1948*, hlm. 175.
67. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak* (Kuala Lumpur, Penerbitan Pustaka Kejora: 1972), hlm. 25.
68. *Ibid.*
69. *Ibid.*, hlm. 70–71.
70. *Ibid.*, hlm. 64–66.
71. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Experiment 1942–1948*, hlm. 175.
72. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 8.

73. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 68.
74. *Ibid.*, hlm. 170.
75. *Ibid.*, hlm. 73.
76. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 38. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 82–89.
77. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Policies During the Malayan Union Experiment 1942–1948*, hlm. 174; 177; 178. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 105; 106; 107–108.
78. Ramlah Adam, *UMNO*, hlm. 108.
79. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 103.
80. *Ibid.*, hlm. 80.
81. Mengenai penubuhan PERNAS dan MATA sila lihat, Habir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934–1959*, hlm. 110–121. Lihat juga Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics*, hlm. 36; 39–40.
82. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 125.
83. Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics*, hlm. 46.
84. Habir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934–1935*, hlm. 188.
85. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 152.
86. *Ibid.*, hlm. 160.
87. *Ibid.*, hlm. 171.
88. Anwar Abdullah, *Dato' Onn* (Petaling Jaya, Pustaka Nusantara: 1971), hlm. 191.
89. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942–1948*, hlm. 175.
90. Mokhtar Petah, *Zulkifli Muhammad Dalam Kenangan* (Kotsa Bahru, Kelantan, Pustaka Aman Press; 1966), hlm. 61, 67–73.

BEBERAPA CIRI KHUSUS DIALEK PERAK

NUWAIRI HJ. KHAZA'AI

Pendahuluan

Perak Darul Ridzuan merupakan satu di antara beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai sejarah dan tamadun pemerintahan yang sudah lama. Di samping timbulnya beberapa kali nama Perak dalam Sejarah Melayu (1977), tamadun pemerintahan di Perak Darul Ridzuan telah wujud lebih awal daripada itu. Di Perak Darul Ridzuan telah ada kerajaan-kerajaan awal seperti Gangga Negara dan Anta Beranta. Kedua-duanya dikatakan terdapat di daerah Manjung atau secara lebih khusus lagi di mukim Bruas dan Pengkalan Bahru (sila lihat peta di bawah). Namun demikian sejarah pemerintahan di Perak Darul Ridzuan masih tersorok di sebalik tabir sejarah.

Di Perak Darul Ridzuan, artifak-artifak yang dijumpai membuktikan secara sah bahawa negeri ini merupakan kawasan petempatan yang sudah lama. Alat-alat batu yang belum sempurna buatannya dianggarkan berusia di antara 400 hingga 8,000 S.M. Artifak-artifak ini dijumpai di Kota Tampan, Lenggong. Satu lagi kumpulan batu dijumpai di Gua Badak, Lenggong; Gunung Pondok, Padang Rengas dan di beberapa buah gua lagi. Alat-alat ini dikatakan berusia di antara 8,000 hingga 2,000 tahun S.M. Ini mewakili zaman Hoabinhian. Kesan-kesan sejarah yang dijumpai di Gua Badak, Lenggong dan Gua Tambun di Ipoh membuktikan bahawa telah ada orang tinggal di kawasan itu sejak Zaman Batu Baru (Neolitik) iaitu di antara 2,000 hingga 300 tahun S.M. Orang-orang pada masa itu sudah pandai bercucuk tanam, menggunakan tembikar dan mereka sudah pandai membuat pondok sebagai tempat tinggal.

Artifak-artifak telah dijumpai untuk mewakili zaman-zaman lain seperti Zaman Logam (Metal Age) iaitu di antara 500 hingga 200 tahun S.M. Sebagai contoh, alat-alat besi telah dijumpai di Changkat Menteri, Sungkai dan Slim River. Artifak untuk mewakili Zaman Hindu/Buddha



dijumpai di Bidor, Jalong dan Pengkalan Pegoh. Batu-batu nisan membuktikan wujudnya kerajaan Islam di Perak pada awal kurun ke-15.

Sejarah ringkas petempatan dan tamadun di negeri Perak Darul Ridzuan serta kesinambungannya menampakkan kekayaan khazanah sejarah yang terdapat di sana. Untuk membolehkan interaksi yang lebih kompleks berjalan lancar, bahasa yang dapat diterima oleh semua dan dapat memenuhi keperluan masyarakat setempat amat perlu. Tambahan pula di Perak Darul Ridzuan terdapat berbagai jenis suku kaum baik yang berketurunan Melayu apatah lagi kaum-kaum yang lain. Dengan itu perlu ada satu bentuk bahasa yang boleh memenuhi keperluan semua.

Bahasa dan Dialek di Perak Darul Ridzuan

Sebenarnya amat sedikit kajian dilakukan terhadap dialek-dialek Melayu yang terdapat di Perak. Secara ilmiah, dialek Perak telah dikaji oleh beberapa orang ahli bahasa (Abdullah Hassan, 1966; Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1982 dan Asmah Hj. Omar 1977). Mereka telah meneliti sistem bunyi dialek Perak dengan terperinci.

Selain itu, terdapat kajian-kajian yang bersifat kedaerahan seperti sistem bunyi dialek Rawa di daerah Gopeng (telah dikaji oleh Harun Mat Piah, 1969), dialek Kota Lama Kiri dan Chegar Galah (telah dikaji oleh Zaharuddin Ahmad Ziyadi, 1986) dan Rohani Mohd. Yusof telah mengkaji dialek Perak yang dituturkan di daerah Kuala Kangsar (1986). Zaharuddin Ahmad Ziyadi telah melakukan satu kajian yang teliti dan menyeluruh tentang dialek yang dituturkan di daerah

tersebut dan tinjauan telah dibuat dari segi sistem bunyi dan juga perbendaharaan kata. Di samping itu terdapat juga tulisan yang berkaitan dengan dialek Perak (Abu Bakar Hamid, 1962). Kajian terhadap dialek Perak terus dilakukan kerana minat ahli-ahli bahasa yang tidak pernah malap.

Secara sepintas lalu, Perak Darul Ridzuan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan dialek-dialek di samping bahasa-bahasa lain. Di Perak terdapat berbagai-bagai jenis dialek Melayu. Dialek Boyan dituturkan di kawasan seperti di Sungai Rokam, Ipoh, dialek Mandeling di Chemor, Pusing, Seputih dan beberapa kawasan dan terdapat dialek Bilah di Pulau Tiga. Dialek Bugis dan Kerinci merupakan satu kelainan bahasa yang dituturkan di Sayong dan kini mungkin luput. Dialek Rawa masih dituturkan di kawasan Kuala Dipang dan Gopeng, dialek Minangkabau di Teluk Intan dan Parit; dialek Batu Bara di beberapa tempat di sepanjang Sungai Perak dan di Kg. 40 Rantai, dialek Kampar di Kampar dan beberapa kawasan lain dan dialek Jawa dituturkan di Bagan Datoh. Dialek Banjar dituturkan di Sg. Manik dan Kuala Kurau. Dialek Patani dituturkan di kawasan-kawasan seperti Bukit Gantang, Batu Kurau, Grik, Lenggong dan beberapa kawasan lain.

Selain daripada dialek-dialek yang dikaitkan dengan kelompok-kelompok manusia, kawasan juga menampakkan kepelbagaian manifestasi dialek. Ini adalah seperti Kuala Kangsar, Parit, Batu Gajah dan beberapa lagi. Mengikut Brown, perbezaan itu amat ketara di sepanjang Sg. Perak (1912: i).

Sebenarnya kajian terhadap dialek Perak tidak sempurna sekiranya kajian oleh C.C Brown tidak diteliti. Brown telah melakukan liputan yang menyeluruh terhadap dialek Perak dan ciri-ciri penting dialek tersebut telah digolongkan. Brown telah mengkaji dialek tersebut dari segi perubahan bunyi, kata ganti dan bentuk tunggal serta jamak. Tulisan Brown dikhususkan untuk pegawai-pegawai kerajaan British yang bakal bertugas di Perak.

Tetapi di dalam memaparkan konsep dialek Perak banyak masalah yang timbul. Ini adalah kerana di Perak terdapat beberapa jenis dialek. Dengan itu terlebih dahulu satu tinjauan perlu dilakukan sebelum konsep tersebut dibentuk. Dialek Perak dapatlah dirujuk kepada satu daripada kelainan bentuk lisan yang umumnya dituturkan di sepanjang Sg. Perak seperti di Kuala Kangsar, Lambor Kanan, Pasir Salak, Sg. Raya dan Tg. Tualang.

Penelitian Terhadap Teks

Berikut diperturunkan petikan perbualan daripada catatan Brown (1921). Petikan ini dirasakan baik untuk meneliti sebutan dialek Perak.

Tambahan pula di samping sebutan yang asli bentuknya terdapat beberapa ciri menarik yang lain seperti perbendaharaan kata dan perubahan bunyi.

- a. — Apa kenanya, puchat aje muka mika 'ni ropa upeh de siat?
 — Apa muatnya tak puchat? Tekejut-kan antu-ka?
 — Ini pun mujornya teman tak tumpar.
 — ngapa? ngapa?
 — Pagi tadi teman tengah 'mubul jala datang-la Se Mat Melaka 'tu ngajak teman pegi k'utan.
 — Apa kereja.
 — Kata-nya kamu ada-ka beduit?
 — Kata teman "ada seringgit dua".
 — Ata?
 — Kata-nya "mun kamu nak merambakkan duit kamu 'tu ikut-la aku k'utan, nun."
 — Aih apa-ka ma'ananya 'tu?

 — Ata mika ikut-ka?

 — 'pas itu
 — 'pas tu 'udah teman letakkan duit itu de suroh teman renong lelegat ke duit tu, jangan noleh katanya
 — Ha
 — Ata teman pun ikotlah apa kata-nya. Kenian tersedik pulak hati teman apa pulak akal-nya sebedebah 'ni suroh aku diam. Jangan 'noleh? Dalam itupun dianya ha, ha, ha, begitu bunyi-nya nyampi 'tu. Lelama temanpun tak tahan lagi, lansong noleh.
 — Ha
 — 'noleh tu teman tengok dia tengah 'megang buloh besar, gegaya nak melupoh ke tengkok teman. Apa-ta lagi teman bangkit-la terperanjat langsung nak lari.
 — Ah tak dejerobanya?
- b. — Ngah, o Ngah.

- Ya.
- Ha, tengok-la gulai de dapur tu, aku nak tengok padi di-ari
- Baik la
-
- Mun, tak karang hangit-pengit pulak. Apa nak demuntah-kedarah-kan karang?
Bukan ada laok petok yang lain. Rasa lanjor garam masam pedasnya.

(Elok semua orang cuba menggayakan dialek Perak mengikut pengetahuan yang ada.)

Beberapa Ciri Khusus Dialek Perak

Dialek Perak mempunyai beberapa ciri sebutan yang khusus (C.C. Brown 1921; Asmah Hj. Omar 1977). Pernyataan sebutan yang khusus inilah yang dapat membezakan di antara dialek Perak dengan dialek-dialek lain. Walaupun konsep isoglos sudah ada tetapi seakan-akan tidak wujud. Jika diteliti, dialek Perak mempunyai ciri-ciri khusus sebutan seperti berikut:

- a. /a-/ di awal kata kekal seperti biasa. Contohnya adalah seperti berikut:
 - [anu]
 - [antah]
 - [adon]
 - [ačap]
 - [at ə]

Sedangkan /-a/ di akhir kata bertukar menjadi vokal tengah. Mengikut Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain (1982) lambang vokal tengah tersebut ialah / ə / kerana bentuk ini lebih panjang daripada / ə /.

- [atə]
- [abadə]
- [gɛ ggə]
- [inkə]
- [kə lɛ sə]

Kekecualian juga terdapat dalam menyatakan bentuk ini dalam bebe-

rapa hal. /-a/ masih dikekalkan dan ini ternyata dalam kata-kata seperti [bola], [wanita] dan beberapa hal lagi.

- b. Dalam banyak hal, vokal-vokal lain seperti [i, e, ε, u, O, ɔ,] yang hadir di awal kata dinyatakan sama dengan dialek-dialek lain Bahasa Malaysia.
- c. /-ai/ di akhir kata mempunyai bentuk pernyataan yang khusus sifatnya. Gabungan kedua-dua bunyi yang disebut atau diftong depan dileburkan sehingga menjadi /- ε /. Contoh pernyataannya adalah seperti berikut:

- [kuε]
- [pakε]
- [balε]
- [dawε]
- [tekulε]

- d. /-al/ di akhir kata mempunyai cara pernyataan yang khusus sifatnya. Gabungan kedua-dua bunyi tersebut dileburkan dalam dialek Perak sehingga menjadi /- ε /. Contoh pernyataannya adalah seperti berikut:

- [təbε]
- [amε]
- [aRε]
- [pəŋgε]
- [kəkε]

Hal yang sama juga berlaku pada kata-kata yang terdiri daripada satu sukukata seperti [hε].

- e. /-ar/ di akhir kata bertukar menjadi / ɔ / dalam dialek Perak. Sebagai contoh:

- [dəŋɔ]
- [bəsɔ]
- [kaɔ]
- [kəməmiɔ]
- [bəbənɔ]

Pertukaran ini hanya berlaku bila /-ar/ itu hanya menjadi bahagian akhir kata. Dalam kes-kes lain /-ar-/ di tengah kata tidak akan ber-

tukar menjadi /-ɔ -/ (Brown 1921).

- f. /-as/ di akhir kata dalam dialek Perak bertukar menjadi /-h/. Contohnya adalah seperti berikut:
- [ɟəlabɛh]
 - [mɔRɔbɛh]
 - [imbɛh]
 - [palɛh]
 - [təRɛh]
- g. /-au/ yang hadir di akhir kata dalam Bahasa Malaysia mengalami perubahan proses permonoftongan dalam dialek Perak. Kata-kata tersebut dinyatakan seperti berikut:
- [pulɔ]
 - [iɟɔ]
 - [halɔ]
 - [pisɔ]
 - [paRɔ]
- h. /-il/ atau /-el/ di akhir kata turut mengalami perubahan. /-il/ atau /-el/ bertukar menjadi /-e/ atau vokal depan separuh sempit. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:
- [ase]
 - [tae]
 - [buase]
 - [kate]
 - [dəge]
- i. /ir/ atau /-er/ di akhir kata dalam dialek Perak bertukar menjadi /-i /. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:
- [pasiɔ]
 - [tabiɔ]
 - [behɔ]
 - [dədɔ]
 - [gənɔ]
- j. /-is/ atau /eh/ di akhir kata juga mengalami perubahan. Bentuk ini diganti oleh /-eh/ dalam dialek Perak. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- [d ə Rueh]
- [b ə teh]
- [gaReh]
- [laReh]
- [k ə Reh]

k. /-us/ atau /-os/ di akhir kata dalam Bahasa Malaysia bertukar menjadi /-oyh/ dalam dialek Perak. Perubahan sedemikian hampir mantap dalam dialek ini. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- [kuRoyh]
- [b ɔ Royh]
- [luRoyh]
- [kukoyh]
- [t ə Royh]

l. Kata-kata yang berakhir dengan /-ol/ atau /-ul/ dalam Bahasa Malaysia bertukar menjadi /-oy/ atau /-uy/. Berikut adalah contoh-contoh kehadiran perubahan yang sedemikian dalam kata.

- [b ɔ toy]
- [k ə toy]
- [kumpoy]
- [k ə poy]
- [tumpoy]

Setengah-setengah kata masih mengekalkan bentuk /-oy/ dan contoh-contoh kata seperti itu adalah seperti [p ə Roy] dan [s ə Roy].

m. Satu lagi kategori perubahan yang mencirikan dialek Perak ialah kehadiran pertambahan bunyi-bunyi tertentu kepada kata-kata tertentu Bahasa Malaysia. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- [k ə R ɔ b ɔ]
- [p ə R ɔ ce ɔ]
- [k ə R ɔ ʒ ɔ]
- [k ə R ɔ p ɛ h]
- [m ə R ɔ bah]

n. /-n/ di akhir kata dalam Bahasa Malaysia mengalami perubahan

dalam dialek Perak. /-n/. Kata-kata sedemikian diucapkan sebagai:

- [k ə nen]
- [ku ʒ en]
- [an ʃ en]
- [t ə ben]
- [piRen]

Dalam beberapa hal, bunyi-bunyi [m], [n] dan [ŋ] di akhir kata dinyatakan sebagai [n]. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- [kasen]
 - [mukən]
 - [binbaŋ]
- o. Sama seperti apa yang dikatakan oleh Brown (1921) dan Asmah Hj. Omar (1977), pernyataan /r/ dalam dialek Perak ialah dalam bentuk /R/ atau geseran uvular. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:
- [b ə R ɛ h]
 - [d ə R ɛ h]
 - [daRah]
 - [m ə noRan]
- p. Satu lagi ciri khusus dialek Perak ialah penguguran /b/ atau /d/ yang hadir dalam kata. Contohnya adalah seperti berikut:
- [t ə mag ʒ]
 - [s ə milaŋ]
 - [m ə n ɔ Ran]

Kata Ganti Diri

Brown telah meneliti bentuk-bentuk kata ganti yang lazimnya digunakan pada masa itu. Namun demikian kebanyakan bentuk tersebut masih digunakan.

Di Perak selain daripada bentuk-bentuk yang sedemikian terdapat bentuk-bentuk lain. Di Perak Darul Ridzuan "kita" mengikut Brown digunakan untuk jumlah dua orang tetapi sekiranya lebih — ma perlulah ditambahkan. Contohnya adalah seperti berikut:

- moh—la kita—ma pergi.

tunggal	jamak
aku	aku-ma
sahaja	sahaja-ma
kamu	kamu-ma
mika	mika-ma

Penutup

Sebagai sebuah dialek kepada Bahasa Melayu, dialek Perak mempunyai banyak kelainan yang khusus. Penguasaan dialek ini tidak begitu mudah seperti yang dijangkakan. Dengan itu usaha mestilah dilakukan untuk memantapkan kumpulan penyelidikan berhubung dengan dialek ini dan kesemua bidang yang berkaitan dengannya. Ini amat penting untuk membolehkan dialek ini terus kekal sebagai satu dialek yang mempunyai ciri yang tertentu. Tambahan pula dalam keadaan seperti sekarang, dialek Perak menghadapi persaingan yang amat besar. Rata-rata belia-belia dari Perak sendiri tidak dapat menguasai dialek ini dengan baik. Ini merupakan satu bentuk kerugian yang tidak kurang besarnya. Seelok-eloknya agensi-agensi tertentu seperti RTM mengorak langkah untuk menyediakan rancangan-rancangan khas setiap hari pada masa-masa tertentu berhubung dengan dialek ini. Dialek Perak adalah satu khazanah yang perlu dihidupkan.

Rujukan

1. Asmah Hj. Omar — *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
2. Brown, C.C. — *Papers on Malay Subjects Perak Malay*, Culcutta: Baptist Mission Press, 1921.
3. Francis, W.W. — *Dialectology, An Introduction*, New York's Longman Inc., 1983.
4. Lehman, W.P. — *Historical Linguistics: An Introduction*, Culcutta: Oxford & IBH Publishing Co., 1972.
5. Shellabear, — *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977.
6. Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain — *Ilmu Fonetik & Linguistik*, Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara, 1982.

MASYARAKAT INDIA DI PERAK

J. RABINDRA DANIEL

Latar Belakang Sejarah

Kehadiran orang India di Tanah Melayu bukanlah satu fenomena yang baru tetapi telah mempunyai sejarah yang lama. Orang India telah berada di Asia Tenggara semenjak permulaan era Kristian lagi. Perdagangan di antara India dan Tanah Melayu telah berlaku oleh kerana India berada di pertengahan jalan laut yang menghubungkan kedua-dua negara ini. Walau bagaimanapun, perhubungan di antara India dan Asia Tenggara bukanlah hanya dari segi perdagangan sahaja tetapi juga dari segi kebudayaan. Perhubungan kebudayaan ini muncul dari satu proses yang dikenali sebagai "Pengindiaan Asia Tenggara" (*Indianization of Southeast Asia*). Oleh itu, sehingga akhir abad ke-13, pengaruh India adalah bersifat Hindu dan Buddha.¹

Perhubungan kedua terpenting dengan negara India berlaku semasa perkembangan Islam iaitu selepas 1200 Masehi.² Pedagang India Muslim memainkan peranan utama di dalam perkembangan Islam di Asia Tenggara. Walaupun begitu, kebudayaan Hindu dan Buddha tetap dikekalkan dan kebanyakan adat resam, perayaan, konsep persaudaraan dan juga bahasa masih mengandungi unsur-unsur kebudayaan India. Justeru itu, kedatangan orang India pada masa-masa silam adalah bersifat perdagangan dan kebudayaan dan ini melibatkan jumlah yang kecil sahaja.

Kedatangan orang India ke Pulau Pinang pada tahun 1786 iaitu dalam zaman moden adalah berlainan sifatnya. Mereka datang memenuhi kepentingan ekonomi orang-orang Inggeris. Ini disebabkan oleh perubahan ekonomi di Eropah pada masa itu. Permintaan yang besar untuk buruh telah timbul di negara-negara Eropah pada masa itu. Revolusi Perindustrian di Eropah telah mengakibatkan permintaan yang besar untuk bahan-bahan mentah yang boleh diperolehi dari koloni-koloni seperti Semenanjung Tanah Melayu. Demi untuk memperolehi

bahan-bahan mentah tersebut, Kerajaan British memerlukan bekalan buruh yang besar lagi murah. Maka, Kerajaan British bercadang untuk mendapatkan buruh dari koloninya sendiri dan negara India menjadi pilihan yang digemari sekali.

Kerajaan British cuba dengan sedaya upaya mendapatkan buruh selain dari India untuk bekerja di Tanah Melayu tetapi usaha itu tidak begitu berjaya. Penduduk bumiputera yang berada di Tanah Melayu berpuas hati dengan kebun mereka dan lebih suka tinggal di dalam kampung mereka sendiri. Orang Inggeris pula tidak tahan dengan kepanasan tropika sementara orang Jepun lebih gemar bekerja di ladang kepunyaan mereka sendiri. Kerajaan Korea pada masa itu tidak membenarkan pergerakan buruh keluar dari negaranya. Orang-orang Cina tidak mahu bekerja di bawah pengurusan orang-orang asing. Dengan penghapusan sistem hamba abdi dalam tahun 1833, buruh dari Afrika tidak boleh didapati lagi malah Kerajaan Belanda juga tidak membenarkan pemin-dahan buruh-buruh dari Jawa.³ Jadi, India merupakan tempat yang terbaik untuk mendapatkan bekalan buruh untuk bekerja di sektor awam dan perdagangan yang telah bermula pada tahun 1830.

Permintaan untuk buruh bertambah lagi dengan pembukaan lebih banyak ladang-ladang getah pada tahun-tahun 1890-an. Berbagai kaedah digunakan untuk membawa masuk orang-orang India dan yang terpenting adalah melalui Sistem Kontrak dan Sistem Kangany. Majoriti orang India yang sampai ke Tanah Melayu adalah penduduk India Selatan yang berketurunan Tamil. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu telah ditamatkan dalam tahun 1953 bila Ordinan Imigrasi (No. 68 tahun 1952) telah diluluskan oleh Kerajaan Tanah Melayu pada 24 April 1952 dan berikutnya dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1953.⁴ Sandhu telah menganggarkan bahawa sejumlah besar daripada penghijrahan India adalah bersifat sementara dengan 4,250,000 memasuki dan kira-kira 3,000,000 meninggalkan Tanah Melayu di antara tahun 1786 dan 1957.⁵

Masyarakat India di Perak

Orang-orang India telah menetap di beberapa bahagian di Malaysia terutama sekali di Pantai Barat. Majoriti daripada mereka merupakan orang India generasi ketiga di Malaysia. Jadi ini bermakna bahawa mereka telah berada di sini untuk selama seratus tahun.

Jumlah terbesar penduduk India dijumpai di negeri Selangor Darul Ehsan (269,386), diikuti oleh Perak (255,595).⁶ Penduduk India di Perak adalah tersebar sama rata dan mereka tertumpu terutama sekali di kawasan di mana terdapat ladang. Lihat rajah di bawah⁷ :

BIL.	DAERAH	JUMLAH
1.	Batang Padang	25,276
2.	Manjung (Dinding)	22,798
3.	Kinta	76,995
4.	Kerian	16,370
5.	Kuala Kangsar	19,061
6.	Larut dan Karang	31,856
7.	Hilir Perak	42,741
8.	Ulu Perak	3,544
9.	Perak Tengah	1,272

Orang-orang India di Perak telah menceburi berbagai-bagai profesyen seperti mengajar, perubatan, undang-undang dan lain-lain sektor seperti dalam bidang pembuatan dan perniagaan. Mereka juga dilantik untuk bekerja di Jabatan Perkhidmatan Negeri dan oleh Keretapi Tanah Melayu tetapi majoriti daripada mereka berkhidmat dalam sektor perladangan.

Seperti di tempat-tempat lain di Malaysia, ramai daripada orang India di Perak merupakan golongan pekerja, sama ada mereka berada di sektor bandar atau luar bandar. Satu tinjauan ringkas tentang keadaan sosio-ekonomi mereka terutama sekali di dalam sektor perladangan akan memaparkan kualiti hidup yang dinikmati oleh mereka.

Orang-orang India dalam sektor perladangan di Perak adalah di bawah keadaan ekonomi yang lebih kurang sama dengan rakan-rakan sekerja mereka di negeri-negeri lain. Pendapatan mereka adalah rendah iaitu di antara \$250 hingga \$350 sebulan yang dikongsikan oleh enam ahli dalam satu keluarga. Tahap pendidikan mereka tidaklah tinggi. Majoriti di kalangan mereka mendapat pelajaran di sekolah Tamil. Kadar keciciran di kalangan golongan yang berkerja di ladang amat tinggi dan lebih kurang 80% daripada murid-murid sekolah tercicir daripada sekolah apabila mereka sampai ke darjah enam. Banyak sebab telah diberi untuk menjelaskan kadar keciciran yang tinggi ini. Kemiskinan dikatakan sebagai sebab utama kerana ibu bapa tidak berdaya untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Sebaliknya, kanak-kanak ini bekerja sambilan untuk menokok pendapatan ibu bapa mereka. Kesihatan yang buruk merupakan satu lagi faktor yang menyebabkan pencapaian pelajaran yang rendah ini. Kanak-kanak ini tidak mendapat makanan yang berzat yang diperlukan bagi pertumbuhan normal dan untuk konsentrasi semasa di dalam kelas. Pemakanan makanan yang bermutu rendah ini telah mengakibatkan kekurangan konsentrasi di dalam kelas dan seterusnya mempengaruhi pelajaran mereka.

Sikap negatif ibu bapa mereka terhadap pelajaran anak-anak mereka juga adalah faktor yang menyebabkan mereka tercicir dan mereka menurunkan sikap-sikap negatif ini kepada anak-anak mereka. Keadaan bangunan sekolah Tamil juga tidak menyumbangkan kepada suasana pembelajaran yang baik. Dewan sekolah adalah kecil dan ianya dibahagi-bahagikan lagi kepada beberapa kelas. Keadaan di sekolah selalu bising. Rumah-rumah yang disediakan oleh pihak pengurusan bermutu rendah. Bilik-biliknyanya adalah kecil-kecil belaka dan kesesakan di dalam rumah merupakan perkara yang biasa.⁸ Suasana untuk belajar tidaklah begitu baik.

Pada keseluruhannya, komuniti perladangan tidaklah menderita kemiskinan teruk tetapi mereka menderita daripada kekurangan relatif (*relative deprivation*). Kehendak asas seperti makanan, perlindungan dan pakaian adalah diperolehi. Mereka menikmati kemesraan hidup berkumuniti dan terdapat penyertaan berkumpulan di dalam semua pesta Hindu yang besar di negeri Perak.

Pesta Keagamaan

Majoriti daripada orang-orang India di Perak adalah beragama Hindu dan mereka merayakan pesta-pesta Hindu yang utama. Di antara pesta-pesta ini adalah pesta yang berunsur ekonomi (melambangkan kegiatan kaum peladang seperti menuai). Yang lain pula merupakan berunsur cuaca, membayangkan perubahan musim dan ada lagi yang berunsur astronomik dengan merujuk kepada perubahan-perubahan pada kedudukan bumi relatif kepada matahari dan bintang-bintang. Yang tertinggal adalah bercorak keagamaan secara tulen, sempena kejadian di dunia mitologi India. Setengah daripadanya adalah bertujuan untuk menenangkan minda dan jiwa pemuja-pemujanya yang memerlukan amalan berpuasa dan kesederhanaan.⁹ Perayaan-perayaan utama yang dirai oleh kaum Hindu adalah Deepavali dan Thaipusam. Deepavali bermaksud barisan lampu. Ia adalah satu perayaan untuk mencerminkan kejayaan lampu mengatasi kejahatan atau dalam kata lain kebaikan mengatasi jahat atau buruk. Thaipusam adalah satu perayaan kesyukuran dan ia berkait khasnya dengan hasil penuaian. Setiap estet mempunyai perayaannya tersendiri yang dipanggil Pesta Kuil Tahunan. Sempena pesta kuil itu, dua atau tiga hari cuti diberi. Ia lebih merupakan *fiesta* yang bercampuran dengan agama.

Orang-orang India yang lain di Perak seperti Kristian, Sikh dan Muslim juga merayakan perayaan mereka masing-masing.

Komposisi Intra-etnik

Masyarakat orang India bukanlah satu masyarakat homogen tetapi dibahagikan menurut landasan ethno-linguistik kasta dan agama. Seperti yang telah dinyatakan di atas, majoriti orang-orang India di Semenanjung Malaysia adalah dari Selatan India iaitu mereka terdiri daripada 80%. Komuniti-komuniti utama dari utara India yang terdapat di Perak dan di bahagian-bahagian lain di Semenanjung Malaysia kebanyakannya Punjabi dan sejumlah kecil Sindhi dan Gujarat. Majoriti dari Selatan India adalah beragama Hindu sementara yang lain beragama Kristian atau Muslim. Kaum Punjabi, sama ada beragama Sikh atau Hindu. Kaum Hindu berjumlah kira-kira 81% daripada jumlah penduduk India di Semenanjung Malaysia.

Sistem kasta masih lagi diamalkan terutamanya di luar bandar. Tetapi sistem kasta telah mengalami perubahan-perubahan yang besar disebabkan oleh petempatan bersama dengan lain-lain etnik, perkahwinan campur dan faktor pendidikan di kawasan bandar.

Perkembangan Politik

Sebelum Perang Dunia Kedua, orang-orang India di Perak dan di Malaya pada amnya tidak mempunyai sebarang parti politik untuk mewakili pandangan mereka terhadap isu-isu mengenai diri mereka sendiri. Walau bagaimanapun, Persatuan Orang-orang India telah ditubuhkan pada awal tahun-tahun 1900-an. Objektif bagi kesatuan-kesatuan ini boleh diringkaskan oleh kata-kata Arasaratnam,

"Membekalkan satu nukleus sosial bagi komuniti di setiap daerah. Mereka menumpukan banyak perhatian kepada pembekalan kemudahan-kemudahan rekreasi kepada ahli-ahli mereka."¹⁰

Pada akhir 1930-an satu kesatuan induk yang mewakili persatuan-persatuan kecil telah ditubuhkan dengan nama Persatuan Orang-orang India Pusat Malaya. Persatuan ini juga mempunyai objektif politik. Selepas pendudukan Jepun, MIC (1946) terbentuk dan sekarang ia adalah salah sebuah daripada badan politik utama yang mewakili orang-orang India di Semenanjung Malaysia. Cawangan-cawangan MIC dibuka di tempat-tempat yang mempunyai konsentrasi penduduk orang-orang India yang besar. MIC mendapat sokongan lebih banyak di luar bandar.

Kesimpulan

Walaupun ia bukanlah satu masyarakat India tidak homogen sifatnya tahun demi tahun masyarakat India Malaysia mulai membentuk sifat-sifatnya yang tersendiri. Mereka telah diidentifikasi dan dipadukan ke dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Masyarakat India telah menyumbangkan secara jelas kepada pertumbuhan dalam sektor ekonomi berdasarkan pertanian.

Rujukan

1. G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968 – hlm. 15–16.
2. Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1970 – hlm. 1.
3. K.S. Sandu, *Indians in Malaya: Immigration and Settlement, 1786–1957*, Cambridge University Press, 1969 – hlm. 56–57.
4. *Ibid.*, hlm. 150.
5. *Ibid.*, hlm. 157.
6. Bancian Penduduk, Semenanjung Malaysia 1980 – hlm. 15.
7. *Ibid.*, hlm. 19.
8. J. Rabindra Daniel, "A General Survey on Education Amongst The Malaysian Indian Plantation Community", – *Malaysia in History*, Kuala Lumpur: Journal of The Malaysian Historical Society, 1979 – hlm. 84–90.
9. S. Arasaratnam, *Indian Festivals in Malaya*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, 1966 – hlm. 2.
10. _____, *Indian in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970 – hlm. 84.

EKONOMI MASYARAKAT SEMAI

ALBERT G. GOMES

Salah Tanggapan Mengenai Orang Semai

Orang Semai merupakan puak orang asli yang paling terkenal. Mereka diperikan sebagai puak orang primitif yang tidak suka bertindak secara agresif serta menjalankan kehidupan yang aman dan bebas tanpa tindakan-tindakan ganas dengan mengikuti nilai-nilai kebudayaan tertentu (lihat Dentan 1968 dan Robarcheh 1977). Bagi satu kumpulan ahli psikologi Anglo-Saxon, orang Semai, orang Senoi dan orang Temiar lebih popular dikenali sebagai orang mimpi kerana kononnya mereka boleh menguasai sesuatu mimpi serta melakukan satu jenis terapi (*therapy*) mimpi yang dikaitkan dengan kesihatan mental mereka (lihat Domhoff 1985). Orang-orang Semai juga popular di kalangan beberapa ahli antropologi fizikal berikutan penyelidikan ulung yang dijalankan oleh Alan Fix (1974) mengenai *genetic microdifferentiation*. Namun demikian, sistem ekonomi orang Semai kurang menerima perhatian. Sehingga kini, data mengenai bagaimana orang Semai mencari pendapatan adalah sedikit sahaja. Penulisan yang sedia ada memberikan satu gambaran yang kurang benar mengenai ekonomi orang Semai, yang mungkin adalah akibat daripada kurang perhatian yang diberi kepada perlakuan ekonomi mereka.

Orang Semai selalu digambarkan sebagai pekebun-pekebun swidden. Kewujudan mereka secara berpuak-puak biasanya dihubungkan dengan keadaan kemunduran mereka. Dalam perkara ini, hampir setiap orang Malaysia ataupun orang asing akan menganggap orang Semai (dan mungkin orang asli yang lain juga) sebagai penghuni hutan yang menjalankan kehidupan yang sederhana sahaja dan mencari pendapatan dengan cara mengumpul atau pun menjalankan pertanian primitif serta tidak mengetahui apa-apa tentang wang ataupun pasaran. Walau bagaimanapun, pemaparan gambaran tersebut dapat difahami kerana metos ini telah disebarkan dalam kertas kerja-kertas kerja akademik dan juga

dalam buku-buku teks sekolah serta dalam alat-alat pandang dengar (*audio-visual*).

Keterangan bertulis mengenai Orang Asli juga melukiskan gambaran tersebut sama ada secara implisit dan juga secara eksplisit. Ahli antropologi dari Amerika iaitu Robert Dentan, yang telah menjalankan satu kajian mengenai orang Semai pada 1962–1963, telah menggambarkan orang Semai sebagai petani sara diri yang hanya mempunyai penglibatan yang terhad dalam ekonomi pasar. Ada kemungkinan gambaran yang dibuat oleh Dentan mencerminkan kedudukan ekonomi orang Semai pada tahun 1960-an dengan tepat. Walau bagaimanapun adalah menghairankan jika keadaan itu masih wujud di kalangan orang Semai pada masa kini sedangkan kapitalisme (atau modenisasi) telah merebak dengan begitu cepat di segenap pelusuk kampung di Malaysia. Keadaan ini mungkin berlaku sekiranya orang Semai berjaya untuk menghalang kemasukan kapital (modal). Sukar untuk dipercayai bahawa orang Semai telah secara relatifnya tidak tersentuh oleh pengaruh ekonomi pasar kerana mereka telah terlibat dengan perdagangan hasil-hasil hutan dengan orang-orang luar sejak berabad-abad lagi yang pernah dicatatkan dalam catatan-catatan sejarah (lihat Dunn 1975 dan Gomes 1986 untuk perbincangan lanjut). Walaupun catatan sejarah ini hanya menonjolkan gambaran tipis mengenai imej orang-orang Semai tetapi ia masih wujud secara am dan tidak lenyap begitu sahaja serta masih wujud dalam urutan masa tanpa dicabari. Misalnya dalam buku beliau mengenai pengenalan Orang Asli, Iskandar Carey (1976) menggunakan perkataan umum iaitu Senoi (yang meliputi orang Semai), dan mengatakan mereka sebagai 'petani pindah' (m/s 177) dan menggambarkan mereka amat berdikari dari sudut pandangan ekonomi (m/s 196). Di dalam satu lagi hasil kerja mengenai Orang Asli, Terry Rambo (1977–1979) menulis bahawa:

"The Senoi are shifting cultivators living in small villages scattered widely through the forest. Although agriculture provides the bulk of the caloric need they also engage in considerable hunting and collecting of forest products both for self consumption and for trade with the outside world. Although trade has been carried on for thousands of years and is important to their survival particularly as the means for obtaining iron tools and salt, the Senoi are economically far more autonomous seemingly more primitive Semang".

Di dalam makalah ini saya akan menunjukkan bahawa imej mengenai sebahagian besar penduduk Semai ini adalah kurang tepat. Berdasarkan penyelidikan terbaru yang dilakukan oleh saya, Gomes (1968) dan Nicoles (1985).

Sebelum saya melakukan penyelidikan kedoktoran saya tentang masyarakat Semai, saya telah menganut pegangan di atas ini walaupun saya bersedia melakukan perubahan ke atasnya selepas menilai penulisan Clayton Robarchek dan Alan Fix. Walaupun pandangan ini dimajukan di dalam karya-karya penulis ini, mereka bagaimanapun telah membayangkan bahawa telah terdapat sedikit "perubahan" di beberapa buah kampung masyarakat Semai. Fix, misalnya menyatakan bahawa:

currently, several villages no longer have enough land remaining to practise swidden cultivation and depend almost entirely on cash received from rubber holdings for subsistence. (Fix 1977: 10)"

Dan Clayton Robarchek (1977) menegaskan bahawa:

"a major consequence of this development (rubber planting and JOA sponsored economic development projects), especially in the West where the transportation is relatively good, has been a decreasing reliance on subsistence gardening in favour of wage labour, the cultivation of rubber, the gathering and sale of various forest products, most notably rattan and bamboo, and the expansion of abori-culture . . . (1977: 10)."

Penjelasan Keadaan Sebenar

Di dalam satu kajian percubaan yang dilakukan untuk memilih kampung-kampung bagi penyelidikan secara mendalam, saya telah meninjau kawasan Tapah untuk mencari petempatan orang Semai yang menggabungkan pertanian jenis swidden dengan perdagangan hasil hutan. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti perhubungan ekonomi orang Semai dengan ekonomi pasaran yang lebih besar. Saya bertujuan untuk menyiasat dan memahami sifat perhubungan ini. Saya menjumpai beberapa kampung yang amat bersesuaian dengan kajian saya dan memilih untuk tinggal di salah satu daripada kampung tersebut. Apa yang menarik perhatian saya di kampung ini ialah timbunan rotan di tepi jalan yang telah dikumpulkan oleh penduduk kampung untuk dijual, serta pokok-pokok getah di sekeliling petempatan tersebut. Di situ, pada penglihatan saya, terdapat bukti-bukti yang nyata mengenai paduan pasaran yang diamalkan oleh mereka. Sejauhmanakah orang Semai bergantung kepada pasaran untuk

menampung hidup mereka? Saya telah mengandaikan bahawa penghuni-penghuni kampung menjalankan kegiatan pertanian swidden.

Setelah memeriksa secara lebih lanjut, saya dapati bahawa andaian saya adalah benar; di sekitar kampung itu terdapat beberapa ladang swidden. Di lima ladang tersebut terdapat padi bukit yang telah hampir masak, manakala beberapa lagi adalah ladang-ladang swidden tua (selai manah) dan beberapa lagi yang kelihatan telah ditinggalkan. Padi swidden itu adalah kecil (0.05 ha — 0.21 ha) jika dibandingkan dengan kumpulan padi swidden yang lain. Oleh kerana orang Semai adalah terkenal kerana pertanian jenis swidden, saya telah menjangka akan dapat menemui jenis padi swidden yang lebih besar dan lebih banyak. Adalah lebih menghairankan bahawa sebuah kampung kecil yang terdiri daripada sepuluh keluarga hanya boleh menanam empat plot kecil swidden (satu lagi telah ditanam oleh Semai dari kampung lain). Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada penduduk kampung itu tidak lagi berminat dalam pertanian swidden.

Untuk memastikan kekerapan penanaman swidden bagi satu tempoh masa yang lebih panjang, saya telah menanyakan penduduk-penduduk kampung mengenai penanaman padi swidden oleh mereka bagi tempoh 10 tahun yang lepas (1972—1982). Dari sepuluh keluarga tersebut, dua telah masing-masing menanam tujuh kali padi swidden, satu telah menanam enam kali, dua lagi telah masing-masing menanam tiga kali, tiga lagi telah masing-masing menanam sekali dan dua lagi tidak pernah menanam swidden langsung. Tambahan pula, mereka mendakwa bahawa saiz ladang-ladang tersebut telah berkurangan berbanding dengan tahun-tahun dahulu. Semasa penyelidikan dilakukan (Oktober 1982 — Januari 1984), tidak terdapat padi swidden yang ditanam di kampung itu. Dua keluarga, walau bagaimanapun, telah menanam ubi kayu swidden (menchar) berserta dengan macam-macam tanaman lain. Menurut pengamatan saya untuk tempoh sepanjang satu tahun (dalam satu jangkamasa penghasilan), aktiviti pertanian swidden (terutamanya penuaian) mengambil masa kurang dari 5% dari keseluruhan masa pengeluaran dua individu (enam pasangan).

Satu kajian mengenai semua kampung Semai (27 semuanya) di kawasan Tapah (lembah ke atas daripada Batang Padang) menunjukkan bahawa ini adalah keadaan sebenar yang wujud pada masa ini di kalangan orang-orang kampung di situ. Adalah jelas bahawa ini bukanlah satu perkembangan yang hanya dijumpai di kalangan orang kampung di Tapah kerana kajian mengenai orang kampung di tempat yang lain baru-baru ini telah juga menunjukkan bahawa kegemaran pertanian swidden ini telah mula berkurangan (walaupun tidak seketara di kalangan orang-orang Tapah) di kalangan orang Semai Betau dan Raub di

Pahang. Williams Hunt (surat peribadi) mendedahkan bahawa orang-orang di daerah Slim (Mai Slip) tidak lagi mengamalkan jenis pertanian swidden iaitu satu amalan yang telah diberhentikan sejak satu atau dua dekad dahulu. Dengan itu amat jelas bahawa ramai orang Semai pada masa kini tidak lagi mengamalkan jenis pertanian ini. Ramai orang telah menggantikan aktiviti ini dengan aktiviti ekonomi yang lain, walaupun masih ada orang Semai yang menjalankannya dengan cara kecil-kecilan. Hanya sebahagian yang amat kecil sahaja dari kalangan masyarakat Semai yang masih meneruskan pertanian swidden secara tradisional.

Pada kebanyakan orang, pertanian swidden telah menjadi sebagai satu aktiviti yang dijalankan oleh nenek-moyang pada masa dahulu. Walau bagaimanapun terdapat ura-ura di kalangan orang ramai untuk mengekalkan usaha tradisional ini untuk mengatasi bahaya perluputannya. Malangnya, adalah di luar kemampuan makalah ini untuk memberikan alasan atau penjelasan mengenai soal bagaimana orang Semai (sekurang-kurangnya yang terdapat di rantau Tapah) mencari pendapatan untuk kehidupan mereka pada masa ini.

Imej Baru

Selepas beberapa lama mengendalikan penelitian, saya mendapati bahawa orang Semai menumpukan perhatian mereka (diukur dari segi masa peruntukan) kepada usaha mengumpulkan buah, rotan, buluh dan serangga untuk dijual. Mereka juga berusaha untuk memburu dan menangkap ikan secara sederhana. Walau bagaimanapun, tidak seperti yang saya jangkakan. Mereka telah tidak memperuntukkan masa untuk menoreh getah walaupun pokok getah begitu mudah didapati dan orang Semai pula sentiasa kekurangan wang. Oleh kerana pada masa tersebut saya masih terbawa-bawa dengan ekologi saya, saya telah mentafsirkan apa yang saya lihat sebagai satu kes perkembangan negatif dalam evolusi kebudayaan orang Semai.

Dengan penekanan yang mereka beri terhadap pemungutan hasil-hasil hutan, saya terkesan bahawa kelihatan seolah-olah orang Semai telah mundur keadaannya dari penglibatan dalam pertanian swidden yang lebih maju ke satu kegiatan yang lebih mundur iaitu pemburuan dan pengumpulan hasil-hasil hutan. Berdasarkan penganalisan kerangka neo-Marxist di mana perbezaan dilakukan di antara pengeluaran untuk penggunaan dan pengeluaran untuk pertukaran, tafsiran saya juga berubah. Adalah jelas bagi saya bahawa apa yang sedang berlaku adalah satu peralihan berterusan daripada pertanian saradiri (berhubung dengan pertanian swidden) kepada pengeluaran komoditi. Seperti yang mungkin akan diperkatakan oleh orang Semai, berbeza dengan

masa lalu, orang sekarang lebih berminat untuk bekerja bagi "mencari wang" daripada bekerja untuk "mencari makanan."

Orang Semai (sekurang-kurangnya yang tinggal di kawasan-kawasan Tapah, Betau dan Slim) sebenarnya adalah pengeluar komoditi yang biasa. Mereka bukanlah orang yang berhaluan saradiri atau orang yang tidak ada hubungan dengan pasar. Mereka mengeluarkan barangan untuk sebuah pasar dari mana mereka akan mendapat kebanyakan daripada barang-barang keperluan mereka. Dari segi teknikal, mereka adalah terlibat secara sungguh-sungguh dalam pengeluaran komoditi serta juga dalam penggunaan komoditi. Mereka bergantung kepada pasar untuk menjual hasil mereka serta untuk mendapatkan juga benda-benda dan perkhidmatan yang mereka perlukan. Nampaknya kehidupan mereka ditentukan oleh perhubungan pasaran.

Dari kajian terperinci mengenai peruntukkan waktu pengeluaran di sebuah kampung Semai, didapati bahawa sampel (12 individu) meluangkan masa tiga kali lebih banyak ke atas pengeluaran komoditi mereka seperti pengumpulan buah-buahan (terutamanya durian dan petai), hasil-hasil hutan (seperti rotan, buluh dan serangga) khas untuk dijual kebanyakannya kepada peniaga-peniaga dan penoreh getah, daripada pengeluaran saradiri seperti pertanian swidden, penangkapan ikan dan memburu binatang. Ini membuktikan bahawa orang Semai lebih suka melibatkan diri dalam aktiviti yang menghasilkan wang. Ini dapat dilihat di mana mereka menjual barang yang dibuat bagi kegunaan mereka jika ada orang yang ingin membelinya. Di beberapa kampung, terutama yang terletak di kawasan tinggi, di mana sukar untuk menanam durian dan petai, mereka menanam jagung, sayur-sayuran dan bunga secara pertanian swidden dengan tujuan utama untuk jualan. Hal ini menimbulkan satu keadaan yang menarik di mana pertanian swidden, yang sentiasanya dikaitkan dengan ekonomi saradiri telah menjadi satu komoditi ekonomi. Begitu juga, menangkap ikan, katak dan memburu yang hanya dilakukan untuk tujuan sara diri (dan untuk rumahtangga) sekarang diamalkan bagi tujuan perniagaan.

Di beberapa kampung, terutamanya yang terletak berhampiran dengan tasik-tasik dan sungai-sungai besar, terdapat kegiatan penangkapan ikan di kalangan orang Semai khususnya untuk mendapatkan pendapatan kewangan. Di hampir semua kampung di rantau Tapah adalah biasa bagi pemburu menjualkan hasil-hasil buruan mereka, daripada mengagih-agihkannya kepada ahli-ahli kampung yang lain. Manakala terdapat beberapa orang Semai yang menyatakan rasa tidak senang mereka dengan amalan itu dan ramai yang telah mula menerimanya sebagai perbuatan yang mengikuti urutan zaman. Ini mungkin menunjukkan bahawa pemikiran orang Semai telah berubah supaya

sesuai dengan kehendak untuk "mendapatkan wang" yang semakin memuncak.

"Mencari wang" telah menjadi satu perkara yang biasa dan diutamakan di kalangan orang Semai. Wang, pada masa dahulu, merupakan satu benda yang tidak bernilai kepada orang Semai dan sekarang menjadi daya tarikan di dalam kebanyakan perniagaan dan perusahaan orang Semai. Kegiatan mencari wang oleh orang-orang Semai berpunca daripada pergantungan mereka kepada pasaran bagi keperluan bekalan makanan. Sampel rumahtangga di dalam kajian ini mendapat daripada pasaran 97% daripada bekalan beras, 93% bekalan ikan dan 88% bekalan daging mereka. Pelbagai kegiatan yang dilakukan oleh orang Semai untuk mendapatkan wang tambahan, serta tumpuan untuk merebut peluang bagi mendapat wang tambahan telah membolehkan mereka memperolehi pendapatan yang agak tinggi. Beberapa kegiatan untuk memperolehi wang yang dahulunya tidak diketahui oleh orang Semai telah mula diamalkan di dalam ekonomi mereka. Soalan yang timbul sekarang ialah berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh orang Semai.

Satu rekod mengenai pendapatan yang diperolehi daripada enam keluarga Semai bagi satu tahun mendedahkan satu purata pendapatan \$5372 setahun dengan kadar \$2686 hingga \$10427 bagi setiap rumahtangga. Namun demikian masih boleh diperdebatkan bahawa statistik pendapatan 6 rumahtangga tidak mungkin dapat mewakili keseluruhan penduduk orang Semai. Tidak boleh dinafikan kemungkinan ramai orang Semai memperolehi pendapatan yang lebih rendah; ada juga kemungkinan bahawa ramai yang hidup di bawah garis kemiskinan. Tetapi adalah menjadi suatu kenyataan bahawa dalam pilihan sampel secara rawak (walaupun kecil) mengenai rumahtangga orang Semai, angka setinggi \$10,427 setahun telah dikesan sebagai pendapatan wang tunai tahunan mereka. Terdapat tanda-tanda bahawa beberapa penduduk Semai di rantau Tapah memperolehi pendapatan wang yang lebih tinggi. Jika kita mengambil angka \$5372 sebagai angka purata pendapatan rumahtangga Semai, adalah penting disedari bahawa angka ini tidaklah begitu kecil berbanding dengan purata pendapatan orang luar bandar Malaysia yang berjumlah \$7080 setahun, dan adalah lebih sedikit daripada separuh daripada pendapatan rumahtangga purata Malaysia iaitu \$9156 pada tahun 1982. Keluarga yang telah memperolehi \$10,427 telah memperolehi 14% lebih daripada pendapatan purata keluarga Malaysia.

Harus ditekankan di sini bahawa, saya tidak mendakwa bahawa orang Semai kaya sekarang. Ramai di antara mereka yang masih miskin secara relatif dan menjalani taraf kehidupan yang lebih rendah berbanding dengan penduduk luar bandar Malaysia yang sederhana. Apa

yang nyata ialah mereka yang telah menerima dan mengambil bahagian secara aktif di dalam pelbagai jenis pengeluaran komoditi sederhana (yang diamalkan di banyak kampung orang Semai) adalah jauh lebih kaya daripada rakan-rakan mereka yang bergantung kepada pertanian sara diri. Kekayaan secara relatif ini telah tidak dicapai tanpa masalah. Antara masalah yang paling ketara adalah pertambahan pergantungan mereka terhadap pasar, dan dengan ini, mereka kehilangan autonomi secara relatif. Di dalam konteks perhubungan sosial pertambahan ekonomi komoditi telah membawa beberapa perubahan seperti perkembangan harta persendirian dengan kemerosotan pemilikan secara berkelompok (*communal ownership*), peningkatan amalan menyimpan dan kemerosotan dalam perkongsian dan kerjasama sesama buruh, yang kesemuanya telah mewujudkan perbezaan sosial di kalangan orang Semai. Dengan perkembangan kegunaan wang, perhubungan sosial jangka panjang yang biasanya dikaitkan dengan sistem kekeluargaan dan dikendalikan oleh hubungan timbal balik telah mula menjadi perhubungan yang ditentukan oleh wang tunai. Di kebanyakan petempatan orang Semai, perniagaan telah mula wujud dan kedai-kedai kecil didirikan untuk menjual bahan makanan asas dan minuman kepada sesama mereka. Satu lagi perdagangan yang lazim dilakukan ialah pembelian dan penjualan buah-buahan yang dikenali oleh mereka sebagai "pajak." Ini terutamanya dilakukan pada musim durian bila penduduk kampung (orang Semai juga) yang berniaga membeli durian dari orang Semai di kalangan mereka untuk dijual kepada orang luar terutamanya orang-orang yang lalu di jalan utama bagi memperolehi keuntungan. Tujuan orang Semai untuk memperolehi wang walaupun di kalangan mereka sendiri mungkin juga wujud kerana bertambah popularnya perjudian di kalangan orang Semai di kampung-kampung terutamanya dalam musim buah. Sekarang, amat biasa, dibuat bayaran kepada ahli kampung yang kadang-kadang mempunyai persaudaraan kerana menolong melakukan sesuatu kerja, padahal kegiatan sebegini, pada masa dahulu dianggap sebagai kegiatan gotong royong atau sebagai satu tanggungjawab di kalangan saudara mara yang rapat dan ahli kampung. Satu contoh ialah di mana seorang lelaki membayar \$140 kepada abangnya kerana mengumpul bahan-bahan bagi membuat bumbung rumah barunya. Dalam satu kes lagi, seorang lelaki meminta \$6 dari ahli keluarganya bagi mengangkut satu bateri bekal untuk dicajkan, yang memakan belanja hanya \$2. Agak menarik apabila orang tersebut menyatakan bahawa keuntungannya yang berjumlah \$4 itu, adalah berdasarkan kepada input modalnya (motosikalnya) dan bukannya berdasarkan kepada petrol ataupun usahanya sendiri.

Sehubungan itu, idea mengenai 'modal' sedang mula menular ke dalam perhubungan ekonomi dalaman orang Semai. Di dalam satu kes

yang menjelaskan hal ini terdapat satu keadaan di mana seorang Semai telah menuntut sebahagian keuntungan yang diperolehi dari penjualan ikan yang telah ditangkap oleh seorang Semai lain dan ahli keluarganya (yang didakwanya adalah rakan kongsinya) dengan alasan bahawa modalnya juga termasuk di dalam wang untuk membeli jala menangkap ikan. Adalah jelas bahawa, sebahagian dari wang yang diterimanya itu adalah kerana "pelaburannya" oleh kerana dia telah tidak terlibat secara langsung dalam penangkapan ikan.

Kesimpulan

Makalah ini telah menunjukkan bahawa imej orang Semai sebagai pekebum swidden yang mempunyai penglibatan yang terhad di dalam ekonomi pasar adalah menyeleweng memandangkan bentuk ekonomi yang wujud kini. Berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang didapati dari kajian baru-baru mengenai ekonomi orang Semai, adalah agak jelas bahawa orang Semai telah terlibat di dalam pengeluaran komoditi sederhana yang telah wujud akibat daripada kerjasama yang berterusan di antara ekonomi orang Semai dengan sistem ekonomi kapitalis yang lebih luas. Adalah jelas bahawa satu faktor yang menghidupkan ekonomi semasa orang Semai ialah pengiktirafan realistik yang dilakukan oleh kerajaan. Kerajaan Malaysia masih menerima imej orang Semai (dan orang asli yang lain) sebagai masyarakat subsisten yang mundur dan tidak terlibat dalam sistem pasaran. Oleh itu mereka dianggap sebagai orang yang memerlukan rancangan-rancangan 'pemođenan' untuk membawa mereka juga ke dalam "arus utama masyarakat" yang berdasarkan kepada pendekatan yang menyeleweng sememangnya akan melemahkan kemajuan pengeluaran komoditi sederhana dan kebebasan bertindak dalam pasar yang mereka ingin menyokong. Oleh itu adalah penting agar kerajaan menggubal satu dasar yang mengambil kira bentuk ekonomi orang Semai masa kini dan melaksanakannya untuk kepentingan orang Semai (dan lain-lain orang asli yang berkenaan).

Rujukan:

- Carey I. 1976. *Orang Asli the Aboriginal tribes of Peninsula-Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dentan, R.K. 1968. *The Semai: a non violent people of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

- Domhoff, W. 1985. **The Mystique of Dreams: A Search for Utopia Through Senoi Dream Theory.** Berkeley: University of California Press.
- Dunn, F.L. 1975. **Rain-Forest collectors and traders: a study of Resource Utilisation in Modern and Ancient Malaya.** Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. No. 5, Kuala Lumpur.
- Fix, A.G. 1971. **Semai Senoi population structures and Genetic Microdifferentiation.** Unpublished Ph.D Dissertation. Ann Arbor: The University of Michigan.
- Gomes, A.G. 1986. **Looking-for-money: Simple commodity Production in the Economy of the Tapah Semai of Malaysia.** Unpublished Ph.D Dissertation. Canberra: The Australian National University.
- Nicholas, C. 1985. **From subsistence to simple commodity production: economic relations in two Semai settlements.** Unpublished M.Sc. University Pertanian Malaysia.
- Rambo, T. 1979. **Semang Foragers, Senoi Swiddeners, and Pro-Malay Horticulturists: Three Malayan Aborigine Strategies of Sustained yield of forest land use and their relevance to contemporary problems of development.** Unpublished M.Sc.
- Robarchek, C. 1977. **Semai Nonviolence: A System approach to understanding.** Unpublished Ph.D. Dissertation, Riverside, University of California.

LATARBELAKANG PENULIS

ENCIK KAMARUL BAHRI BIN BUYONG adalah anak jati Perak yang dilahirkan di Pulau Tiga, Kampung Gajah. Beliau pernah bertugas sebagai guru sekolah untuk beberapa tahun. Beliau mendapat ijazah B.A.nya dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam Historic Preservation dari University of Vermont, Burlington, U.S.A. Kini, beliau sedang melanjutkan pelajarannya di peringkat Ph.D dalam bidang Antropologi di University of Pennsylvania, Philadelphia, U.S.A.

ENCIK MOHD. KASSIM BIN HAJI ALI merupakan seorang Kurator Etnologi di Muzium Negara di Kuala Lumpur. Beliau pernah mengikuti kursus mengenai numismatics dan philatelics di British Museum, London. Beliau adalah Fellow, Royal Numismatics Society of Great Britain. Kini beliau menjadi Timbalan Presiden, Persatuan Numismatics Malaysia. Beliau juga adalah Penasihat kepada Muzium Matawang Malayan Banking Berhad dan Bank Negara Malaysia. Beliau telah banyak menulis tentang numismatics dan pernah menghasilkan buku berjudul *Panduan Mengumpul Matawang Malaysia*.

DATO' KHOO KAY KIM adalah anak jati Perak yang dilahirkan di Kampar dan dibesarkan di Teluk Intan. Beliau adalah Profesor Sejarah Malaysia di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah banyak menghasilkan karya-karya berhubung dengan sejarah tanahair. Beliau mendapat ijazah B.A., M.A. dan Ph.D.nya dari Universiti Malaya dan pernah menyandang jawatan Ketua di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

DR. ABDULLAH ZAKARIA BIN GHAZALI adalah seorang Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah menerima ijazah B.A., M.A. dan Ph.D.nya dari Universiti Malaya. Tesis Kedoktoran beliau berjudul "Persaingan Di Antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835—1885." Beliau juga telah banyak menyumbangkan artikel ilmiah mengenai aspek-aspek tertentu sejarah tanahair.

ENCIK NUWAIRI HAJI KHAZA'AI adalah seorang Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau pernah mendapat latihan guru di Maktab Perguruan Sultan Idris dan di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai. Beliau juga pernah bertugas sebagai guru di Perak. Beliau mendapat ijazah

B.A. dan M.Phil. dari Universiti Malaya. Kini beliau sedang menjalankan penyelidikan mengenai Dialek Melayu Perak, Dialek-dialek Melayu Selangor, Bahasa Orang Mah Meri, Bahasa Orang Jah Hut, Bahasa Orang Kuala, Johor dan Bahasa Bajau, Sabah.

DR. ALBERT G. GOMES adalah bekas Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah mendapat ijazah B.A. dan M.A.nya dari Universiti Malaya. Ph.D.nya adalah di dalam bidang Antropologi dan telah diperolehi dari Australian National University, Canberra. Tesis beliau adalah mengenai Perhubungan Etnik Orang Asli. Kini beliau bermastautin di Australia.

ENCIK J. RABINDRA DANIEL adalah seorang Pensyarah di Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah mendapat ijazah B.A. dan M.A.nya dari Universiti Malaya. Beliau baru sahaja menyiapkan tesis Doktor Falsafahnya yang berjudul "A Study of the Indian Christian Community in Peninsular Malaysia."

